

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV

Bil. 51

Hari Selasa

3 November 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999

(Ruangan)

USUL:

- Anggaran Pembangunan 1999

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor

: Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 3 November 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA

1. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) minta Menteri Kesihatan menyatakan kejayaan dan tahap kesedaran rakyat terhadap program 'Minggu Penyusuan Susu Ibu'. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dan swasta serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mempertingkatkan pengetahuan penyusuan ibu di kalangan rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:
Tuan Yang di-Pertua, Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia telah disambut di seluruh negara pada 1 – 7 Ogos setiap tahun sejak 1992. Berbagai aktiviti diadakan di peringkat kebangsaan, negara dan daerah pada minggu ini termasuk mengadakan seminar, forum awam, pameran dan kaunseling serta pendidikan melalui media cetak dan elektronik. Minggu ini telah berjaya memberi dan mempertingkatkan kesedaran masyarakat serta pengetahuan orang ramai tentang pentingnya penyusuan susu ibu kepada ibu dan anak. Ini dapat dilihat dalam peningkatan prevalent pengusuan susu ibu daripada 85% pada tahun 1984 kepada 88.6% pada tahun 1997.

Bagi mempertingkatkan pengetahuan penyusuan susu ibu di kalangan rakyat Malaysia, latihan pengurusan lokasi juga telah dilaksanakan di kalangan kakitangan kesihatan supaya mereka dapat memberi tunjuk ajar kepada ibu-ibu ke arah penyusuan susu ibu yang berjaya. Jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi program

penyusunan susu ibu dari tahun 1993 sampai tahun 1998 di bawah dasar baru adalah sebanyak RM2,170,000 dan UNICEF sebanyak RM1,294,800 dan jumlah keseluruhannya ialah RM3,464,800 juta. Sekian, terima kasih.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu di Dewan yang mulia ini berapakah bilangan hospital di seluruh negara yang sudah dapat status ‘rakan bayi’ sebab saya ada difahamkan ia satu komponen dalam Program Penyusunan Susu Ibu.

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah hospital yang telah diberi pengiktirafan oleh WHO sebagai ‘hospital rakan bayi’ ialah 110. Pada 3 Mac 1998, Malaysia telah diiktirafkan oleh WHO sebagai negara ke tiga selepas Sweden dan Oman yang berjaya mencapai pengiktirafan ‘hospital rakan bayi’ bagi semua hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Susu ibu memang diakui terbaik untuk kesihatan dan bukan semua ibu mampu menyusukan sendiri anaknya kerana faktor kesihatan. Bagaimanakah tahap kesihatan dan kesuburan ibu di bandar ataupun di luar bandar dari golongan kaya ataupun miskin di seluruh Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak? Sekian, terima kasih.

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kelahiran di semua ‘hospital rakan bayi’ adalah sejumlah 33,925 pada tahun 1997, kita tidak ada masalah di mana-mana.

VANDALISME – JUMLAH KERUGIAN

2. **Dr. L. Krishnan (Teluk Kemang)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh kerajaan akibat kegiatan vandalisme di negara ini pada tahun 1996 dan 1997.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat dari Ledang, soalan yang sama yang sepatutnya dijawab pada 5 November 1998.

Kementerian ini tidak dapat memberi jumlah sebenar kerugian yang dialami akibat kegiatan vandalisme. Namun begitu, Kementerian ini merasakan jumlahnya adalah besar dan merugikan kerana peruntukan tersebut boleh digunakan bagi tujuan yang lebih berfaedah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi kemungkinan, dan saya percaya bahawa kerajaan telah rugi berjuta-juta ringgit akibat daripada vandalisme ini. Menyedari hakikat ini, apakah usaha-usaha yang telah kerajaan buat untuk mengatasi atau melancarkan kempen anti-vandalisme ini kerana setahu saya hanya di negeri Selangor sahaja, Kerajaan Selangor telah membuat peringkat negeri dan juga daerah untuk melancarkan anti-vandalisme ini. Jadi apakah di peringkat Persekutuan akan membuat kempen besar-besaran dan menyedarkan rakyat mengenai vandalisme yang boleh merugikan wang rakyat ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab berlakunya kegiatan ini ialah:

- (i) kedudukan harta awam yang tersorok ataupun jauh dari pandangan umum;
- (ii) tiada kawalan terhadap harta-harta awam;
- (iii) kurangnya kesedaran sivik.

Ada juga kadangkala berlaku kecurian wang dari peti-peti telefon. Antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah seperti ini ialah:

- (i) mengadakan rondaan berkala; dan
- (ii) menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah vandalisme tersebut.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah pun mengambil langkah-langkah yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Antara satu kejadian vandalisme adalah penagih dadah. Mereka mencuri penutup manhole plus iron, pili-pili bomba dan lain-lain logam yang boleh dijual di kedai logam lama iaitu second-hand goods shop. Adakah kementerian Yang Berhormat menjalankan kawalan lesen yang lebih ketat kepada kedai-kedai logam lama ini iaitu menghantar anggota-anggota penguatkuasa untuk menyiasat sama ada kedai-kedai ini membeli barang-barang yang dicuri oleh penagih-penagih dadah ini supaya jikalau ada berlakunya, lesen mereka akan dikawal dengan lebih ketat lagi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberikan maklumat yang tersebut dan saya yakin sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, kalau tidak ada pembeli sudah tentulah barang-barang ini tidak dicuri tetapi selain daripada itu ada juga misalnya peti-peti telefon dirosakkan begitu saja tanpa ada kecurian. Dan saya rasa ini lebih teruklah kerana ia menunjukkan bahawa tidak ada langsung civic-minded daripada masyarakat awam kita. Tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sekali gus ia vandalisme dan sekali gus juga mencuri tetapi ada juga kadangkala ia sengaja dirosakkan. Kebanyakannya peti telefon, mungkin telefon itu rosak, hendak digunakan tak boleh dan terus dirosakkan sama sekali. Ini saya rasa kita perlu tanamkan semangat ataupun kesedaran sivik di kalangan rakyat kita dan saya merayulah kepada Ahli-ahli Parlimen daripada semua pihak sama ada kerajaan ataupun pembangkang untuk bersama-sama dengan kerajaan menanamkan semangat civic-minded ini kepada masyarakat kita.

[Soalan No. 3 – Yang Berhormat Tuan Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) tidak hadir]

RUMAH KOS RENDAH DAN SEDERHANA - PENCAPAIAN SASARAN

4. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada sasaran pembinaan rumah kos sederhana dan rendah tercapai dan apakah langkah wajar yang diambil kementerian serta apakah masalah-masalah lain selain daripada kegawatan ekonomi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, pencapaian sasaran pembinaan rumah kos sederhana

dan rendah hanya akan diketahui apabila tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh berakhir pada penghujung tahun 2000. Bagaimanapun sehingga penghujung tahun 1998 adalah dianggarkan bahawa pencapaian pembinaan rumah kos rendah daripada sasarannya ialah 37.9%, rumah kos sederhana rendah ialah 12.7% dan rumah kos sederhana pula ialah 104.8%. Kementerian ini telah meminta kerjasama semua kerajaan negeri dan pelbagai agensi awam untuk membantu memudahkan pemaju-pemaju bagi melaksanakan projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana. Selain daripada masalah kegawatan ekonomi, masalah utama yang biasa dihadapi oleh pemaju-pemaju adalah perolehan tanah termasuk harga tanah yang tinggi. Masalah lain yang biasa ialah kerenah birokrasi yang masih wujud di peringkat agensi pelaksanaan dan kelembapan pihak-pihak bank dan institusi kewangan meluluskan pinjaman. Walaupun bank-bank tempatan pada masa kini sudah mempunyai kecairan tunai yang mencukupi.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini terdapat ramai pembeli rumah di projek kos rendah dan kos sederhana rendah di mana mereka telah mendapat kunci kepada unit yang mereka punyai itu tetapi tidak boleh masuk menghuni kerana tiada CF, sama ada CF ini dimohon oleh pemaju atau tidak. Jadi berdasarkan daripada masalah ini saya hendak tanya sama ada kerajaan ada rancangan atau berhasrat untuk mengubahsuai syarat-syarat di surat perjanjian di mana CF itu perlu diperolehi sebelum kunci diserahkan kepada pembeli. Sekian, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah pun membuat cadangan, dan tidak lama lagi akan dilaksanakan, supaya CF diluluskan dengan tempoh yang singkat. Maka dengan cara itu pihak pemaju hanya boleh mengeluarkan kunci setelah CF diluluskan. Pada ketika ini pengeluaran kunci diserahkan apabila bangunan siap dengan tujuan untuk pemaju mendapat bayaran daripada bank tetapi ini sudah menjadi amalan yang kita dapati tidak memuaskan. Maka pihak kementerian telah pun melulus dan tidak lama lagi akan melaksanakan sistem baru ini.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya tanya apakah sebab di antara rumah-rumah kos sederhana dan rendah yang patut dibeli oleh masyarakat yang kurang keupayaan dari masyarakat miskin tetapi ramai di antara rumah kos rendah ini telah terjual atau dengan sengaja telah dibeli oleh orang-orang yang berkemampuan. Dalam kes macam ini, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan supaya memastikan bahawa rumah-rumah kos rendah dan sederhana hanya akan dijual atau dibeli oleh masyarakat yang miskin?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Teluk Intan kalau ada kes-kes tertentu tolong bawa kepada kementerian sebab pada dasarnya orang yang berpendapatan lebih daripada had yang tertentu tidak dibenarkan membeli rumah kos rendah, tetapi ada juga di tempat-tempat di mana setelah pembeli pertama itu membeli, rumah berkenaan dipindah milik, ini juga tidak dibenarkan, tetapi disebabkan ada kelemahan-kelemahan dari peringkat penguatkuasaan maka ini masih berlaku. Jadi kalaulah Yang Berhormat ada satu kes atau beberapa kes yang tertentu, Yang Berhormat boleh membawa kepada kementerian, terima kasih.

FERI PULAU PINANG-BUTTERWORTH - PENSWASTAAN

5. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar Feri Pulau Pinang-Butterworth akan diswastakan kepada "Malay Chamber of Commerce Pulau Pinang" Jika ya, beri butir-butir tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Feri Pulau Pinang-Butterworth telah pun diswastakan bersama dengan operasi Pelabuhan Pulau Pinang kepada Penang Port Sdn. Bhd. pada 1 Januari 1994. Terdapat satu konsortium yang terdiri daripada Yayasan Perniagaan Melayu Pulau Pinang, JKP Sdn. Bhd. dan Intrakota Consolidated Berhad telah pada Jun 1997 memberi taklimat di Unit Perancang Ekonomi mengenai cadangan alternatif mode pengangkutan di Pelabuhan Pulau Pinang dan juga di mainland dengan

memperkenalkan projek Integrated Sea Commuters atau INTRAS di mana selain dari memberi perkhidmatan feri dari sembilan terminal feri, perkhidmatan feeder bus juga akan disediakan dari terminal feri itu. Perkhidmatan feri ini dihadkan kepada penumpang komuter sahaja. Dua dari perkhidmatan feri yang dicadangkan adalah terminal feri yang sedia ada sekarang yang dioperasikan oleh Penang Port Sdn. Bhd. Konsortium ini telah menyuarakan minat mengambil alih perkhidmatan feri yang sedang dijalankan oleh Penang Port Sdn. Bhd. dan integrate dalam rancangan INTRAS. Unit Perancang Ekonomi telah meminta konsortium ini mengemukakan cadangan yang lebih terperinci dan sehingga sekarang konsortium ini belum mengemukakan lagi cadangan terbaru. Inilah kedudukannya pada ketika ini.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sementara menunggu satu keputusan dari Unit Perancang Ekonomi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu langkah-langkah yang diambil supaya boleh meningkatkan mutu perkhidmatan, keselamatan dan keselesaan penumpang supaya kes seperti motokar jatuh ke dalam laut, menunggu feri di bawah matahari yang panas dan keselesaan penumpang apabila menunggu feri.

Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Penang Port Sdn. Bhd. memang menjalankan perkhidmatannya dengan cekap. Walaupun terdapat satu kes yang tidak diduga baru-baru ini di mana satu kereta Perodua yang jatuh ke dalam laut, bagaimanapun kes ini ibu bapa mangsa telah pun mengambil tindakan sivil ke atas Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Penang Port Sdn. Bhd. Oleh yang demikian kes ini adalah sub judice dan perbincangan lanjut tidak dibenarkan, jadi adalah sukar untuk kita membahaskan perkara ini.

Bagaimanapun, saya suka memaklumkan bahawa sebuah kereta Perodua Kancil berwarna putih telah diarahkan untuk menaiki feri Pulau Undan di Pengkalan Sultan Abdul Halim Butterworth pada jam lebih kurang 12.30 tengah malam 8 Ogos 1998 oleh kakitangan Penang Port Sdn. Bhd. yang bertugas pada waktu itu. Kereta tersebut

merupakan kereta pertama untuk menaiki feri pada ketika itu, kereta itu masuk feri dan apabila sampai hujung feri melanggar kayu penghalang dan terus melanggar pintu feri di hadapannya. Ini telah mengakibatkan pintu feri terkoyak keluar melebihi tahap maksimumnya dan seterusnya kereta tersebut menjunam ke dalam laut. Seorang nelayan yang secara kebetulan lalu di kawasan tersebut cuba memberi bantuan tetapi gagal kerana kereta tersebut telah tenggelam. Arus deras dan suasana gelap. Tempat kereta tenggelam telah ditandakan dengan pelampung keselamatan dan kerja-kerja penyelamat dan salvage digerakkan sepenuhnya oleh PPSB di sebelah pagi. Kereta tersebut berjaya dinaikkan pada jam 12.40 tengah hari pada hari yang sama 8 Ogos 98 dan mayat seorang lelaki bernama Encik Jong Wee Hong telah ditemui. Pernyataan tuntutan oleh ibu bapa serta teman wanita mangsa telah difailkan peguamcara mereka pada 24 September 1998.

Itulah kedudukannya dan nampaknya memang ada ciri-ciri keselamatan yang telah kita ambil tetapi kita tidak tahu bagaimana kereta itu telah meluncur seperti yang telah disebut, ini semua akan dibahaskan apabila perbicaraan dilakukan nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka juga memaklumkan penggunaan feri Pulau Pinang telah meningkat dari masa ke semasa. Ini bukti bahawa memang ada ciri-ciri keselamatan dan keselesaan penumpang, kalau tidak, tidak mungkin orang lebih ramai lagi menggunakan feri ini. Jika dilihat pada tahun 1997, 2.1 juta penumpang telah menggunakan feri di Pulau Pinang-Butterworth, kereta 1.3 juta, motosikal 470,000 dan pada tahun ini (1998) untuk enam bulan yang pertama, 1.7 juta orang telah menggunakan feri ini. Jika dikali dua tahun ini akan menjangkau hingga 3 juta orang. Kereta 365,000 dan motosikal 950,000, telah menggunakan feri ini iaitu dalam enam bulan pertama tahun 1998.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebab sistem feri ini perlu diswastakan memandangkan sistem feri yang sedia ada ini sudah baik dan apakah selepas

diswastakan akan memberi manfaat-manfaat yang tertentu kepada pengguna-pengguna feri tersebut?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Selepas diswastakan lebih efisien cuma satu kes tadilah, itu macam saya sebut, dia sudah masuk feri lepas itu dia tergeluncur – mungkin ada sebab-sebab yang tertentu. Jadi, kalau hendak kata tidak cekap kerana satu kes ini tidak boleh juga. Macam Yang Berhormat juga kalau bawa kereta sekali-sekali langgar traffic light, tidak bermakna Yang Berhormat tidak cekap memandu, cuma langgar peraturanlah. Ada apa hendak tanya lagi boleh bangun balik, tidak apa. *[Ketawa]*

INDUSTRI MODAL DAN KEWANGAN BERASASKAN ISLAM – LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN

6. **Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Malaysia mempunyai potensi besar untuk menjadi perkembangan industri modal dan kewangan berasaskan Islam dan menjelaskan apakah langkah-langkah dan rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang kerajaan untuk merealisasikan potensi ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, potensi Malaysia untuk membangunkan industri kewangan dan pasaran modal berasaskan Islam terbukti dengan pembangunan pasaran kewangan dan modal Islam yang telah dijalankan oleh kerajaan.

Sejak penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983 dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada 1984, sistem kewangan Islam terus berkembang apabila Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dilancarkan dan tertubuhnya sebuah lagi pengendali takaful, MNI Takaful Sdn. Bhd. pada 1993. Setakat 30 September 1998 sebanyak 51 institusi perbankan telah menawarkan kemudahan dan produk perbankan Islam manakala 2 syarikat takaful telah menawarkan kemudahan insurans Islam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pasaran modal Islam adalah dimaklumkan perkembangan pasaran modal Islam di Malaysia sebelum ini tertumpu khusus dalam pasaran bon. Saiz pasaran bon Islam meningkat daripada RM25 juta pada tahun 1992 kepada RM2,350 juta pada tahun 1996. Pada tahun 1998 peningkatannya lebih ketara iaitu menjangkau kepada RM6,890 juta dan peningkatan ini dijangka lebih agresif ditahun-tahun akan datang dengan adanya minat yang mendalam di kalangan institusi-institusi untuk menawarkan instrument modal berdasarkan syariah.

Dalam bidang pembrokeran saham pula, di samping BIMB Securities Sdn. Bhd. yang diberi lesen untuk menjalankan pembrokeran saham berlandaskan syariah, terdapat juga syarikat-syarikat pembrokeran saham konvensional yang menganjurkan kaunter Islam ataupun Islamic windows untuk pelabur-pelabur yang inginkan perkhidmatan pembelian saham berlandaskan syariah. Setakat ini terdapat sebanyak 4 buah syarikat menawarkan perkhidmatan seperti itu dan telah berjalan dengan lancar dan baik.

Industri Amanah Saham juga sedang berkembang. Kini terdapat 13 Skim Unit Amanah yang pengendalian dananya adalah berteraskan syariah berbanding sepuluh pada tahun 1997. Ini menunjukkan minat institusi untuk mengendalikan tabung unit amanah berlandaskan prinsip syariah semakin bertambah.

Dalam pada itu sejumlah 730 kaunter yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebanyak 542 kaunter iaitu 74% telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti sebagai kaunter halal.

Bagi memenuhi permintaan pesanan terhadap perkembangan sistem pasaran Islam, Suruhanjaya Sekuriti mengambil langkah-langkah positif untuk menumpukan perkembangan pasaran modal Islam supaya berjalan dengan lancar dan baik. Langkah yang diambil sehingga kini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah penyediaan infrastruktur yang sesuai untuk perkembangan berterusan pasaran modal Islam manakala langkah kedua pula, melibatkan pengembangan

instrument serta institusi pasaran modal Islam itu sendiri dan diikuti dengan langkah ketiga yang menekankan aspek pendidikan dan penerangan.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada kakitangan yang dilatih dalam perkembangan industri modal dan kewangan berasaskan Islam, selain daripada Bank Islam Research and Training (BIRT) adakah institusi-institusi lain yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi melatih kakitangan yang merupakan nadi kejayaan Bank Islam ataupun kaunter-kaunter SPTF kerana sejak akhir-akhir ini saya dapati bahawa kadar kakitangan yang meninggalkan Bank Islam adalah terlampau tinggi. Apakah langkah-langkah jangka panjang yang dirancang oleh kerajaan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kakitangan yang dilatih oleh BIRT telah pun berjalan dengan lancar. Sekarang ini apa yang dilakukan ialah untuk BIRT bersama-sama dengan universiti-universiti kebangsaan di negara kita dan di universiti-universiti luar negara untuk mengadakan twinning untuk memajukan lagi kakitangan yang terlatih.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan daripada Dato' Setiausaha Parlimen untuk menjelaskan tentang berapa banyak jumlah deposit yang diglobalisasikan oleh sektor perbankan Islam dan sejauh manakah kemajuannya setakat ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pada 30 September 1998, jumlah deposit yang diglobalisasikan oleh sektor perbankan Islam termasuk BIMB adalah sebanyak RM11.6 bilion manakala jumlah pembiayaannya sebanyak RM10.5 bilion. Perniagaan takaful terus meningkat dengan jumlah aset kumpulan wang takaful meningkat sebanyak 26.7% kepada RM559.2 juta sementara jumlah caruman kasar takaful dan caruman takaful keluarga meningkat 70.8% kepada RM434.6 juta pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di sini bahawa kita telah pun menubuhkan banyak instrumen-instrumen Islam seperti antara instrumen modal

berlandaskan syariah ketika ini ialah Al-Ijarah, Al-Murabahah, Al-Musyarakah, Biuddin, Istisnak, Hakkul Tamaluq, Hakkul Mali, Bai' Bithaman Ajil, Al-Mudharabah dan Al-Talfiq.

**WANG SIMPANAN PUSAT DI SINGAPURA –
JUMLAH CARUMAN RAKYAT MALAYSIA**

7. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) anggaran jumlah caruman rakyat Malaysia dalam Wang Simpanan Pusat di Singapura; dan
- (b) sejauh mana kita berjaya mendesak kerajaan Singapura membenarkan pekerja rakyat Malaysia yang meninggalkan Singapura untuk mengeluarkan wang caruman mereka dalam Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada masa ini kita tidak mempunyai anggaran perangkaan bilangan dan jumlah caruman rakyat Malaysia dalam Wang Simpanan Pusat (CPF) di Singapura. Kerajaan Malaysia telah berusaha untuk mendapatkan jumlah caruman berkenaan dari pihak Singapura tetapi semua usaha-usaha setakat ini tidak berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini seterusnya Kerajaan Malaysia telah pun mengemukakan permintaan kepada Kerajaan Singapura agar peraturan-peraturan CPF Singapura dilonggarkan untuk membolehkan pekerja-pekerja dari Semenanjung Malaysia mengeluarkan caruman mereka. Walau bagaimanapun Kerajaan Singapura telah menolak permohonan tersebut. Dalam hal ini Kerajaan Malaysia akan terus membangkitkan isu ini dengan Kerajaan Singapura untuk membolehkan pekerja-pekerja dari Semenanjung Malaysia yang telah berhenti bekerja di Singapura mengeluarkan caruman CPF mereka.

Dato' Joseph Chong Chek Ah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mempunyai wang caruman di Wang Simpanan Pusat di Singapura sebanyak S\$45,000.

Soalan saya ialah jika Kerajaan Singapura masih enggan membenarkan saya mengeluarkan wang caruman saya, bolehkah saya mengambil tindakan undang-undang collective legal action, dengan izin, melalui Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya tidak dapat memberikan kepastian tetapi kalau Yang Berhormat mengambil tindakan sebagai individu, itu terserahlah kepada beliau tetapi pada saat ini kita masih menggunakan cara perundingan untuk mendapatkan semua sokongan dari Kerajaan Singapura untuk melonggarkan syarat ini. Tetapi kalau dari segi tindakan saudara sebagai individu itu terserahlah kepada Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sebenarnya sebelum ini satu daripada soalan saya dan kerajaan telah menjawab lebih kurang RM3 bilion berada di Singapura kepunyaan rakyat Malaysia. Dalam keadaan ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada satu lagi polisi yang aneh oleh Singapura, iaitu ia membenarkan rakyat dari Sabah dan Sarawak serta Brunei mengeluarkan wang simpanan, akan tetapi dengan sebab-sebab yang tertentu rakyat di Semenanjung Malaysia tidak dibenarkan. Apakah sebabnya dan adakah ini kerana Singapura mempercayai bahawa selepas mereka telah merdeka pada tahun 1965, mereka menyalahkan Malaysia dan adakah ini yang menyebabkan mereka hanya membenarkan rakyat Sabah dan Sarawak mengeluarkan wang CPF dari Singapura.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa inilah satu cara di mana rakyat dari Semenanjung Malaysia tidak dibenar mengeluarkan wang caruman dan sebab-sebabnya hanya Kerajaan Singapura yang tahu dan saya tidak tahu.

FOOD SUFFICIENCY NEGARA – KESAN POSITIF

7. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilakah boleh dibuat kesan positif dari segi penukaran minda, tindakan dan sambutan syarikat-syarikat besar industri ini untuk mencapai tahap munasabah dalam 'food sufficiency' negara; dan

- (b) sama ada kementerian masih menerima pakai rancangan Perdana Menteri menjadikan Sarawak 'rice bowl of Malaysia'.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan:

- (a) Kerajaan memberi penekanan terhadap penglibatan syarikat-syarikat besar dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan secara komersial untuk meningkatkan tahap kecukupan makanan negara. Dalam hubungan ini, Dasar Pertanian Negara telah memperakui peranan syarikat-syarikat besar dalam sektor pertanian sebagai pemangkin kepada pembangunan industri makanan negara. Pelbagai insentif disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat besar menceburi dalam aktiviti sektor pertanian. Sehingga kini sambutan daripada pihak swasta adalah menggalakkan.
- (b) Dalam melaksanakan program pengeluaran padi negara kementerian berpandukan Dasar Pertanian Negara yang telah diluluskan oleh kerajaan. Selaras dengan dasar tersebut setakat ini pengeluaran padi ditumpukan kepada lapan jelapang padi di negara ini iaitu MADA di Kedah, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) di Pulau Pinang, IADP Seberang Perak, IADP Kerian Sungai Manik di Perak, IADP Barat Laut Selangor, KADA, Kelantan dan IADP Kemasin Semerak di Kelantan serta IADP Ketara di Terengganu. Selain daripada kawasan-kawasan tersebut kementerian juga menggalakkan tanaman padi di Sabah dan Sarawak terutamanya oleh pihak swasta bergantung kepada sambutan daripada pihak-pihak yang terlibat terutama sekali pihak swasta dan adanya kawasan-kawasan yang sesuai dan projek penanaman padi didapati viable atau menguntungkan. Maka

saya yakin, padi boleh ditanam secara besar-besaran di Sarawak dan Sabah.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sejauh manakah projek penanaman padi dijalankan di Sarawak dan sumbangannya untuk keperluan dalam negeri Sarawak sendiri dan bagaimana pula jumlah yang terpaksa diimport? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu. Sehingga kini Kementerian Pertanian telah meminta pihak swasta terutamanya Bernas untuk membuat pelaburan penanaman padi secara besar-besaran di Sarawak. Saya difahamkan rundingan telah pun berjalan dan kita akan menunggu keputusan untuk kajian dan lain-lain lagi. Jadi sehingga ini keseluruhan beras yang diimport dari Vietnam dihantar ke Sarawak dan juga Sabah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Banyak barang-barang yang boleh ditanam di negara ini tetapi kita import dari luar negara. Jagung dikatakan lebih murah membeli tetapi lebih mahal menanam tetapi sebaliknya pula kalau kita melihat seperti bawang kita import hampir RM10 juta, cili hampir RM6 juta satu tahun. Barang ini boleh ditanam dengan murah di Malaysia.

Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kementerian membuat penyelidikan keperluan-keperluan makanan negara supaya kita boleh mendapati mana satu sayur ataupun barang-barang makanan yang boleh ditanam secara murah oleh kerana keperluan negara boleh ditanam di negara ini dan kita memberi saranan kepada mereka yang berminat. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Memang sebelum kegawatan ekonomi kajian itu tidak begitu jelas kerana barangan import lebih murah daripada kita menanam di negara kita. Tetapi apabila berlaku kegawatan memang

barangan yang suatu masa dahulu murah sekarang sudah menjadi mahal kerana nilai wang kita telah jatuh. Lantaran itu kementerian bagi jangka pendek, sederhana dan panjang telah pun membuat kajian-kajian. Daripada situlah timbul idea untuk tanaman jagung dengan variety baru dan dengan kawasan yang mencukupi iaitu 10 ribu ekar ke atas. Kalau kurang kita rasakan tidak begitu viable.

Yang kedua, bawang ada beberapa buah negeri telah mencuba dan kita dapati agak sesuai dan dengan keadaan itu, insya-Allah kita akan keluarkan secara besar-besaran. Begitu juga dengan ternakan lembu di bawah ladang kelapa sawit kita dapati agak begitu viable dan kita akan cuba mengeluarkannya. Pendek kata apa Yang Berhormat tanya itu telah pun diambil tindakan dan sedang di dalam proses penanaman dan ternakan.

KONSEP BANDAR SELAMAT – PELAKSANAANNYA DI KUALA LUMPUR

7. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah konsep bandar selamat dan sejauh mana ia telah dilaksanakan di Kuala Lumpur dan bagaimanakah kedudukan kadar jenayah sejak negara dilanda krisis ekonomi pada tempoh 1.9.1997 hingga 30.9.1998 berbanding tempoh yang sama bagi tahun 1994-1995, 1995-1996 dan 1996-1997.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, konsep bandar selamat ialah satu program bersepadu ke arah mewujudkan bandar selamat daripada jenayah di mana ia berasaskan kepada prinsip pencegahan jenayah melalui pengurangan peluang untuk penjenayah-penjenayah melakukan jenayah. Oleh kerana konsep ini berasaskan kepada pencegahan jenayah maka tumpuan utamanya adalah mewujudkan suatu persekitaran fizikal yang boleh mencegah jenayah dengan kerjasama erat antara pihak kerajaan dan orang ramai.

Kedudukan kadar jenayah bagi seluruh negara pada 1.9.1994 sehingga 30.9.1995 ialah 84,867 kes berbanding 79,189 kes bagi tempoh yang sama 1995/1996. Bagi tempoh yang sama 1996/1997 jumlah kes yang telah dilaporkan ialah 116,686 kes. Sementara bagi tempoh 1997/1998 ialah 164,389 kes iaitu kenaikan 40.9%.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, konsep bandar selamat hanya dari segi jenayah sahajakah, tidak termasuk sopan-santun. Saya dapati kalau jenayah sahaja, tetapi dengan sifat sopan-santun orang baik-baik, selepas itu kurangkan penghasut-penghasut. Sebab kalau ada banyak penghasut kita takut juga hendak berjalan. Macam di Cheras, mereka menghasut penduduk di situ, kadangkala kita takut juga hendak berjalan tengah malam, tidak semesti ada penjenayah. Ianya mesti kena ada sampingan selain daripada selamat daripada jenayah, masyarakat di situ bersopan-santun, banyak orang baik-baik, tidak ada penghasut-penghasut yang merosakkan keadaan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengambil Cheras sebagai satu contoh. Tetapi sebenarnya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang tepat bagi seluruh negara dan di mana-mana juga tempat. Sebagaimana kalau kita baca sebuah buku karangan wanita pertama Amerika, Hillary Rodham Clinton, katanya "It takes a village," bermakna, ia mengambil sebuah kampung untuk kita mengatasi masalah sosial, sama ada masalah dadah, masalah kecurian kecil dan berbagai-bagai lagi memerlukan keseluruhan masyarakat. "It takes a village", kata Hillary Rodham Clinton.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi ini di mana juga kita pergi, kita akan tahu kawasan ini selamat, kawasan ini tidak selamat. Bermakna bahawa kedudukan kawasan-kawasan tadi sebagaimana ibu bapa menjaga anak-anak dan

bagaimana pemikiran rakyat di kawasan yang tersebut sebenarnya akan dapat memastikan sama ada kawasan itu bebas daripada jenayah ataupun sesuatu kawasan itu berlaku jenayah dengan lebih banyak daripada kawasan yang lain.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan rancangan untuk mengadakan 'Central Monitoring System' supaya dengan sistem itu dapat mengurangkan kadar jenayah di negara kita ini terutama di bandar-bandar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, kerana sebenarnya saya pun ada tulis di sini Central Monitoring System (CMS). Tetapi Central Monitoring System (CMS) ini lazimnya hanya boleh diwujudkan di kawasan-kawasan perumahan yang baru. Kerana untuk kita mengadakan Central Monitoring System, maka penduduk dalam kawasan yang berkenaan mesti bersetuju supaya rumah mereka ada alarm system. Apabila alarm system ini kita sangkutkan kepada talian telefon ataupun communication line, maka apabila berlaku jenayah dengan sendirinya talian telefon tadi akan pergi kepada satu tempat yang kita sebut sebagai pusat kawalan, dan di pusat kawalan ini sedia menanti seorang pengawal. Mungkin untuk 100-200 buah rumah kita adakan satu pusat kawalan. Daripada pusat kawalan ini ianya boleh disalurkan kepada balai polis.

Jadi, apabila berlaku satu-satu jenayah ataupun kecurian di sesebuah rumah, maka alarm akan berbunyi, dan orang yang menjaga di pusat kawalan akan pergi ke rumah yang berkenaan, dan mungkin dia tidak perlu pergi, dia akan buat panggilan telefon, kalau tidak dijawab, maka ianya akan pergi ke rumah yang berkenaan. Kadangkala mungkin yang berlaku ini rompakan, dia akan telefon. Kalau dia tanya 'is everything okay', kalau jawabnya 'okay', maknanya tidak 'okay', dia akan pergi. Macam-macam cara yang boleh digunakan. Akhir sekali apabila berlaku kecurian ataupun rompakan, maka pusat kawalan tadi boleh menghubungi polis yang akan dapat sampai ke tempat berkenaan dalam masa lima ataupun enam minit. Ini boleh dilakukan

kalau semua penduduk dalam satu-satu kawasan bersetuju untuk mengadakan alarm system bagi rumah mereka, dan mereka juga bersetuju untuk membayar pewujudan Central Monitoring System ini. Tetapi daripada kajian yang dibuat, ianya lebih sesuai diwujudkan bagi kawasan-kawasan perumahan yang baru. Bagi kawasan perumahan yang lama mungkin menimbulkan sedikit masalah.

SYARIKAT ASING MELABUR DALAM MSC – JUMLAH

10. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) syarikat asing yang telah melabur di dalam MSC dan jumlah serta dan bidang pelaburan yang telah dibuat; dan
- (b) kesan yang akan timbul hasil dari kawalan pertukaran mata wang terhadap pembangunan MSC dan nyatakan perkembangan pembangunannya setakat ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 179 syarikat yang telah diberi status MSC setakat 28 Oktober tahun ini, 62 buah atau 35% daripada jumlah itu adalah syarikat asing. Syarikat-syarikat tersebut adalah dari negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Jepun dan beberapa negara lain. Jumlah pelaburan adalah sebanyak RM4.5 bilion untuk jangka masa lima tahun dalam bidang pelaburan termasuklah integrasi sistem, latihan dan pendidikan, software, telekomunikasi content, elektronik, heavy user dan post production, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga syarikat-syarikat yang bertaraf MSC adalah dikecualikan daripada kawalan pertukaran mata wang. Akan tetapi pengecualian ini hanyalah diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut dan bukannya kepada para pekerja yang terlibat. Pengecualian adalah diberikan kepada pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini merangkumi modal yang dibawa masuk dan dibelanjakan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti-aktiviti MSC yang diluluskan.

Dalam hal ini juga kerajaan menjangkakan bahawa pembangunan MSC tidak akan terjejas akibat kawalan mata wang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembangunan MCS adalah mengikut jadual seperti berikut:

- (i) Fasa 1, Universiti Multimedia akan siap awal tahun depan;
- (ii) jalan utama menghala ke Universiti Multimedia dari Jalan P.15 sudah siap 96.6%;
- (iii) jalan utama untuk memasuki Cyberjaya pula dijadualkan siap pada penghujung tahun ini;
- (iv) terdapat 30 lagi permohonan baru untuk mendapat taraf MSC;
- (v) 19 buah syarikat telah menempatkan diri masing-masing di Ibu Pejabat MSC di Cyberjaya;
- (vi) 40 unit apartment perkhidmatan adalah dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun;
- (vii) pelbagai kemudahan asas seperti bekalan air, api dan telekomunikasi juga telah siap di pasang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini futurist yang terkemuka, Alvin Toffler, ada menulis bahawa sungguhpun Malaysia sudah berjaya untuk menarik sokongan syarikat-syarikat IT yang terbesar termasuk Ugc dan lain-lain, dalam usaha MSC menjadi anggota dalam International Panel MSC, tetapi apa yang berlaku baru-baru ini krisis politik dan cara krisis politik sudah berjalan, cara bekas Timbalan Perdana Menteri halnya dan lain-lain akan memudaratkan perkembangan dan kejayaan MSC oleh kerana syarikat-syarikat atau syarikat-syarikat IT akan datang dalam iklim semacam ini, tidak akan menggalakkan perkembangan suasana yang bebas. Adakah kerajaan akan buat satu kajian yang mendalam sama ada krisis politik ini akan memudaratkan perkembangan MSC di negara kita dan menjahanamkan masa depan IT Malaysia?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setelah berlakunya kegawatan ekonomi dan perkembangan politik yang

terbaru ini, kita mendapati bahawa tiada implikasi ke atas pelaksanaan projek-projek MSC dan setakat ini tidak ada satu pun syarikat asing yang telah diberikan status MSC telah menarik diri dari penyertaannya dan pada hakikatnya setiap 1 haribulan Ogos kita mendapati 14 lagi permohonan baru dan di antaranya adalah permohonan dari negara-negara asing termasuk USA, Taiwan, Sweden, Eropah dan sebagainya.

Dr. Ramli bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara tujuh flagship yang kita rancangkan di MSC ini ialah termasuk penggunaan smart card. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah bentuk ataupun jenis kemudahan yang ada dalam smart card yang akan kita gunakan dan adakah kita sudah bersedia dari segi hardware di seluruh negara untuk penggunaan smart card ini dan bilakah sebenarnya smart card ini akan betul-betul digunakan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, di antara tujuh flagship application yang dicadangkan untuk dilaksanakan di kawasan MSC ini, empat flagship application adalah merupakan projek kerajaan iaitu electronic government, telemedicine, smart card ataupun multi purpose card dan juga satu lagi ialah smart school.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keempat-empat projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ini adalah berjalan dengan baik dan kebanyakannya adalah dalam peringkat contract negotiation dalam peringkat yang terakhir di mana MTC sedang mengadakan negotiation dengan consortium yang telah berjaya mendapatkan tender untuk melaksanakan keempat-empat projek flagship application yang saya sebutkan tadi dan dijangka kesemua empat flagship application termasuk smart card yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ini dijangka akan bermula berjalan pada awal tahun hadapan.

Selain dari itu, tiga lagi flagship application iaitu borderless marketing centre, R&D cluster dan juga worldwide manufacturing web, ini adalah merupakan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh syarikat-syarikat MSC yang telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan dan mereka sedang pun menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut.

**PENDIDIKAN PERINGKAT MATRIKULASI –
DIFRANCAISKAN**

11. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian masih lagi bercadang untuk memfrancais pendidikan peringkat matrikulasi untuk memasuki universiti-universiti awam tempatan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan bertanggungjawab mengendalikan program matrikulasi asasi yang sekarang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi awam. Sebanyak empat buah kolej matrikulasi sedang dibina dan setiap kolej boleh menampung 3,000 orang pelajar.

Di samping itu, kementerian akan menggunakan beberapa buah maktab perguruan sebagai kolej matrikulasi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Pihak MARA juga telah bersetuju membenarkan kolej-kolej MARA menjalankan program matrikulasi Kementerian Pendidikan yang boleh menempatkan sekitar 3,000 orang pelajar.

Namun demikian, sekiranya pada peringkat awal tempat tidak mencukupi bagi menampung pelajar-pelajar yang layak mengikuti program matrikulasi, Kementerian Pendidikan mungkin memfrancaiskan program matrikulasi kepada beberapa institusi pengajian swasta yang mempunyai kemudahan tenaga pelajar dan infrastruktur seperti asrama, bilik kuliah, makmal dan kemudahan perbelanjaan yang lain.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, program matrikulasi ini adakah setelah berlaku perundingan dengan pihak Kementerian Pendidikan sama ada jalan belakang atau jalan depan, setelah mereka dapat matrikulasi itu baru mereka cari kolej iaitu mereka tidak sediakan tempat kolej ataupun institusi pengajian tinggi swasta yang cukup lengkap dahulu, seperti mereka tahu mereka akan dapat dahulu pelajar itu baru mereka mencari tempat. Tolong beri ulasan sedikit adakah perkara ini berlaku dan beri sedikit ulasan bagaimana dipilih tempat-tempat yang difrancaiskan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh tarik balik perkataan ‘belakang’ atau ‘depan’ itu, jangan gunakan perkataan yang boleh sakitkan hati.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak ada, tidak ada, tidak niat lucah sama sekali. *[Ketawa]* Very innocent word itu.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan ada perancangan yang sempurna dan lengkap tentang keperluan tempat, tentang persediaan kolej-kolej kemudahan dan sebagainya. Tetapi sungguhpun kita ada pelan-pelan yang sudah lama kita jalankan atas masalah kegawatan ekonomi, kerajaan terpaksa, dahulunya pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negara terpaksa ditempatkan mereka di dalam negeri dan dalam keadaan yang seperti itu pada tahun yang dahulu mungkin kita menghadapi keadaan kekurangan tempat dan dalam keadaan itu kita mesti mencari kolej-kolej swasta yang boleh menampung pelajar-pelajar.

Namun demikian, selepas cabaran itu kita sudah ada perancangan yang lebih sempurna untuk mengatasi masalah yang disebabkan oleh kegawatan ekonomi.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekarang ini kita dapati bahawa pelajar-pelajar matrikulasi yang belajar adalah dianjurkan oleh universiti-universiti yang berkaitan. Dengan adanya pengambilan di peringkat matrikulasi ini oleh Kementerian Pendidikan, adakah pelajar-pelajar yang lulus daripada pusat matrikulasi ini boleh memasuki mana-mana universiti awam dan kalau tidak cukup tempat sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi akan difrancaiskan, apakah asas-asas dalam pemilihan institusi pengajian swasta untuk mengendalikan peringkat matrikulasi secara francais ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebab utama kita asingkan matrikulasi dengan universiti ialah untuk membolehkan universiti-universiti awam itu mengadakan tempat yang lebih untuk menampung lebih banyak pelajar di universiti-universiti. Dalam konteks ini apabila kita menubuhkan pusat matrikulasi, setiap pusat

matrikulasi akan bekerjasama dengan rapat di antara sebuah IPTA dengan universiti tempatan supaya semua pelajar yang lulus kursus itu boleh ditempatkan dalam universiti berkenaan dan universiti tersebut akan bertanggungjawab menentukan kualiti kursus itu supaya mengikut keperluan universiti tersebut.

Tentang pilihan kolej-kolej swasta dari segi difrancaiskan, asas utama ialah kolej-kolej swasta itu mesti mempunyai infrastruktur yang lengkap seperti bilik kuliah, asrama dan sebagainya dan selain dari itu kolej itu haruslah mempunyai satu rekod yang membuktikan bahawa kolej itu boleh menawarkan program-program dengan berkualiti tinggi dan memanglah dari segi itu pensyarah-pensyarah yang mempunyai kelayakan yang tinggi adalah penting.

TABUNG HAJI – PEMBELIAN SYARIKAT DRB-HICOM

12. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Perdana Menteri menjelaskan:-

- (a) apakah rasionalnya Lembaga Tabung Haji memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk membeli anak syarikat DRB-HICOM; dan
- (b) apakah pembelian ini atas arahan kerajaan atau atas pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji. Bagaimana pula pandangan panel penasihat syariah atau majlis fatwa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tabung Haji melabur RM250 juta dalam Kumpulan DRB kerana pelaburan ini memenuhi dasar pelaburan Tabung Haji iaitu:-
 - (i) menepati hukum syara';
 - (ii) pulangan pelaburan yang tinggi;
 - (iii) risiko yang rendah;
 - (iv) imej dan pengalaman rakan kongsi yang baik; dan
 - (v) syarikat merupakan syarikat yang ternama.

- (b) Keputusan pelaburan dibuat bukan kerana arahan kerajaan tetapi atas pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Kajian Pelaburan dan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji. Pendekatan pelaburan yang digunakan adalah berasaskan konsep Murabahah dan instrumen ini diluluskan oleh Majlis Syariah sebagai instrumen pelaburan yang dibenarkan oleh syara'.

Dalam Perjanjian Murabahah, Tabung Haji tidaklah memegang hak milik saham-saham berkenaan selama-lamanya. Tetapi DRB-HICOM akan membeli balik dengan memberi keuntungan yang tertentu kepada Tabung Haji.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen daripada Maran, orang kuat Maran ini, mengatakan pelaburan-pelaburan Tabung Haji dikendalikan mengikut syarak, dan dalam isu strategi dan cara melabur, saya hendak bertanya sedikit, selain daripada pelaburan-pelaburan ini mengikut syarak, adakah Tabung Haji juga mengendalikan dengan cara yang baik, dengan bijak supaya ada pulangan yang tinggi. Saya bertanya begini sebab ada berita-berita desas-desus yang saya kira tidak benar, kononnya pelaburan-pelaburan dalam Tabung Haji tidak membawa pulangan yang baik, kononnya Tabung Haji tidak boleh mengeluarkan wang yang hendak dikeluarkan oleh pencarum-pencarum. Bolehkah Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen mengesahkan bahawa ini tidak benar, berita-berita angin yang saya katakan tadi.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar Tabung Haji memilih syarikat-syarikat untuk dilabur ialah syarikat-syarikat yang kita telah nyatakan tadi, yang ternama dan yang sentiasa memberi keuntungan. Yang kedua juga kita berpandu kepada mengikut hukum Islam dan kita menjalankan perniagaan ini mengikut beberapa cara, jual beli ataupun perniagaan yang berasaskan konsep Islam sebagaimana Al-Istisnak, Murabahah, Mudharabah, Musyarakah, Bai'

Bithaman Ajil dan sebagainya. Ini semua merupakan term ekonomi yang dipelopori oleh Islam itu sendiri. Jadi boleh dikatakan keseluruhan perniagaan yang dijalankan oleh Tabung Haji berdasar kepada konsep-konsep Islam. Dan kita juga mempunyai pakar-pakar penasihat, bukan sahaja orang itu mahir dalam cara perniagaan daripada segi pentadbiran dan lain-lainnya, bahkan juga kita mempunyai ulama-ulama yang faham dalam hal perniagaan Islam.

Jadi dalam gabungan ini, pada keseluruhannya memang kita di atas kemampuan sebagai manusia, memang kita berdasarkan kepada yang paling baik yang dijalankan oleh Tabung Haji itu sendiri. Tetapi dalam perniagaan sudah tentu berlakulah kadangkala naik, ada turun, tidak terkecuali mana-mana syarikat sekalipun. Oleh itu walaupun kadangkala kita juga mengalami kerugian tetapi maknanya atas pilihan ini, kita tidaklah terlalu amat merasakan kerugian yang menimpa kepada Tabung Haji. Jadi kalau sekiranya ada di antara orang tertentu yang memberitahu kepada orang ramai, yang mana Tabung Haji ini sudah tidak ada wang lagi, memang tidak tepat langsung. Kalau sekiranya hendak cari propaganda, janganlah menggunakan perkara yang menghasuti orang ramai, besar dosanya. Jadi kita cukup yakin dan kita meyakinkan kepada rakyat bahawa Tabung Haji mampu untuk mengeluarkan duit pencarum bila-bila masa, bahkan dahulu, kita benarkan sebulan sekali ataupun sebulan dua kali, sekarang ini kita benarkan pencarum-pencarum untuk mengeluarkan duit mereka tiap-tiap hari. Inilah cara yang dibuat oleh Tabung Haji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahlli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 3 dan 13 hingga 22 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “ Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih RM18,053,037,700 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntungkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan” [2 *November 1998*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Serdang.

11.04 pagi

Dato’ Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam memperbahaskan Belanjawan tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1999 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I di Dewan yang mulia ini telah memberi garisan dan pedoman dan strategi-strategi untuk memulihkan ekonomi kita ini. Salah satu strategi yang telah dibentangkan yang menarik hati saya ialah menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan kerajaan ini telah memberi kesan kepada golongan miskin supaya mereka akan menikmati perkhidmatan yang lebih cemerlang, walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi pada kini. Janjian atau jaminan daripada kerajaan telah memberi peruntukan supaya memastikan bidang-bidang seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan desa dan bantuan-bantuan kepada golongan miskin diteruskan. Bukan sahaja diteruskan, tetapi peruntukan ditambah selaras dengan dasar kerajaan, membina rakyat iaitu tradisional Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya belanjawan yang dibentangkan ini, walaupun menghadapi defisit yang agak besar, tetapi tujuan kerajaan supaya boleh memberi kesan untuk memulihkan ekonomi kita. Dengan yang demikian, saya rasa Rancangan Malaysia Ketujuh, telah dirangka dan disetujui tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi ini supaya setengah-setengah projek kerajaan telah ditangguhkan.

Kalau kita mengkaji projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh itu yang ditangguhkan itu juga terlibat secara langsung dengan kepentingan rakyat. Begitulah saya harap supaya kerajaan akan mengkaji semula di mana rancangan-rancangan atau projek-projek yang di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh itu, yang ditangguhkan itu dapat dipulihkan supaya rakyat akan menikmati projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat Malaysia yang cintakan kepada negara tentu sekali akan merasa cemas dan kluatir tentang apa yang berlaku kini, akibat strategi yang diatur oleh sesetengah pihak untuk menggantikan kepimpinan negara kepada mereka yang lebih cenderung kepada cara Barat. Agenda ini akan diteruskan hingga mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi telah dilakukan ialah manipulasi kewangan terhadap negara kita yang menyebabkan kelembapan ekonomi yang diharapkan menjuruskan kepada pinjaman daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Salah satu juga strategi telah dilakukan dengan adanya media asing yang

menggembar-gemburkan isu dalaman kita hingga jiran yang baru dilantik atau dipilih sebagai pemimpin negaranya mencampuri hal dalaman kita.

Tuan Yang di-Pertua, ingatan kita masih segar di mana dalam persidangan di Manila, Philippines, baru-baru ini soal campur tangan jiran telah ditimbulkan tetapi dalam bangkangan dan usul tersebut telah ditolak oleh persidangan itu. Prinsip yang terpenting dan sebaik-baiknya dalam hubungan antarabangsa dan diplomasi adalah tidak campur tangan dalam urusan rumah tangga negara lain. Sebagaimana yang diketahui kekuatan ASEAN semenjak pakatan ini telah ditubuhkan 31 tahun dahulu ialah persafahaman antara negara anggota tidak campur tangan dalam polisi dalaman masing-masing dan persetujuan ini dihormati dengan prihatin dan teliti sehingga akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggota ASEAN yang matlamatnya memperjuangkan dan mempertahankan rantau ini sebagai zon bebas, aman dan berkecuali dan tidak bersetuju dengan kritikan atau campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesama negara anggota. Jika negara anggota ASEAN mula melakukan kritik sesama negara anggota akan berlaku keadaan yang buruk, kerana negara ASEAN mempunyai banyak benda yang boleh dikritik sesama sendiri. Maka jangan dibiarkan negara sendiri diperalatkan oleh pihak asing untuk mengugat perpaduan ASEAN.

Tuan Yang di Pertua, adalah penting rakyat jelata menyedari bahawa negara kita berada di dalam kedudukan ekonomi yang sukar akibat kejatuhan nilai mata wang Ringgit dan kemerosotan pasaran faham serta defisit yang agak besar dalam kewangan kerajaan. Walaupun negara kita telah dimiskinkan, tetapi dengan adanya langkah-langkah drastik yang dikenakan melalui cadangan-cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara termasuk peruntukan untuk menggerakkan infrastruktur, menubuhkan Danamodal dan Danaharta dan untuk merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di Pertua, belanjawan yang dibentangkan memberi garisan yang cerah bagaimana persediaan negara untuk menghadapi zaman payah dengan langkah di

samping menjimatkan dan menyuntik belanjawan untuk mencergaskan semula ekonomi yang beku dan kaku pada masa kini. Saya berpendapat bahawa setiap rakyat jelata wajar mengikat pinggang keselamatan kerana di hadapan gelombang ekonomi sedang menunggu dalam saat-saat cemas menentukan sama ada kita percaya atau sebaliknya keluar daripada kegawatan ekonomi yang melanda ini. Saya menyeru rakyat jelata dan memahami langkah-langkah yang terpaksa diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di Pertua, selagi rakyat jelata bersama dengan kerajaan dan langkah-langkah yang disenaraikan baik melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan kini apa yang diperincikan melalui belanjawan adalah diyakini negara kita akan dapat membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi dan keluar dari suasana kegawatan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa belanjawan dibentangkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, telah menyatakan, dan saya memetik "...tetapi ketika Jepun mencadangkan Dana Asia yang menawarkan US\$100 bilion untuk maksud ini, Amerika Syarikat menyeru Jepun membatalkan cadangan tersebut kerana ia akan menjejaskan kuasa IMF ke atas dasar kewangan negara Timur. Kini Jepun sekali lagi mencadangkan mengadakan dana US\$30 bilion untuk memberi pinjaman kepada negara-negara Asia. Kita harap Amerika Syarikat tidak akan menjadi batu penghalang sekali lagi."

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kelakuan dasar luar Amerika Syarikat telah pun diketahui umum, tetapi rakyat Malaysia dapat merasa tekanan yang dilakukannya. Sikap angkuh Amerika Syarikat yang selama ini bersikap seperti polis dunia dan seboleh-bolehnya mahu semua negara lain tunduk di bawah telunjuknya. Amat menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila kuasa besar berbuat sesuka hati tidak ada siapa berani menegur termasuklah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tanda-tanda menunjukkan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat ingin kekalkan

kuasanya ke atas ekonomi negara membangun supaya ia dapat digunakan untuk memajukan politiknya.

Tuan Yang di-Pertua, ketenteraan, diplomatik ini masih tidak terlalu lewat untuk diperbetulkan oleh Amerika Syarikat sendiri. Kesedaran telah ada, Tuan Yang di-Pertua, cuma langkah positif Amerika Syarikat belum nyata untuk mencegah perasaan anti-Amerika Syarikat yang tidak perlu untuk lari terus merebak mendalam dan mengakar di dalam hati sanubari rakyat Malaysia. Saya bersetuju dan menyokong pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa negara kita tidak boleh menaruh harapan kepada kuasa-kuasa besar akan membina nasib kita, tetapi pembinaan nasib kita adalah tanggungjawab kita. Tuan Yang di-Pertua, kita mahu dunia tahu bahawa negara kita tidak mudah dipermainkan dan rakyat Malaysia sentiasa bersatu untuk mempertahankan kedaulatan kita.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Bank Dunia (World Bank) telah menjanjikan pinjaman US\$1 bilion kepada negara kita. Setakat ini sebanyak US\$300 juta telah disalurkan, tetapi bilakah negara kita akan dapat baki US\$700 juta supaya kerajaan akan dapat melaksanakan program-program yang dijadualkan. Adakah tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Bank Dunia atau World Bank sengaja melambat-lambatkan atau menangguhkan pemberian sepenuhnya selepas dasar sekatan terhadap dagangan mata wang kita dikuat kuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian saya memohon Dewan yang mulia perlu mendapat ulasan, pandangan dari pihak kerajaan terhadap masalah ini supaya gambaran nyata dapat disaksikan sama ada Bank Dunia akan menunaikan janjinya terhadap negara kita supaya memberi bantuan untuk mengatasi sedikit sebanyak kegawatan ekonomi ini supaya projek-projek atau program-program yang telah dijadualkan ini dapat dilaksanakan demi kepentingan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara penting bagi saya perlu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu sikap bank asing yang beroperasi di negara kita. Bank Negara sentiasa mengingatkan kepada bank-bank asing atau tempatan supaya memberi

atau mematuhi peraturan tertentu untuk memberi perkhidmatan atau kemudahan kewangan kepada syarikat-syarikat atau firma-firma tempatan semasa kegawatan ekonomi ini.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, kononnya sesetengah bank asing yang beroperasi di negara kita, walaupun operasi ini telah mengikuti atau mematuhi peraturan Bank Negara untuk memberi pinjaman, tetapi kononnya pinjaman daripada bank asing yang beroperasi di negara kita ini hanya memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat asing yang beroperasi di negara kita sahaja kerana kononnya syarikat-syarikat tempatan atau firma-firma tempatan tidak akan memberi pinjaman ini kerana adanya peruntukan 176 Akta Syarikat di mana akan memberi perlindungan kepada syarikat tempatan.

Dengan alasan itu maka syarikat-syarikat tempatan tidak dapat pinjaman daripada bank asing. Walau bagaimanapun bank asing yang beroperasi di negara kita ini ia juga ikuti arahan, suka beri pinjaman kepada syarikat asing yang beroperasi ini sahaja, dengan demikian akan menjejaskan kedudukan kewangan atau pun beroperasi syarikat-syarikat tempatan.

Dengan demikian saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada benarkah operasi atau proses ini telah dilancarkan oleh bank asing, yang beroperasi dari negara kita, hanya memberi pinjaman kepada syarikat asing yang menjalankan perniagaan di sini dan tanpa memberi pertolongan atau bantuan kepada syarikat-syarikat tempatan. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, apa langkah atau tindakan daripada pihak Bank Negara atau pihak kerajaan supaya membetulkan sikap yang telah berbuat demikian sepanjang masa ini kerana negara kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi, maka dapatlah bantuan bukan sahaja bank-bank tempatan dan juga bank-bank asing yang beroperasi di sini supaya sama-sama untuk memulihkan ekonomi kita. Kalau dengan sikap apa yang saya katakan tadi, bank asing yang buat demikian itu mungkin ada satu muslihat untuk menjejaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya memulihkan ekonomi lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa ini saya beri pandangan dan ulasan semata-mata terbit dari hati sanubari saya supaya negara kita akan dapat cepat untuk memulihkan ekonomi di mana rakyat Malaysia akan dapat menikmati seperti masa dulu. Dengan demikian, saya harap pihak kerajaan akan memberi ulasan atau penjelasan lebih lanjut apa yang dikatakan dan cara-cara untuk lebih lanjut lagi untuk mengatasi kegawatan ekonomi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran.

11.25 pagi

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita membahas Belanjawan 1999 di dalam keadaan ekonomi dan politik yang amat bijak daripada tahun-tahun yang lalu dan saya berpendapat bahawa apa yang digariskan di dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu, pada dasarnya adalah baik dan bertujuan ke arah untuk menggerakkan dan menstabilkan keadaan ekonomi kita sekarang. Akan tetapi satu perkara yang membimbangkan dalam pelaksanaannya nanti ialah, pertama, tentang pembiayaannya di mana kita menghadapi defisit kewangan lebih kurang RM16 bilion dan di samping itu tentang pengagihan pelaksanaannya nanti. Saya harap kedua-duanya ini tidak akan menjejaskan pelaksanaan perbelanjaan ataupun pelaksanaan rancangan Belanjawan 1999 itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh, pertama sekali tentang ekonomi yang melanda negara kita ini. Saya fikir sudah terlalu banyak yang diperkatakan tentang sebab-sebab kemelesetan ekonomi kita dan sudah terlalu banyak perancangan yang dikemukakan untuk mengatasi masalah ini. Namun kesan-kesan tindakan yang diambil setakat ini adalah terlalu awal untuk kita menepuk dada, ada tanda-tanda bahawa ekonomi dunia pada keseluruhannya menjelang tahun 2000 akan menjadi lebih teruk lagi daripada yang kita jangkakan dan justeru itu kerajaan haruslah berhati-hati di dalam pengurusan kewangan dan ekonomi negara.

Di dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang rancangan kerajaan untuk menjadi guarantor, dengan izin, untuk bon yang akan dikeluarkan untuk menyelamatkan Renong dan dalam hubungan ini seorang pakar ekonomi penasihat World Bank, berkata begini dengan izin, "*If the government*

saves this inefficient company you will create a great problem for the future". Jadi justeru itu perlulah kerajaan mengambil kira kedudukan kewangan negara ketika nanti mengambil keputusan di dalam menjadi guarantor untuk menyelamatkan Renong ini. Ada juga saintis politik di dalam negara kita sendiri iaitu Professor K.S. Jomo yang mengatakan bahawa menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah ini tidak akan membawa ke mana untuk memperbaiki keadaan negara kita.

Justeru itu saya fikir kerajaan perlulah membuat penyelidikan yang menyeluruh, apakah rasionalnya untuk menyelamatkan ataupun to implement bail out system, dengan izin. Adakah ini membayangkan bahawa kerajaan lebih memerhatikan atau menitikberatkan perhatian kepada syarikat-syarikat gergasi sahaja, tetapi masalah ekonomi rakyat di kampung-kampung akan terabai. Apakah akan terjadi dengan RM10.5 bilion itu nanti jika Renong tidak dapat membayar balik? Bukankah kerajaan akan membayarnya dan dari manakah kerajaan akan mengambil wang itu kecuali daripada rakyat keseluruhannya. Sudah tentulah

Dato' Haji Badruddin bin Amirul din: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Yan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti saya beri. Sudah tentulah kita akan membayar tax untuk membayar pinjaman yang diberi kepada Renong itu nanti dan justeru itu saya fikir kerajaan perlu berhati-hati di dalam keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah seperti yang terjadi terlalu takut mengenai.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal Renong Yang Berhormat, jadi saya hendak bercakap pasal Renong.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak cukup masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kata sahajalah kalau tidak.

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti saya akan beri kalau saya ada masa. Mengenai dengan perkataan 'reformasi', saya tahu bahawa ada orang bila sahaja dengar perkataan "reformasi" dia jadi fobia, takut tentang reformasi tetapi seharusnya

di dalam minda setiap rakyat Malaysia di saat-saat kita menghadapi kegawatan ekonomi dan politik ini haruslah ada mengamalkan reformasi diri masing-masing. Jangan kita hanya mendengar perkataan “reformasi” sahaja seolah-olah dunia ini sudah mahu runtuh. Saya masih ingat semasa bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat dari Permatang Pauh ketika membentang ucapan Belanjawan 1996, beliau berkata lebih kurang begini: “Kita perlu pendekatan baru reformasi dari segi mental dan pelaksanaan ekonomi, jika tidak rakyat yang biasa ataupun kalau pengagihan ekonomi tertumpu kepada mereka yang berada sahaja dan rakyat keseluruhannya terabai maka tidak ada ketenteraman di dalam negara ini.”

Jadi kalau begitulah ertinya reformasi ini tetapi pihak UMNO pula takut betul dengan reformasi ini saya sangat sedih di dalam keadaan negara kita menghadapi masalah ekonomi sekarang ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini bererti jelaslah bahawa hanya Renong sahaja amat dipentingkan tetapi rakyat biasa tidak akan diambil kira kepentingan mereka.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Beri atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak beri, tidak ada masa. Tuan Yang di-Pertua, rakyat memerlukan perubahan bukan sahaja perubahan pendekatan pelaksanaan politik di mana hasrat rakyat untuk mengamalkan demokrasi itu harus dihormati, tetapi juga pelaksanaan ekonomi di mana ada keseimbangan di antara pembangunan di bandar dan di luar bandar mesti digariskan dan saya harap inilah akan dilaksanakan melalui pelaksanaan Belanjawan 1999 ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 ini amat penting bagi negara, saya berkata demikian oleh kerana di dalam tahun 2000 nanti berakhirlah sudah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-7. Jadi adalah tepat pada masanya kita mengkaji bagaimana pencapaian kita di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-7

itu dan bagaimanakah pula kita akan mencapai yang lebih lagi di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 nanti.

Saya rasa sudah tiba masanya pergolakan politik di seluruh negara ini diketepikan dan semua parti politik baik pembangkang ataupun di dalam kerajaan menggembelngkan tenaga untuk menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, tetapi malangnya bila sahaja pihak pembangkang ini menyuarakan rancangan, misalnya di Sabah ini kononnya kalau pembangkang mendapat kuasa tidak ada pembangunan hanya Barisan Nasional sahaja yang boleh menjamin pembangunan, tetapi Barisan Nasional memerintah tidak ada juga pembangunan hanya Barisan Nasional sahaja yang boleh mengatasi kegawatan ekonomi tetapi bagaimana dengan kegawatan ekonomi sekarang tidak juga dapat ditangani. Semua tenaga di dalam negara kita perlu digembelngkan untuk mengatasi masalah ini dan untuk merancang satu pendekatan di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 nanti semua pandangan masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat terutama parti-parti politik hendaklah diperolehi supaya kita benar-benar akan dapat dilihat sebagai negara yang bersatu-padu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay saya beri, kasihan dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengan pandangan Yang Berhormat tadi iaitu semua parti termasuk parti pembangkang, Barisan Nasional bergabung untuk menyelesaikan masalah ekonomi yang sedang kita hadapi, tetapi adakah Yang Berhormat sendiri sedar bahawa tunjuk-tunjuk perasaan yang diadakan di seluruh ibu kota ini adalah tajaan dari Parti PAS dan kerjasama dengan DAP, walaupun Yang Berhormat dari Kepong tidak ada di tempat tersebut tetapi dia menyokong tunjuk perasaan tersebut. Jadi saya bersetuju dengan PBS kerana tidak terlibat dan Yang Berhormat pun lebih sober dari segi tunjuk-tunjuk perasaan ini tidak bersama di kaki lima.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya pihak pembangkang memikir sekali lagi supaya bersama dengan Barisan Nasional menyelesaikan masalah ekonomi dan apabila pilihan raya kita selesaikan masalah politik. Tadi Yang Berhormat bercakap pasal Renong, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Renong mempunyai lebih kurang 20,000 kakitangan. Jadi kalau Renong itu kecundang, Renong itu terpaksa ditutup bagaimanakah 20,000 pekerja tersebut hendak mencari makan, kali dengan isteri dan anak-anak jadi bermakna berpuluh ribu penduduk akan menghadapi masalah pendapatan. Jadi bagaimanakah pandangan PBS untuk mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, pertama Renong dulu, 20,000 sahaja, kita ada lebih 20 juta orang di dalam negara ini yang kebanyakannya menderita di kampung, yang di dalam konglomerat atau gagasan Renong itu adalah kaya-kaya belaka, itu saja yang mahu diselamatkan, bagaimana dengan orang yang di kampung? Jadi saya rasa ini perlu diberi perhatian dengan lebih mendalam lagi.

Yang keduanya, mengenai dengan demonstrasi yang dia pakat, pokoknya ialah pergolakan politik ada. Dulu kita katakan bahawa ada pergolakan di antara Timbalan Presiden UMNO dengan Presiden UMNO, semua orang kata tak ada, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kata tak ada, jadi inilah pergolakan itu. Jadi yang dapat menyelesaikannya ialah UMNO, bukan PAS, bukan DAP tetapi orang-orang ini hanya minta payung kepada parti pembangkang oleh kerana payungnya diambil oleh UMNO, ditarik. Jadi saya rasa itu sebabnya ada pergolakan reformasi. Saya rasa Yan pun ada juga di situ, dalam hati, saya kata dalam hati.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan UMNO, saya tidak bersama dengan pembangkang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mereka semua itu ahli UMNO.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, mana ada ahli UMNO, itu semua muka PAS.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi saya rasa cukup sudah, terima kasih, saya akan teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang pembersihan sebagai sebahagian daripada gerakan reformasi untuk negara. Di dalam negara kita ini tidak dapat dinafikan bahawa kita menghadapi tekanan dari luar negara termasuklah anggota-anggota ASEAN. Saya pernah mengutarakan masalah di mana satu situasi yang tidak kita sangka-sangka akan timbul di mana rakyat asing yang ada di negara kita ini boleh memporak-perandakan keselamatan negara kita. Jadi saya berpendapat bahawa yang paling senang bagi rakyat ini, yang ada di negara kita ini, untuk memporak-perandakan keadaan politik dan ekonomi negara kita ialah untuk menyokong mana-mana parti yang memihak kepada mereka nanti semasa pilihan raya. Jika mereka berada di dalam daftar pengundi, saya fikir negara kita akan menghadapi masalah besar bila keperluan mereka akan timbul. Jadi saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perlulah mengambil perhatian khusus tentang perkara ini.

Kita telah mendengar rungutan-rungutan pemimpin-pemimpin negara kita dan adakah mustahil mereka memberikan arahan kepada rakyat mereka di dalam negara ini bahawa inilah calon yang kami akan sokong nanti, semasa pilihan raya nanti, dan inilah yang akan kami dukung untuk melakukan sesuatu di dalam negara itu kelak. Adakah itu mustahil? Jadi marilah kita sama-sama bayangkan kalau ini berlaku, negara kita ini tidak akan selamat lagi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak kerajaan perlu memberi perhatian khusus tentang perkara itu.

Satu perkara lagi tentang pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, ialah pembangunan sekolah-sekolah baru. Saya mintalah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan untuk membina sebuah sekolah menengah di Kampung 'Tajau' di dalam daerah Tuaran dan juga di 'Petanabalu' juga di dalam kawasan Tuaran. Ini amat penting dimasukkan di dalam perancangan pembangunan sekolah-sekolah baru tahun 1999 oleh kerana keperluan yang amat mendesak. Jika kedua-dua bangunan sekolah

ini tidak dimulakan di dalam tahun 1998, banyak lepaan sekolah tidak ada tempat untuk belajar. Sesungguhnya kedua-dua sekolah ini telah pun dirancang untuk dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Ke-6, tapi sampai sekarang belum lagi dilaksanakan. Saya juga minta agar semua bangunan sekolah yang ada, yang sudah usang, juga rumah guru-guru di seluruh Sabah dan khususnya di kawasan Tuaran diperbaiki kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu peristiwa yang sangat menyedihkan ialah di kawasan saya di Kampung Porrein, di mana seorang ibu yang mengandung telah meninggal dunia oleh kerana pihak ataupun perkhidmatan doktor udara tidak datang walaupun telah diminta untuk datang. Ini kawasan yang terpencil dan saya mintalah pihak Kementerian Kesihatan untuk mengambil perkara ini dan saya minta juga supaya satu penyiasatan dilakukan kenapa, panggilan itu tidak dihiraukan walaupun distress call telah dilakukan, tetapi malangnya tidak adapun satu menteri di sini kecuali Yang Berhormat Menteri Pembangunan Tenaga Manusia, yang lain-lain Setiausaha pun tidak ada, Timbalan Menteri pun tidak ada, bagaimana kita mahu maju, bagaimana kita mahu menghadapi kegawatan ekonomi kalau begini. Siapa yang mahu dengar kita berucap di sini? Masalah rakyat kita sampaikan kepada Menteri, tidak ada orang mahu dengar ke, atau Rompin boleh dengar ke ini, supaya dia boleh sampaikan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Minta jalan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Oh, dia pun susah, tak boleh menang lagi.

Seorang Ahli: Beri masa.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tak boleh.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Jangan cakap besarlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Minta jalan sedikit, minta penjelasan.

Seorang Ahli: Jadi 'gentleman'lah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini pasal hospital.

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti saya beri, kalau ada masa.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentang Belanjawan 1999, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa satu-satunya sektor ekonomi yang akan menampakkan pertumbuhan tahun hadapan ialah sektor pertanian. Ini jelas membayangkan bahawa industri yang perlu diutamakan oleh negara ini yang mampu menghadapi kegawatan ekonomi adalah sektor pertanian. Dan saya rasa belum terlalu lambat bagi negara menggubal semula dasar perindustrian supaya industri pertanian ini dititikberatkan berasaskan kepada pemprosesan bahan-bahan ataupun hasil pertanian. Di dalam konteks ini, pihak pembangunan perindustrian haruslah memberi modal yang secukup-cukupnya kepada rakyat yang mengusahakan perindustrian yang berasaskan kepada hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan habis, Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Demikian juga di dalam latihan kemahiran terutama para belia supaya mereka dapat menyertai dalam pembangunan ini dan sekaligus kita akan dapat memberi pekerjaan kepada rakyat kita khususnya kaum belia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

11.48 pagi

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong belanjawan yang baru-baru ini dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sebagai Menteri Kewangan kita. Seperti yang umum ketahui, Belanjawan 1999 adalah susulan daripada langkah yang telah diumumkan melalui perancangan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara, selepas itu dilaksanakan exchange control measures (ECM) ataupun kita menetapkan pertukaran wang kita. Dengan dua tindakan yang awal iaitu Pelan Pemulihan Ekonomi Negara di bawah MTEN ditetapkan pertukaran asing dan sekarang ini kita ada satu belanjawan baru

yang banyak, yang walaupun kita ada deposit RM16 bilion, tapi ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerajaan kita, berani dan suasana kegawatan ekonomi walaupun pendapatan daripada negara kita kurang, tapi kita sanggup untuk meminjam, untuk menggerakkan, untuk memulihkan ekonomi kita kembali.

Saya merasakan begini, bahawa ini penting dan saya ingin menyentuh sedikit dalam belanjawan ini tentang rasional kawalan modal sebab pembangkang ada menyatakan bahawa dunia mempersoalkan usaha kita tapi namun demikian, bahawa kawalan modal secara selektif ini penting untuk membendung spekulasi terhadap Ringgit terhadap pedagang mata wang asing dan juga mengembalikan kestabilan nilai Ringgit dalam pasaran kewangan kita dan juga mengembangkan ekonomi negara kita melalui penurunan kadar faedah.

Dalam suasana hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sudah bermulanya perbicaraan kes kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Kalau kita tidak membendung, kalau tidak menjaga ataupun memelihara sistem kewangan negara kita dengan menetapkan currency, pertukaran asing, saya yakin mereka ini akan cuba mengajar kita. Kita tahu dan kita dengar dalam akhbar-akhbar, media-media asing sama ada media cetak asing, saya pun ada di sini, *Asian Wall Street Journal* hari-hari tiada cerita lain, CNBC kita dengar juga bukan hari-hari, tiap-tiap jam tidak ada cara lain cuba memportrayed, menggambarkan bahawa negara kita ini teruk, negara kita ini tidak mengikut sistem pentadbiran keadilan yang adil, mungkin selepas ini Teluk Intan pun akan menyanyi nada yang sama, tadi Tuaran menyanyi nada yang sama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ada 20 minit ini.
[Ketawa].

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sedikit, sedikit sahaja. Setuju tidak Yang Berhormat dari Rompin mengenai dengan apa Yang Berhormat nyatakan tadi, media-media asing ini sama dengan puak pembangkang ini, dia tahu kritik dia tahu cakap sahaja, dia tidak ada pembangunan dasar yang kita laksanakan, contohnya macam NERP ini satu rancangan rangka yang tersusun rapi, satu-satu negara di Asia Tenggara yang dilanda oleh kegawatan ekonomi yang menyusun sebegitu rapi yang jelas bahawa negara kita boleh mengatasi kegawatan ekonomi namun ditidakkkan oleh pihak-pihak termasuklah media-media asing dan termasuk puak-puak pembangkang ini, macam hak Tuaran ini. Dia tidak tahu peruntukan yang kita berikan untuk jalan raya, prasarana daripada Kota Kinabalu ke Kota Belud yang melalui Tuaran RM100 juta, kesan atau side impact kepada kawasan dia sudah ada, sekolah-sekolah rendah ada. Yang mungkin dia tidak faham ialah tanggungjawab dia selaku wakil rakyat, yang disebut tadi seorang ibu mengandung. Saya sudah berkhidmat di peringkat Parlimen Semporna sudah hampir empat tahun, tidak pernah pun keadaan ini berlaku walaupun hospital di Tuaran itu lebih besar daripada hospital Semporna tetapi ibu yang merasai mungkin oleh kerana wakil rakyat tidak bertanggungjawab. Kita ada klinik wakil rakyat di bahagian kita, setuju tak Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setuju, Tuaran ini sudah diberi mandat 10 tahun PBS. Apa PBS buat untuk Sabah, ya ini cakap mula itu tadi untuk pilihan raya kecil Sabah. Saya tidak tahulah dia mengatakan dengan angkuh, dia kata dia akan menang, kita tengok pilihan raya akan datang Semporna. Saya akan datang kalau dijemput bahagian Tuaran nanti, hendak tengok kuat macam mana Tuaran ini.

Berbalik Tuan Yang di-Pertua, kepada apa yang saya kata tadi. Sekarang jelas Tuan Yang di-Pertua, bahawa cara kita tidak mengikut cara IMF, banyak daripada ulasan-ulasan media-media Barat sendiri mengatakan bahawa ini mungkin tersalah sedikit pada penulisannya mereka bahawa beliau (Barat) sudah menerima bahawa cara

kita itu cara yang benar, cara yang betul, yang tidak bersetuju ada orang macam ini yang memang tidak penting untuk kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita terpengaruh dengan mereka, kita ikut cara IMF atau kita ikut cara virtue IMF Program semasa Thai baht diserang oleh spekulator mata wang asing, Indonesia ditekan oleh mereka, Korea Selatan ditekan oleh mereka. Kita telah dipujuk untuk mengikut program IMF tetapi satu sen pun wang tidak ada dan kita lihat bagaimana bencana sudah berhadapan dengan kita, ekonomi kita sudah menguncup, pertumbuhan kita sudah menjadi negatif. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, cara kita iaitu ala kita mengawal modal supaya kita tetapkan pertukaran asing duit ringgit Amerika dengan duit Ringgit Malaysia, dengan cara itu kita boleh menurunkan kadar faedah negara kita supaya ekonomi kita dapat tumbuh kembali. Dikacau dia orang, idea saya hancur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa sedikit dalam Dewan yang mulia tentang angkara hedge fund ini. Kita sedia maklum bahawa kalau dahulu mereka menolak tuduhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa angkara kepada semua ini adalah the speculators. Mereka tidak menerima tetapi baru-baru ini dalam mesyuarat G7 mereka telah menerima bahawa yang sebenar yang menimbulkan semua angkara yang telah merosak dan menjahanamkan ekonomi di Asia ini ialah the hedge fund. Ini mereka hanya mengaku apabila bala yang sama, masalah yang sama telah menimpa kepada mereka ini iaitu kepada satu syarikat hedge fund yang bernama Long Term Capital Management (LTCM) sebuah hedge fund dengan modal berbayar RM5 bilion tetapi boleh meminjam dengan hedge leverage 200 kali sehingga mereka boleh mendapatkan pinjaman mengguna satu dana wang yang besar, sehingga satu trilion.

Oleh kerana itu kalau mereka mahu menjatuhkan satu ekonomi, mereka mahu mengajar satu negara kerana tidak mengikut dengan cara dan langkah dasar kepentingan mereka seperti kepentingan Amerika, memang kadang-kadang dia suka melihat bahawa kita menyuara, menegur mereka, dia cuba mengajar kita. Sekarang ini dengan LTCM menghadapi masalah barulah mereka mengaku bahawa angkara yang berlaku di Timur, di Asia selepas itu berlaku Tuan Yang di-Pertua di Russia, sekarang

ini juga mungkin akan menimpa Brazil sendiri. Baru-baru ini bila menimpa batang hidung mereka, barulah baru-baru ini G7 cuba mengaturkan satu peraturan baru kewangan supaya pengaliran dana the short term fund ini dapat dikawal supaya tidak mengancam kewangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada Long Term Capital Management ini. Mereka menuduh kita bahawa kita 'bail-out' syarikat-syarikat tertentu, ini baru tadi wakil rakyat dari Sabah, Tuaran ini sudah terpengaruh oleh Barat, nyanyi lagu Barat telah diikuti oleh rakan-rakan kita di Malaysia sendiri. Tetapi tengok di Amerika sendiri, bila Long Term Capital Management menghadapi masalah, mereka juga bail-out Long Term Capital Management. Siapa yang punyai Long Term Capital Management ini, Timbalan Pengerusinya merupakan juga seorang bekas Timbalan Pengerusi Federal Reserve ataupun serupa dengan Bank Negara kita juga merupakan Pengerusi kepada Long Term Capital Management ini. Lepas itu juga bank-bank yang digunakan untuk menyelamatkan Long Term Capital ini mereka juga mempunyai pelaburan dalam Long Term Capital. Ini Tuaran cuba dengar, Teluk Intan sekali, mereka sendiri.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya belum habis lagi ini, belum dituduh lagi ini, belum dengar sudah melompat.

Seorang Ahli: Dengarlah sahaja, tidak payah berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mereka sendiri saya hendak menggunakan contoh ini bahawa Amerika sendiri yang dulu mereka menuduh konon kita bail-out, kita kroni, tetapi mereka juga melaksanakan perkara yang sama, mereka yang menyelamatkan Long Term Capital ini, ada kepentingan dalam Long Term Capital, dia bail-out mereka sendiri. Mengapa di Amerika ini berlaku kalau mereka mahu menunjukkan kita kononnya mesti ada transparency, jangan ada bail-out, jangan ada kroni, mengapa mereka sekarang melaksanakan ini. Jelas dalam perkara ini. Tolong, Teluk Intan lepas ini bercakap, tolong komen bila Yang Berhormat ada peluang nanti.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi, Yang Berhormat .

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bermakna....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Takut!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bermakna mereka ini menyelamatkan suku sakat – dalam perkataan mereka sendiri kroni kerana pengerusi yang saya katakan tadi LTCM merupakan bekas anggota Federal Reserve dan ahli-ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada ‘whose who’ dalam pasaran kewangan termasuk pemegang Anugerah Nobel untuk kewangan ini tetapi yang anehnya mereka inilah yang menuding jari kepada kita menuduh ‘bail-out’ apabila syarikat-syarikat di negara kita terlibat untuk menyelamatkan dan menyusun semula korporat. Kita menyelamatkan...

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sudah habis masa sayalah.. Apa yang berlaku....

Tuan M. Kulasegaran: Sudah masa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti.... Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri, saya ada masa 20 minit sahaja. [*Ketawa*] Apa yang berlaku kepada LTCM bukanlah suatu yang isolated, dengan izin, malahan satu fenomena yang membimbangkan dalam industri hedge fund. Baru-baru ini *Asian World Street Journal* melaporkan tentang ‘Alington Capital’ pimpinan Michael Varanos yang terpaksa menjual sebahagian besar pemilikannya apabila bank-bank meminta ACM menambah collateral bagi pinjaman tabung ini. Malahan, hedge funds yang lain juga menghadapi masalah – hedge fund, tiger fund pimpinan Julian Robinson, satu lagi hedge fund dipunyai oleh George Soros iaitu quantum fund juga menghadapi masalah ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Apa yang saya katakan, bila mereka menghadapi masalah daripada angkara mereka sendiri barulah mereka sedar, barulah mereka merasa perlu membuat keputusan bahawa perlu diselaras dan dikawal hedge funds ini, bermakna benarlah apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkata, angkara kepada semua ini

adalah hedge fund, angkara seperti yang beliau katakan di Hong Kong begitu juga – George Soros sendiri yang dulu menuding jari kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dia terpaksa telan sendiri ludahnya dahulu. Janganlah nanti DAP – sebab Ahli Yang Berhormat Teluk Intan ini orang yang baru dalam pimpinan DAP, janganlah terpengaruh dengan Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang itulah cara dia untuk mengekalkan jawatan dia, mahu anak dia mengambil alih nanti tetapi Ahli Yang Berhormat Teluk Intan ada bakatnya, ada kepakarannya, dia orang yang baik, jangan campur isu-isu yang tidak betul ini, yang sempit ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya beralih sedikit kepada isu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak beri. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada masa, lain kali banyak masa saya beri. Umumnya macam DAP ini, dia cuba menggambarkan bahawa walaupun sikap berani kerajaan dengan defisit RM16 bilion to stimulate the economy kembali, dengan izin, untuk merangsangkan... ini profesor, betul ya profesor? *[Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengangguk]* merangsangkan ekonomi kita RM16 bilion ini di Amerika cuba menggambarkan bahawa RM16 bilion ini hanya membantu dan memelihara orang yang besar-besar, yang gemuk-gemuk belaka, yang kecil-kecil, yang daifnya tidak dibantu, tidak dibela, ini dia agenda politik mereka. Itu tidak benar, tidak benar sekali.

Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan bahawa dalam perbelanjaan ini, peruntukan diberi kepada luar bandar, jalan luar bandar diberikan peruntukan seperti dahulu, industri luar bandar ditambahkan sepuluh kali, saya difahamkan RM5 juta kepada RM50 juta, pendidikan begitu juga ditambahkan... ini Yang Berhormat

Tambun mana...kepada Tabung Pendidikan pun diberi. Perbelanjaan ini yang sebenarnya adalah perbelanjaan yang penyayang yang menjaga kepentingan orang ramai tetapi memanglah pembangkang tetap pembangkang mereka tidak ada cara lain, cuba mengalih perhatian rakyat, konon perbelanjaan ini untuk menyelamatkan – rescue yang besar, bail-out itu, bail-out ini, ini tidak benar. Memanglah cuba hendak menanggung di air yang keruh. Macam Ahli Yang Berhormat Teluk Intan, dia tidak sedar diri dia digunakan, macam Gerak DAP masuk itu, Ahli Yang Berhormat Tanjong menggunakan Gerak untuk menyelamatkan anaknya, fahamkan Ahli Yang Berhormat Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Faham atau tidak? Kalau faham masa giliran Ahli Yang Berhormat nanti, Ahli Yang Berhormat jawab. Ini benar, saya berkata begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak beri.

Tuan M. Kulasegaran: Takutlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dan juga saya difahamkan pengusaha-pengusaha kecil pun diberi juga bantuan. Dana-dana ditambahkan untuk membela pengusaha-pengusaha kecil. Bermakna perbelanjaan RM16 bilion itu untuk menjaga kepentingan orang ramai – kepentingan majoriti, bukan kelompok-kelompok yang tertentu yang cuba hendak digambarkan oleh DAP.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini PBS ini cuba menggambarkan sebab pilihan raya Sabah tidak lama lagi. Ini rentak dia, betul! Ini jangan cakap, calonpun belum tahu lagi itu, kena jaga ketua PBS, kalau tidak jaga ketua PBS calon pun belum tahu lagi. Jangan cakap sana Ahli Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini PAS ini, *[Ahli Yang Berhormat dari Tumpat]* dia PAS Kedah ini, entah macam mana dari Kelantan dia membela Kedah sebab Nik Aziz dia tidak menyokong - Nik Aziz mirip menyokong perbelanjaan juga tidak menyokong dari segi tunjuk perasaan cara keganasan – tidak menyokong! Nik Aziz tidak menyokong tetapi PAS ini menyokong, bermakna dalam PAS ada Team A, Team B ini, ha ini Team A, sebelah dia Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian Team B, *[Disampuk]* Betul! Ini PAS sudah ada dua kumpulan tetapi DAP ini walaupun banyak yang tidak betul tetapi satu betul kita pujilah. Bila Ahli Yang Berhormat Tanjong kata dia tidak bersetuju tentang street violence, cara penyelesaian secara yang aman mengikut demonstrasi itu kita hargailah.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah, saya bercakap tentang DAP, bukan PBS.

Tuan Yunof Edward Maringking: Takut reformasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan, dia tidak beri jalan, jangan mencelah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak, apa yang takut, saya akan datang ke Sabah, insya-Allah! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, satu tuduhan yang mengatakan defisit RM16 bilion digunakan untuk menyelamatkan hanya yang besar, tidak betul! Banyak yang digunakan kepada yang kecil. Kalau hendak membela menyelamatkan yang besar adalah kerana kepentingan orang ramai. Tadi, tuduhan mengatakan HICOM ada saya dengar kononnya bila...*Asia World Street Journal* ada mengatakan bahawa menyelamatkan HICOM dengan cadangan supaya Petronas mengambil alih HICOM ini tidak bijak, saya rasa ini tidak benar.

Saya ingin memetik satu keratan daripada akhbar – satu akhbar tempatan yang mengatakan bahawa Petronas ini sudah melibatkan diri dalam industri automobil,

pembelian satu syarikat yang ada keupayaan R&D oleh Petronas, bermakna Petronas sudah memasuki/menerokai bidang automobil – bidang kereta. Mengapa tidak disatukan keupayaan Petronas dan kepakaran pengurusan DRB-HICOM. Kita menyokong usaha menyatukan keupayaan kewangan Petronas dan keupayaan pengurusan dan kepakaran dalam perindustrian supaya disatukan supaya diselamatkan – saya lupa berapa puluh ribu pekerja DRM-HICOM ini, ramai pekerjanya dan termasuk juga semua orang Malaysia, mungkin orang India pun ada Ahli Yang Berhormat Teluk Intan, yang bekerja di DRB-HICOM selamat semuanya. Bukanlah kelompok-kelompok tertentu.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Orang Sabah pun ada bekerja di sana.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuaran, jangan cakap begitu sahaja, Yang Berhormat – tanpa keizinan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya berbalik kepada tuduhan kononnya satu syarikat yang hendak diselamatkan iaitu tuduhan kononnya dalam cadangan Renong diselamatkan menggunakan wang kerajaan. Ini tidak benar juga. Kita mendapat maklumat daripada kerajaan bahawa dalam skim penyusunan semula Renong ini tidak ada wang yang akan dikeluarkan oleh kerajaan – no taxpayers' money – tidak ada wang kerajaan akan digunakan, tidak ada! Tidak ada Ahli Yang Berhormat Tuaran – tolong bela balik ucapan itu. So, Ahli Yang Berhormat Teluk Intan kalau sudah tulis ada tolong bela ucapan nanti. Kalau tidak credibility Ahli Yang Berhormat Teluk Intan seperti credibility yang lain dalam DAP ini.

Yang kedua juga dalam mengambil alih ini projek-projek seperti STAR, Keretaapi Tanah Melayu itu juga dapat diselamatkan sekali dan saya difahamkan juga dalam penyusunan semula ini kerajaan ada ekuiti dalam projek-projek ini dan saya

difahamkan juga bahawa dalam isu ini hutang-hutang daripada kumpulan ini akan diselesaikan. Apa lagi? Dan katanya kerajaan hanya diberi guarantee sahaja. Wang untuk bayar kembali kepada bon ini adalah wang datang daripada keuntungan PLUS, bermakna tidak ada wang kerajaan, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Setuju? Ahli Yang Berhormat Tuaran sebab Ahli Yang Berhormat Tuaran tidak bergerak mukanya. *[Ketawa]* Tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat Tuaran tuduh dia kata menggunakan wang kerajaan, tidak ada!

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk! Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya....

Tuan Yunof Edward Maringking: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:...hendak menyentuh juga sedikit....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak beri, saya tidak beri.

Ini dalam sekarang ini kita dengar ramai anak-anak kita, Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana sekarang ini ada kemelesetan ekonomi sama ada syarikat besar atau kecil memang tidak ada mengambil pekerja. So, saya teringat semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 1985/1986 dahulu. Anak-anak muda yang baru keluar daripada universiti, diploma ataupun ijazah diberikan satu skim – saya telah lupa namanya *[Disampuk]* diberikan latihan di mana sesiapa graduate yang keluar tidak ada kerja kita minta kerajaan dan swasta beri mereka peluang latihan, kalau dahulu saya tidak lupa mereka diberikan RM600. Sekarang ini kos kehidupan bertambah tinggi mengapa tidak beri anak muda ini RM700 sebulan dan kita minta pihak kerajaan dan swasta kerana skim sebegini tidak boleh diletakkan sepenuhnya kepada bahu kerajaan, mengapa tidak syarikat-syarikat besar dan mereka tidak boleh mengatakan mereka ada

masalah tetapi ini menjadikan satu tanggungjawab semua mengambil anak-anak kita yang graduate sama ada ijazah atau diploma yang baru keluar, oleh kerana sekarang ini tidak ada kerja, beri mereka tempat satu atau dua tahun berlatih dan dengan kepakaran skil kemahiran yang mereka dapat dua, tiga tahun ini, apabila kegawatan ekonomi pulih mereka ini akan mendapat kemahiran dan pengalaman bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan adakan skim ini, skim di mana kita beri tempat kepada anak-anak kita ini yang sekarang keluar daripada universiti sama ada tempatan atau luar negeri supaya mereka ini diberi tempat latihan, supaya mereka ini diberi masa untuk menunggu ekonomi kita pulih dan keupayaan mereka, talent mereka, dengan izin yang belajar di universiti boleh digunakan di dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sila gulung, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya akan gulung, satu sahaja tentang NGO, Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir.

NGO ini macam – kita tidak menolak ada isu-isu yang baik sama ada politik semasa ataupun sosial semasa NGO boleh mainkan peranan. Tetapi akhir-akhir ini kita nampak NGOs ini nampaknya memainkan agenda orang luar lebih penting. Kita tidak menolak daripada segi hak kemanusiaan, ‘peace peace’, dengan izin, hak ‘human right’ tetapi ‘human right’ dibawa secara ‘ala Barat’, hak kemanusiaan ‘ala Barat’. Saya hendak bertanya adakah hak untuk mendapatkan hidup sebagai manusia yang sejahtera itu juga penting. Ini hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan dan Yang Berhormat dari Tuaran ini. ‘Human right’ ini kita bersetuju tetapi biarlah ‘ala kita’, janganlah kita terpengaruh dengan cara-cara Barat dan janganlah kita biarkan digunakan oleh Barat. Amat malang sekalilah kalau NGOs tempatan ini digunakan oleh Barat untuk agenda dan politik Barat.

Kita boleh berbeza PBS Tuaran dalam politik di Malaysia tetapi Yang Berhormat dari Tuaran, Yang Berhormat dari Teluk Intan, agenda nasional itu mestilah terletak di atas. Saya takut nampak suara-suara sumbang yang ada ini.

Sebab kita ini kadang-kadang dengar dan orang berkata, “banyak NGO berjalan dengan baik tetapi ada segelintir NGO, saya risau dengan cara mereka dan kita tertanya-tanya juga dan kita dengar-dengar NGO yang terlari daripada landasan ‘ala kita’ untuk menjaga kepentingan Malaysia. Kita dengar juga, perkara ini kita dengarlah Yang Berhormat dari Tuaran ‘dia dapat wang daripada luar negara’. Pembiayaan NGO itu daripada luar negara. Saya minta kerajaan siasat adakah benar tuduhan-tuduhan NGO ini mereka mendapat sumber kewangan daripada luar negara. Kita minta kerajaan siasat. Kalau benar ia bergerak menggunakan wang dari luar, kita mungkin bertanya adakah agenda mereka ini juga agenda luar, bukan agenda kita. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kuala Nerus.

12.15 tgh.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam menyokong Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil dan sederhana di dalam menghadapi kegawatan ekonomi pada masa kini. Kalau dahulu kerajaan telah menubuhkan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), Tabung Usahawan Bumiputera (TUB), Tabung Industri Baru (TIB) dan banyak lagi tabung-tabung yang menjaga kepentingan bumiputera. Maka pada hari ini apabila melihat betapa perlunya pengimportan makanan yang mencapai angka sehingga RM10 bilion kerajaan telah menubuhkan satu lagi tabung yang dikenali sebagai 3F ataupun ‘Fund For Food’. Tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mengatasi masalah bayaran keluar ataupun outflow of fund yang terpaksa dibuat ke luar negara bagi membayar kepada pengimport.

Telah banyak pelanggan yang saya dapati mendapatkan pembiayaan ini daripada Bank Pertanian umpamanya. Tetapi daripada rungutan-rungutan dan daripada pengusaha-pengusaha saya dapati pinjaman ini hanya sekadar diluluskan sahaja tetapi hakikat sebenarnya mereka ini masih tertunggu-tunggu pengeluaran wang ataupun disbursement of fund daripada kerajaan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh tabung ini kerana apa yang saya difahamkan bahawa wang yang telah diperuntukkan daripada World Bank telah pun diperolehi, namun demikian di atas sebab-sebab tertentu wang ini tidak dapat disalurkan kepada bank dan ada setengah daripada mereka memberitahu bahawa sehinggakan Bank Pertanian terpaksa menggunakan dananya sendiri secara advance payment untuk membiayai pembiayaan tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan terhadap masalah ini.

Yang kedua, Tabung Pembangunan Ekonomi Belia juga diwujudkan baru-baru in dan amat dukacita sekali daripada hasrat sebenar untuk membantu belia-belia yang mempunyai projek yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai modal yang secukupnya telah merasakan bahawa gimik kepada pelancaran tabung ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah belia-belia. Pada asalnya tabung ini telah dilaksanakan sendiri oleh pihak kementerian melalui pejabat-pejabat belia negeri-negeri. Saya dapati satu penyiksaan yang amat sangat, masalah birokrasi yang melampau, masalah pentadbiran yang amat lemah dan pemerosesan yang dibuat di bawah standard normal financing practice yang ditunjukkan oleh kementerian. Ada setengah daripada peminjam-peminjam terpaksa menunggu sehingga enam bulan untuk mendapatkan layanan maka barulah diberi garis panduan. Sehinggakan disuruh membuat kertas kerja yang begitu tebal dan amat menyulitkan, apatah lagi diwajibkan dua orang

penjamin terdiri daripada kakitangan kerajaan, mahu tidak mahu belia ini terus mencari dan berjaya menepati kehendak-kehendak kementerian ini.

Malangnya, beberapa bulan selepas itu keputusan telah dibuat bahawa tabung ini ditangguhkan dan akhirnya disalurkan melalui BSN Commercial (BSNC). Permohonan terus diajukan sekali lagi kepada bank berkenaan dan kriteria-kriteria baru telah dibangkitkan. Timbul pula kehendak-kehendak 5C yang dikehendaki oleh bank perdagangan tersebut. Perniagaan entah ke mana, urusan naik-turun bank pun sampai setahun. Malangnya sehingga sekarang duit tidak dapat dan pelanggan telah kerugian. Dan kerugian yang amat nyata adalah dalam bentuk material dan bukan material, iaitu yang pertama, rugi wang ringgit dan yang kedua rugi masa, dan yang ketiga yang amat rugi adalah rugi semangat untuk terus berniaga. Perniagaan terus merosot, wang yang ditunggu adalah karut, tabung yang dicapkan merosot sama sekali, Wakil Rakyat yang 'diharuk' terus merosot dan dikatakan kerajaan mengarut.

Kita akan menghadapi pilihan raya. Isu-isu kecil sebegini seharusnya ditangani dengan penuh komitmen dan dengan penuh keazaman untuk melihat bahawa peniaga-peniaga kecil terus diberi pembelaan. Sebagai rujukan kepada kementerian, saya pohon supaya dirujuk pada kes pinjaman Mohamad Zaid bin Puteh, seorang belia, pengusaha tukang emas yang dibuat permohonan asalnya di Pejabat Belia Daerah Kuala Terengganu. Saya pohon diselidiki dan diberi penjelasan lanjut kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, hal ketiga kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membina lapangan terbang termasuklah KLIA untuk mencatat rekod Malaysia sebagai negara yang mampu mengadakan kemudahan yang sebegitu indah dan menarik yang tercatat di merata dunia. Tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan ini. Kreativiti perekanya pun bukan main hebatnya. Suasana yang kondusif dan bentuk yang inovatif mencerminkan bahawa Malaysia menuju negara maju di abad yang akan datang. Pada saya, taburan kesamarataan yang diatur untuk menentukan pembangunan sejagat mengikut locality amatlah mustahak bagi sesebuah negara. Saya

tidak nafikan bahawa pintu masuk utama melalui pintu ruang udara di negara kita adalah melalui Kuala Lumpur, iaitu KLIA.

Walaupun bagaimanapun, masih tidak terdapat satu pun lapangan terbang antarabangsa di sebelah Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Sedangkan dari segi geografinya kedudukan umpamanya Terengganu amatlah strategik sekali untuk kemasukan pelancong dan pelabur daripada luar negara. Nasib tidak menyebelahi kami rakyat Terengganu. Sudahlah tiada landasan dan kemudahan kereta api, tiada pula kemudahan lapangan terbang yang cukup panjang untuk pendaratan antarabangsa. Baru-baru ini semasa kemangkatan Sultan Terengganu, saya dapati banyak sekali kapal terbang yang mendarat di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Sebuah pesawat Sultan Brunei yang menggunakan pesawat Air Bus telah mendarat di lapangan terbang itu dengan selamat dan berhenti di hujung landasan berhampiran pantai. Setelah beberapa lama menunggu, maka pintu pun dibuka dan tangga kapal terbang yang dihantar terus dirapatkan ke muka pintu. Alangkah terkejutnya saya apabila melihat Baginda Sultan Brunei yang terpaksa melompat dari tangga kapal terbang ke tangga yang disediakan. Rupa-rupanya tangga yang disediakan oleh pihak MAS ataupun MAB adalah tangga yang saiz dan ketinggiannya untuk Boeing 737 yang biasanya mendarat di lapangan terbang tersebut. Lapangan terbang ini barangkali tidak mimpi untuk menerima tetamu Air Bus ini yang memerlukan prasarana dan kemudahan yang agak berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama dapat dilihat semasa kematian Allahyarham Tan Sri Yahya. Oleh kerana terlampau banyak pesawat persendirian yang mendarat, maka beberapa pesawat terpaksa ditolak untuk diletakkan di atas rumput. Malah ada yang diletakkan di atas tanah yang tidak sama rata. Kesesakan amat dirasai sehinggakan ada kapal terbang yang terpaksa diletakkan di atas landasan dan di hujung, iaitu di sebelah pantai. Tidak hairanlah ada juga yang terpaksa berpatah balik dan ada di antaranya yang terpaksa mendarat di Kota Bharu. Kedua-dua fenomena di atas walaupun dalam keadaan kecemasan, menunjukkan betapa perlunya Lapangan Terbang Sultan Mahmud dinaiktarafkan ke lapangan terbang antarabangsa.

Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pengangkutan ataupun Jabatan Kerja Raya telah pun siap untuk mereka bentuk pembesaran lapangan terbang ini dan berapa kos.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:yang diperlukan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Kuala Nerus, sebagai anak Terengganu memperjuangkan lapangan terbang Terengganu, syabas. Saya minta sedikit penjelasan, terutama sekali nampak keluhan Yang Berhormat tidak puas hati dengan MAS. Saya hendak bertanya sedikit. Baru-baru ini ada pengumuman pihak MAS hendak kembalikan domestic flight ataupun kapal terbang tempatan ke Subang. Ini saya dengar keluhan banyak penumpang, yang ditukar ke Subang hanya flight yang orang tidak mahu naik, iaitu pukul 12.00 malam, pukul 7.00 pagi. Tetapi flight yang biasa, yang popular pukul 8.00 pagi, 10.00 pagi, 5.00 petang, 6.00 petang masih lagi di KLIA. Saya hendak tanya adakah MAS macam batuk di tangga, tidak sebenarnya menghayati bahawa ramai orang hendak menggunakan Subang. Nanti bila orang tidak hendak naik kapal terbang MAS dia kata ini tidak ada beza sama ada Subang atau KLIA. Saya hendak bertanya, adakah pandangan Yang Berhormat macam MAS ini tidak serius untuk menukarkan atau mengambil sambutan ataupun penggunaan-penggunaan. Saya minta sedikit pandangan Kuala Nerus sebab dia pakar dalam pengangkutan pada pagi ini.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Terima kasih, kerana menggunakan masa saya sedikit. Saya akui bahawa memang dari segi standard yang dibuat pada hari ini, bila dipindahkan ke Subang, kalau kita gunakan KLIA kalau hujan kita tidak kena hujan. Tetapi apa yang jelas Terminal Satu ada tetapi tidak digunakan sepenuhnya dan sekarang ini sudah berkulat. Tentang laluan yang dicadangkan, saya

pasti ada rasional di sebalik pemindahan tersebut. Namun demikian, sedikit-sebanyak penggunaannya perlulah dikaji semula.

Perkara keempat, Tuan Yang di-Pertua, hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rompin apabila dipindahkahkan daripada KLIA ke Subang, ini kes yang saya alami sendiri. Apabila saya menaiki Pelangi Air pada suatu hari sebelum dipindahkan secara agak besar, saya dapati ada satu perkara yang dibuat tidak mengikut undang-undang di Terminal Tiga lapangan terbang. Apabila saya menunggu untuk menaiki kapal terbang pada satu Transmile Airline, bila saya tanya, mereka mengatakan ia Boeing 737 yang mendarat daripada Thailand, saya rasa Haadyai. Saya melihat tidak ada dibuat pemeriksaan kastam dan tidak ada dibuat pemeriksaan imigresen pada waktu itu dan setengah dari penumpang-penumpang itu adalah warganegara Thailand, China dan Bangladesh.

Apabila saya melaporkan perkara ini oleh kerana sebagai wakil rakyat merasa bertanggungjawab, ada setengahnya sudah naik teksi dan alasan yang diberi, dia kata: “Kita tidak tahu bahawa airline tersebut adalah airline yang datangnya dari luar negara.”

Akhirnya saya menyuruh pihak imigresen supaya pergi panggil sebahagian dari pelanggan yang menunggu untuk naik teksi supaya cop balik pasport dan sebagainya dan perkara ini amatlah mendukacitakan sekali. Apa alasan yang diberi adalah - bila saya beritahu bahawa saya Ahli Parlimen, kononnya bahawa tidak cukup staf.

Sebenarnya, dalam perkara ini kita tidak boleh bertolak ansur. Saya harap kementerian dapat menyemak perkara ini supaya ianya tidak berulang dan sudahlah kita terpaksa menyambut kedatangan pendatang tanpa izin, tetapi pendatang yang diizinkan secara di luar undang-undang pun terpaksa kita menanggung hal ini. Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan setelah kakitangan sebahagiannya dari KLIA dipindahkan ke Subang perkara ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima saya dapati akhir-akhir ini projek-projek luar bandar khasnya projek bekalan elektrik dan saya merasa sungguh dukacita

apabila negeri Terengganu, Empangan Kenyir yang telah menyediakan bekalan tenaga elektrik melalui empangan yang terbesar dan akhirnya wujud tasik yang terbesar di Malaysia, telah menyalurkan tenaga elektrik ke seluruh negara tetapi malangnya apabila kita melihat kawasan sekeliling sepuluh kilometer daripada tasik tersebut masih banyak yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan ini menunjukkan petanda bahawa kita di kawasan luar bandar hanya seperti lilin yang membakar diri untuk kepentingan orang lain dan inilah harapan saya sebagai wakil rakyat, satu kawasan iaitu Sungai Ikan yang saya sendiri telah memohon supaya diadakan bekalan elektrik luar bandar, tetapi malangnya Tenaga Nasional Berhad telah menolak permohonan itu sedangkan kawasan itu berdekatan dengan Empangan Kenyir. Jadi apalah nasibnya kawasan-kawasan luar bandar ini yang sudahlah tanah, sudahlah kawasan yang ditenggelami air itu adalah kepunyaan mereka dahulunya, tetapi mereka tidak dapat merasai nikmat kemudahan bekalan elektrik dan saya kira pengorbanan mereka amatlah besar, maka tidaklah keterlaluan kalau kita memberi tumpuan dan keutamaan supaya kawasan kampung sekeliling empangan ini dapat diberikan kemudahan yang sepatutnya, seperti yang dinikmati oleh masyarakat yang lain kerana dalam menentukan, saya amat faham bahawa setelah penswastan Tenaga Nasional Berhad sebagai sebuah syarikat yang penting kepada mereka adalah keuntungan.

Tetapi mengikut perjanjian yang telah ditandatangani di antara kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad, mana-mana projek luar bandar 50:50. 50% ditanggung oleh Tenaga Nasional Berhad dan 50% lagi menggunakan peruntukan di bawah KPLB dan yang susahnyanya di sini ialah apabila kita menimbulkan perkara ini di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, kita diberi satu pengesahan bahawa Tenaga Nasional Berhad akan mengeluarkan 50% peruntukannya apabila mendapat pengesahan daripada SDO melalui peruntukan KPLB untuk melaksanakan kemudahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung. Yang menjadi tanda tanya adalah kemudahan ini kadang-kadang di bawah RM100,000 sahaja tetapi kita dapati amat sukar sekali untuk kedua-dua ini meletakkan priority terhadap kemudahan yang melibatkan masyarakat kampung di luar bandar.

Jadi, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan.

12.35 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka selama 41 tahun tetapi masyarakat India sangat ketinggalan dalam semua bidang. Pada 16 Ogos 1998 satu forum telah dianjurkan oleh DAP di mana beratus-ratus orang telah menghadirinya dan di forum itu beberapa perkara telah dibahaskan.

Di forum itu di mana Ketua Pembangkang dan pihak ketua masyarakat India telah datang dan memberi pandangan mereka dan forum itu telah berpendapat bahawa di Malaysia merupakan adalah tempat di mana masyarakat India merupakan bilangan tertinggi di antara penganggur, masyarakat India adalah merupakan bilangan yang tertinggi yang diberhentikan kerja dan masyarakat India juga merupakan yang tertinggi yang tidak mempunyai tanah dan tinggal di kawasan setinggan. Masyarakat India juga mempunyai kelulusan akademik yang terendah.

Di forum tersebut terdapat bahawa pandangan di mana dikatakan bahawa masyarakat India ketinggalan kerana kurang perhatian diberi oleh kerajaan negara Malaysia. Dalam forum tersebut juga didapati juga bahawa beberapa faktor telah dianalisa. Di antaranya adalah menunjukkan bahawa masyarakat India melibatkan diri dalam kes-kes rompakan, pembunuhan, rogol, penagihan dadah dan lain-lain. Dan didapati bahawa 33% daripada kes-kes jenayah ini adalah disumbangkan oleh masyarakat India sedangkan hanya 10% daripada penduduk negara ini adalah dari masyarakat India.

Jadi, persoalan yang timbul adalah apakah masyarakat India adalah satu masyarakat penjenayah (criminal) dan adakah mempunyai unsur-unsur jenayah (criminology) dan dari pandangan pihak yang telah datang ke forum itu dan pandangan masyarakat India di negara ini adalah kerajaan perlu memberi lebih perhatian, perlu memberi lebih pertolongan yang sewajarnya supaya rakyat keturunan masyarakat India dapat mengatasi masalah ini yang dikatakan dengan sengaja tidak memberi perhatian yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebelakangan ini kita dapat tahu di mana beberapa kes criminal hingga semalam pun ada satu kes pencolekan, masyarakat yang terlibat adalah masyarakat India. Jadi, persoalan yang timbul adalah apakah sebab perkara ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari sebelum ini di kawasan saya Persatuan Pengguna-pengguna Perak telah menganjurkan satu forum di mana lebih 300 orang telah datang dari kalangan masyarakat India dan sebagainya. Dan di situ satu deklarasi telah diputuskan dan dipanggil Deklarasi Teluk Intan. Saya baca dengan izin,

“Persatuan Pengguna-Pengguna Perak telah melaksanakan satu forum bertajuk ‘Penghapusan Tangkapan Salah Ke Atas Polis Bersabit Dengan Kematian Menembak Mati’ di Teluk Intan pada 1 November 1998 di mana seramai lebih 300 orang rakyat daripada kawasan Teluk Intan dan wakil 61 buah badan-badan bukan kerajaan, dua orang peguam, wakil-wakil daripada keluarga yang telah ditembak mati, wakil Ketua Polis Daerah Teluk Intan telah turut mengambil bahagian dalam perbincangan awam ini.

Kejadian-kejadian terbaru tembak mati di negeri Selangor dan Kelantan telah dibincangkan. Antara resolusi-resolusi yang telah diambil adalah:

- (i) walaupun Polis Diraja Malaysia ditafsirkan sebagai satu badan pencegah jenayah yang tunggal di rantau ini, baru-baru ini tanggapan terhadap mutu perkhidmatan polis*

tercemar kerana kerap kali menembak mati orang-orang yang hanya disyaki;

- (ii) Polis Diraja Malaysia diwajibkan mengumumkan pada atau sebelum 9 November butir-butir kesalahan terhadap semua mangsa-mangsa yang telah ditembak mati untuk mempertahankan tindakan kejam pihak polis.*
- (iii) tanggungan mangsa-mangsa yang ditembak mati perlu dibiayai oleh pihak kerajaan untuk menyara hidup mereka;*
- (iv) suatu Suruhanjaya Diraja perlu ditubuhkan untuk menyiasat tingkah laku polis dalam kejadian-kejadian tembak mati ini;*
- (v) penduduk-penduduk Teluk Intan akan menolong mana-mana pihak yang ingin mengatasi isu tembak mati;*
- (vi) suatu prosedur atau garis panduan dirakam tentang kuasa-kuasa polis apabila mereka hendak menyerbu sesuatu tempat atau menembak seseorang penjenayah supaya tingkah laku polis boleh menjadi lebih telus dan bertanggungjawab.”*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di Selangor baru-baru ini di mana anak Menteri Besar dicolek dan beberapa orang telah di.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bekas Menteri Besar.

Tuan M. Kulasegaran: Bekas, bekas Menteri Besar, anak bekas Menteri Besar telah dicolek dan dikatakan 5 orang telah ditembak mati oleh pihak polis. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah menyuarakan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas kerana masyarakat India berpendapat bahawa seorang perempuan yang mengandung 8 bulan yang tertangkap dalam perkara ini telah ditembak mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah pergi berjumpa keluarga tersebut dan saya difahamkan bahawa sehingga dua minggu dulu tiada sesiapa pun dari pihak kerajaan atau dari pihak polis telah pergi untuk menyiasat kes tersebut. Ini menunjukkan kerajaan tidak peduli apa yang terjadi kepada keluarga tersebut. Saya sendiri telah berjumpa dengan dua anak simati tersebut di mana satu daripada anak itu yang berumur 4 tahun dan satu, 6 tahun. Saya rasa sangat sedih kerana kehilangan ibu bapa. Walaupun saya tidak tahu apa yang terjadi tetapi selepas mendapat beberapa feedback daripada orang-orang di sana, saya difahamkan perempuan yang mengandung itu, masa tembak menembak ini, dia telah keluar dari rumah tersebut dan mengatakan kepada pihak polis, “saya tidak ada kena mengena dan jangan tembak”. Walaupun sedemikian tidak dipedulikan oleh pihak polis. Ini dikatakan oleh orang ramai yang ada di sana.

Jadi, soalan yang timbul adalah adakah pihak polis yang menjalankan tugas mereka tidak mempedulikan nyawa orang-orang yang dikatakan terlibat dalam jenayah? Kita tidak boleh lupa, lebih kurang setahun dulu sebelum itu bekas Presiden Majlis Peguam, Raja Aziz telah mengatakan pihak polis tidak boleh menjadi seorang maharajalela, tidak boleh ‘trigger happy’ kepada apa yang terjadi. Setiap kali perompakan terjadi, kita nampak yang dikatakan oleh pihak polis ada menembak dengan beberapa orang, lepas itu nampaknya semua penjenayah telah terbunuh dan tidak seorang pun pihak polis yang kena cedera dan sebagainya. Jadi dalam hal ini masa telah datang supaya satu badan bebas ‘Royal Commission’ ditubuhkan untuk menyiasat semua kes yang berkaitan di mana pihak polis terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu pada masa ini pergolakan politik, kita nampak penggunaan ISA melampau terjadi dan setiap perjumpaan saya dengan masyarakat di Malaysia ini, ramai orang berpendapat bahawa ISA telah disalahgunakan dan telah digunakan untuk mengadakan satu situasi di mana pihak-pihak yang ada kuasa, boleh berada di sana selama-lamanya. Pada 10 Oktober, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam telah mengadakan satu mesyuarat tergepar dan di mesyuarat tergepar itu, banyak perkara telah dibincang dan di antaranya adalah bahawa ISA perlu di'repeal' dengan izin, dimansuhkan dan pendapat peguam-peguam yang pada hari itu adalah lebih 2,000 orang yang telah datang ke hotel tersebut dan beberapa resolusi-resolusi telah diambil dan diantaranya, saya baca:

- (i) Badan Peguam Malaysia menerima pakai pendirian bahawa semua undang-undang yang membenarkan penangkapan serta penahanan tanpa bicara serta yang mengenakan sekatan dan syarat-syarat tanpa bicara adalah bercanggah dengan kedaulatan undang-undang dan ukuran-ukuran hak asasi manusia antarabangsa serta norma-norma dan nilai-nilai agama yang menjadi pegangan.
- (ii) Badan Peguam Malaysia menyeru untuk mansuhkan semua undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara khususnya Akta Keselamatan Dalam Negeri, Ordinan Darurat, Akta Dadah Merbahaya dan Enakmen Penetapan Terhadap Pembebasan segera tanpa syarat semua orang yang ditangkap dan ditahan di bawah ketiga-tiga undang-undang pertama tersebut di atas.
- (iii) Menyingkirkan segala atau membatalkan semua perintah yang mengenakan sekatan dan syarat-syarat di bawah undang-undang yang tersebut di atas ke atas semua orang berhubung dengan penyuaran perasaan, pergaulan dan pergerakan tanpa bicara.

- (iv) Majlis Peguam mengambil semua langkah yang perlu bagi merealisasikan resolusi-resolusi tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Majlis Peguam yang telah bermesyuarat tergepar itu telah dihadiri oleh lebih dari 25% peguam yang berpendapat sedemikian. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan supaya bukan sahaja akta-akta yang mengehadkan 'freedom', dengan izin, dibubarkan tetapi membawa undang-undang 'bill of right' di negara ini supaya lebih ramai orang dapat mengambil bahagian dalam politik yang dibenarkan dari segi dengan izin, Federal Constitution.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya terpaksa membaca satu artikel di mana saya sangat tertarik. Artikel tersebut dalam yang dikatakan dengan heading, 'Show trial' yang ada tersebut adalah di buku Forgie Books London reprint 1997. Dengan izin saya baca dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat baca, saya hendak ingatkan Yang Berhormat, jangan baca perenggan demi perenggan, elok Yang Berhormat petik sahaja mana yang berkenaan.

Tuan M. Kulasegaran: Ya, terima kasih. *We are reminded of the terrible motivation of power in the best selling book "The Song Dynasty". In November 1908 the Emperor Douger died possibly of poison. She had rule directly or indirectly for half a century, wholly striking down anyone who dared to challenge her sustaining the rule of the Manchu's long after it might normally have collapse. When reformers in China's leadership had relayed around her, imperial rival the Young Kwang Ho Emperor 1898, she had imprisoned.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Emperor apa itu?

Tuan M. Kulasegaran: Emperor di China.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nama itu sebut sekali lagi,

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Salah itu, tidak tepat. Kalau nak bercakap falsafah tu, biarlah falsafah India. Itu falsafah China kurang pakar..

Saorang ahli: Salah sebut, nama salah sebut...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Rompin bangun, hendak beri jalan?

Tuan M. Kulasegara: Saya akan jawab soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau tak bagi jalan, sila teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Ketawa*] Kalau hendak bercakap itu, biarlah yang kita pakar

Tuan M. Kulasegaran: The young Kwang Tsu Emperor in 1898

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kepakaran tentang India

Tuan M. Kulasegaran: ...”*She had imprisoned*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:bercakap tentang sejarah China.....! [*ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan mencelah. Sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran : *She had imprisoned him in the summer palace and tortured all their efforts, now on her dead-bed, unwilling to let him survived her, she ordered her Anchu, to poison the young emperor. He died the day before she did.*

Dari artikel ini menunjukkan semasa Hitler berkuasa di German dan bila Stalin berkuasa di Russia menunjukkan satu proses, bila ada tentangan kepada “leadership”, satu di antara cara di mana seseorang itu diusir keluar adalah dengan mengadakan kes-kes yang tidak pernah didengar di negara-negara tersebut. Di negara

German dan di Russia, di kedua-dua negara itu, kes-kes homoseksual di bawa kepada pihak-pihak yang memegang jawatan yang tinggi bila tidak bersependapat dengan pihak berkuasa dan kes-kes itu dibawa dengan beberapa saksi dan hingga mereka dijatuh hukum salah dan dihukum mati! Ini menunjukkan hal ini adalah satu perkara yang tidak luar biasa. Dan perkara ini bukan sahaja terjadi di negara German, di negara Russia, ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6) Point of order. 36(6) Seseorang tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Dia menggunakan satu analogy Hitler ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Terhadap siapa? Sangkaan jahat terhadap siapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terhadap kerajaan, kepada Perdana Menteri, dia menggunakan macam andaian. Ini tak ada standard ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat saya akan buat keputusan..

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita tahu apa yang berlaku di masa Nazi dahulu...apa relevannya kepada masalah di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat jangan mengambil kesempatan untuk berucap. Yang Berhormat Teluk Intan,

Tuan M. Kulasegaran : Ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: ...sebenarnya Peraturan Mesyuarat 36(6) yang dibangkitkan tadi tu saya rasa walaupun tidak tepat, tetapi Yang Berhormat saya kena beri teguran kepada Yang Berhormat, sebab contoh-contoh yang diberikan itu saya benarkan, tetapi Yang Berhormat janganlah merayau jauh sangat, apa hubung kaitnya dengan belanjawan yang kita bahaskan ini.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh... boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Biasanya, kalau sekadar contoh saya bagi, tetapi Yang Berhormat contoh, tu kenalah yang relevant, bukanlah tak kena mengena....

Tuan M. Kulasegaran: Ada relevant Tuan Speaker. Saya akan teruskan kepada topik yang lain yang lebih memberi manfaat tertentu. Tetapi show trial ini mustahak menunjukkan kes-kes tidak dapat hanya dibiarkan berlaku sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tadi Yang Berhormat bangkitkan contoh sejarah China saya faham tetapi saya tak nampak ciri-ciri persamaannya, sebab kita tak ada emperess...

Tuan M. Kulasegaran: Itu raja yang berkuasa tetapi Hitler dan Stalin itu adalah ketua negara...

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat ini Tanjong Karang Bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan cerita sejarah Hitler dengan Stalin tadi ini....

Tuan M. Kulasegaran: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Tuan Haji Noh bin Omar: Penjelasan-penjelasan.... Boleh beri jalan. Ini cerita sahaja, berilah contoh-contoh ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Haji Noh bin Omar: ...nama orang

Tuan M. Kulasegaran: Tak ada masa, tak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Tidak ada masa Yang di Pertua

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tambi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Lepas ini Yan boleh berucap. Dia berucap selama dua jam setengah semalam. Itulah sebabnya kita disekat masa hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh lupa apa yang dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman bila beliau membuka satu forum di Bar Council pada tahun 1988...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order, Tuan Yang di Pertua...masa Teluk Intan dah cukup, 20 minit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu kerja saya Yang Berhormat...jangan cuba ambil alih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta maaf.

Tuan M. Kulasegaran: Dia nak jadi Speaker. Ini mengenai salah guna ISA. Saya petik apa yang dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman, dengan izin saya cakap dalam bahasa Inggeris *“The Act in my time and my successors time was used only to fight the terrorist and their symphatisers, but it is now used to bully and frightened everybody. When the government made the arrest, they say it was to preserve peace and order. Now they turn around and say that in my time in Tun Razak and Tun Hussein Onn’s time.....*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Siapa kata? Siapa kata ini?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Sibulah, jangan suka mencelah begitu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Ini standard Barisan National punya MP.”*more people were held under the ISA, but those people were communist terrorists, and their symphatisers, and not members of opposition, or parliament or ordinary citizens of this country. We must first find ways, and means how to overcome such act of injustice and tyranny.*” Inilah yang telah dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman. Tuan Yang di Pertua, ISA ini bukan sahaja telah

disalahgunakan, tetapi saya telah difahamkan lebih dari 20,000 hingga 70,000 orang telah ditangkap dan disimpan di beberapa ..

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya ...Tanjong Karang Bangun lagi

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan lagi, apa angka-angka yang dia bagi, Yang Berhormat boleh tunjukkan buktikah? Sampai 20,000 - 70,000 angka yang saya dapat tidak sebanyak itu, paling ramai 3,000 lebih sahaja, zaman tahun 70-an. Macam mana Yang Berhormat dapat angka yang begitu banyak ...

Seorang Ahli: Angka DAP itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini pembohongan, Tuan Yang di-Pertua. Point of Order.. pembohongan kena tarik balik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti dahulu, Yang Berhormat Yan bangun atas Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Nanti sat...Yang Berhormat nak cari buku point of order...

Seorang Ahli: Sini ada...sini ada..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: You tolong baca sekejap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Tetapi, Yang Berhormat, saya hendak ingatkan perkataan bohong tu janganlah ditujukan kepada Ahli yang lain. Ini tidak di...

Tuan M. Kulasegaran: Patut dia tarik balik

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan, Tuan Yang di-Pertua, angka 70,000 itu cukup-cukup tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat boleh mempertikaikannya tetapi janganlah ghairah gunakan perkataan yang unparliamentary..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Habis tu saya nak kata macam mana. Dia cakap tak betul, maknanya Yang Berhormat Teluk Intan cakap tak betul. Saya minta dia prove 70,000....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat cukuplah, Teluk Intan, masa berjalan dan masa dah suntuk Yang Berhormat. Saya cuma kekalkan keputusan yang telah dibuat kelmarin 20 minit, untuk semua orang bukan untuk Yang Berhormat sahaja. Yang Berhormat sila gulung.

Tuan M. Kulasegaran : Tuan Speaker seperti yang saya katakan lebih dari 20,000 sehingga 70,000 orang telah ditangkap di bawah ISA dan ramai yang tidak di bawa ke mahkamah.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Yang Berhormat ...

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan...

Tuan M. Kulasegaran: Saya tidak ada masa

Tuan Haji Noh bin Omar: Dia dapat angka-angka ini dari perangkaan mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia sudah tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tiada masa, tiada masa

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk untuk Teluk Intan. Bagilah peluang untuk dia menggulung perbahasannya.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi inilah ... perkara yang mustahak yang perlu diambil kira. Bahawa penyata-penyata yang menunjukkan lebih dari beribu-ribu orang yang telah ditangkap. Saya harap penyalahgunaan kuasa di bawah ISA tidak lagi dijalankan oleh kerajaan. Tuan Yang di Pertua, saya ada satu di mana di katakan di kawasan pertanian ramai antara rakyat Malaysia tidak ingin bekerja di estet-estet kerana kekurangan kemampuan yang tertentu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Masa dah suntuk, Yang Berhormat ...

Tuan M. Kulasegaran: Ada lima minit lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Tidak ada masa Yang Berhormat, sudah cukup

Seorang Ahli : Duduklah ...duduk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Kee Teat]: Masa Yang Berhormat telah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Johor Bahru.

2.30 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 telah dibentangkan dalam masa negara masih menghadapi kegawatan ekonomi. Ia memuatkan antara lain syor dan cadangan yang telah disediakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara sebuah badan perunding kepada Kabinet untuk menangani krisis ekonomi semasa. Atas sebab itu kita dapati ianya merupakan satu belanjawan yang fleksibel bagi membolehkan kerajaan membuat penyesuaian terhadap perubahan-perubahan dalam persekitaran dan pada masa yang sama peka terhadap kesusahan rakyat terutamanya golongan miskin akibat daripada kegawatan ekonomi.

Adalah diharapkan pendekatan fleksibel dan peka kepada mereka yang terjejas kerana kegawatan akan juga turut dijadikan panduan dan pendekatan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan. Ini kerana merekalah yang lebih mempunyai hubungan dengan rakyat jelata dan tindakan serta dasar mereka secara langsung menjejaskan rakyat. Di Johor Bahru misalnya, 70% masalah rakyat adalah

berhubung kait dengan soal kerajaan tempatan. Memang tidak dinafikan kesan kegawatan menaikkan kadar kemiskinan, kadar pengangguran dan kadar inflasi.

Oleh itu setiap kerajaan tempatan hendaklah menentukan apa sahaja tindakan mereka tidak membebankan lagi kehidupan rakyat. Pada masa yang sama rakyat haruslah sedar bahawa kerajaan membuat apa sahaja untuk menghadapi kegawatan termasuk mengambil tindakan sendiri untuk melindungi ekonomi negara walaupun ianya bertentangan dengan amalan dan sistem biasa mahupun sistem yang diamalkan oleh pihak Barat. Memang banyak pihak akan mengkritik kita atau mengharapkan kita gagal dengan pendekatan yang sedemikian. Tetapi golongan ini jugalah yang tidak cuba membantu kita atau mungkin turut bertanggungjawab terhadap masalah yang dihadapi oleh kita pada hari ini.

Saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ini negara kita, kita faham apa yang diperlukan oleh negara kita dan kita sendiri sewajarnya mengambil tanggungjawab menyelesaikan masalah kita. Atas sebab itu rakyat mesti memberi sokongan kepada pengawalan modal yang telah diperkenalkan baru-baru ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana penduduk Johor Bahru yang berulang-alik menggunakan Tambak Johor setiap hari telah dikecualikan daripada mengisi borang deklarasi perjalanan yang mana jika ini tidak dilakukan akan menyebabkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor.

Tuan Yang di-Pertua, pelan pemulihan ekonomi negara mengakui bahawa soal memulihkan keyakinan memainkan peranan yang penting dalam menghadapi krisis kegawatan ekonomi hari ini. Keyakinan dari pelabur awam baik dari dalam mahupun luar negara sekarang ini berada di paras yang bawah. Satu langkah yang berkesan perlu diambil untuk kita mengatasi perkara ini. Pada masa yang sama kerajaan perlu memulihkan beberapa sektor dengan menyelamatkan beberapa syarikat. Ini bukan perkara baru tetapi kadang-kadang tindakan inilah yang menjejaskan keyakinan.

Di seberang laut, di negara Jepun misalnya, kita ada mendengar industri Jepun telah dijamin oleh kerajaan dan tindakan ini dialu-alukan dan diterima dengan baik

oleh pelabur-pelabur. Ini telah membuat bank-bank lain di Jepun mengikut langkah yang sama tetapi sebaliknya di negara kita, apabila kita mengumumkan bahawa Renong Berhad akan dijamin oleh kerajaan, pasaran saham kita menunjukkan reaksi yang bertentangan. Mungkin keadaan ini berlaku kerana pelabur-pelabur kita mengharapkan maklumat-maklumat dan fakta-fakta terperinci yang saya percaya mereka akan bersetuju dengan jaminan ini yang akan menyelamatkan pekerjaan, kepentingan minoriti dan juga syarikat-syarikat yang teratur. Tetapi ketidakcekapanlah yang saya percaya tidak dapat diterima oleh pelabur-pelabur kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat, apabila IBM mengalami penurunan perniagaan dan masalah kewangan. Pengerusi Eksekutifnya, John Ackers telah dipecat dan diganti oleh Lou Gertsner dari Nabisco. Syarikat ini telah disusun semula dengan pendekatan yang baru dan memberi tumpuan untuk menguatkan kembali syarikat itu dan kini mendahului pasaran Dow Jones semula. Kita bukan mahukan Ketua-ketua Eksekutif yang gagal ini diambil tindakan yang serupa, cuma apa yang kita mahukan ialah satu bentuk bertanggungjawab apatah lagi apabila jaminan kerajaan yang digunakan. Kita tidak mahu kegagalan kedua berlaku kepada syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah modal yang diperlukan oleh Malaysia untuk membaikpulih ekonomi negara sepertimana yang dianggarkan oleh Yang Berhormat dari Merbok adalah sebanyak RM60 bilion. Jika dilihat daripada jumlah tersebut, negara ini sebenarnya perlukan juga modal asing yang boleh membantu memulihkan ekonomi negara dengan cepat dan berkesan. Polisi yang telah wujud untuk FDI atau Foreign Direct Investment, dengan izin, adalah baik tetapi Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mestilah digerakkan dan memberikan jaminan bahawa FDI ini tidak akan terjejas oleh kawalan modal.

Pengenaan kawalan modal pada 1 September memang perlu untuk menstabilkan pasaran kewangan dan ekonomi kita. Walaupun kegiatan spekulasi telahpun disekat tetapi pelabur-pelabur asing yang tulen, tabung simpanan pencen,

wang endowment, tabung endowment, semuanya enggan meneruskan pelaburan mereka di sini. Pada masa yang sama Malaysia juga telah dikecualikan dari Index MSCI ataupun Morgan Stanley Composite Index. Ini tentunya menyukarkan usaha untuk negara mendapat RM60 bilion jumlah modal yang diperlukan oleh negara seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Merbok.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi global dan pasaran kewangan berubah dengan cepatnya. Beberapa bulan kebelakangan ini mata wang negara Asia dan bursa saham telah melonjak dengan begitu tinggi. Bursa Saham Negara Thai telah naik sebanyak 30%, iaitu kenaikan 54% dari kadar terendah pada 4 September. Bursa Saham Indonesia melonjak 34%, Bursa Saham Hong Kong kukuh 33% dan Bursa Saham Singapura pulih sebanyak 22%. Sementara itu mata wang Thai naik 7% berbanding mata wang Dolar Amerika, mata wang Rupiah dan Dolar Singapura melonjak sebanyak 34% dan 6% masing-masing. Dalam tempoh yang sama Bursa Saham Kuala Lumpur hanya mencatat kenaikan sebanyak 6%.

Apa yang saya ingin katakan di sini ialah kegawatan di Asia mungkin semakin berakhir, modal asing telah kembali ke rantau Asia. Kita mesti tentukan negara kita dapat menikmati perubahan ini dan segala tindakan yang sesuai termasuk kawalan modal yang telah dilaksanakan perlulah dibuat kajian pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tindakan yang dilakukan oleh kerajaan adalah pelbagai tetapi ia tidak akan mendatangkan kesan sekiranya rakyat tidak memberikan kerjasama. Kerjasama yang paling penting yang boleh disumbangkan oleh rakyat ialah dengan menentukan wujudnya kestabilan di dalam negara. Kita sedar kestabilan boleh lahir jika rakyat jelas dan faham dalam semua tindakan kerajaan, malangnya perkara ini tidak berlaku kerana rakyat dalam zaman ini terdedah kepada terlampau banyak maklumat. Hakikat ini tidak dapat dielakkan kerana kita sekarang berada dalam zaman teknologi maklumat.

Pembentangan beberapa akta yang melibatkan teknologi maklumat oleh Parlimen beberapa bulan yang lepas akan membantu peluasan dan menyegerakan

proses pergantungan rakyat kepada teknologi maklumat. Akta Komunikasi misalnya, yang telah dibentang beberapa bulan yang lepas yang bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan infrastruktur, sumber tenaga mahir dan sumber-sumber terhad dan mengadakan perancangan dasar pelaksanaan dan kawal seliaan yang terselaraskan dan tidak bertindih dalam sektor telekomunikasi, komputer dan penyiaran akan menyebabkan sektor ini bergerak secara cekap dan juga berkesan. Dalam keadaan sedemikian kecekapan dan keberkesanan akan menjadikan sektor ini lebih efficient dan tentunya mengurangkan kos. Dengan kos yang rendah ini memungkinkan lebih ramai yang akan menggunakan sektor komunikasi dan multimedia ini. Inilah yang akan menyegerakan proses pergantungan dan penggunaan kita kepada teknologi maklumat dalam kehidupan harian kita. Pendek kata teknologi maklumat sedang melanda kita dan proses globalisasi mempercepatkan penggunaannya. Akibat daripada penggunaan dan pergantungan secara meluas tersebut, maka akan timbullah kesan yang merupakan suasana baru yang juga merupakan cabaran-cabaran yang kita tidak boleh pandang ringan. Kita perlu memberi perhatian serius kerana implikasi kewujudannya adalah besar kepada kita.

Yang pertama ialah lahirnya budaya amalan sosial dan perilaku jenayah yang dahulunya tidak terdapat dalam masyarakat kita. Kita tidak dapat nafikan bagaimana mudah untuk berhubung dan mendapat laluan (access) hanya melalui telefon. Ini meningkatkan peluang untuk berlakunya pencerobohan kepada sistem kita malah mungkin memanipulasikan data dan juga maklumat. Kalau setakat computer hackers tidak mengapa, tetapi apa akan terjadi kepada tindakan mengubah, manipulasi data dan maklumat seperti medical report, jadual penerbangan, soal indeks ekonomi dan sebagainya. Soalnya adakah pihak kerajaan sudah bersedia dengan pihak penguat kuasa sama ada mereka yang bertanggungjawab mempunyai latihan mendalam dan mencukupi, terlatih untuk menyekat perkara-perkara yang sedemikian daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kesan yang paling besar daripada pergantungan kepada teknologi maklumat ini ialah semua rakyat berpeluang untuk mendapat maklumat, maklumat yang kadangkala terlalu banyak melalui sumber yang pelbagai serta mudah didapati sehingga ke peringkat akar umbi menyebabkan kemungkinannya timbul keadaan maklumat yang sampai kepada rakyat ada yang benar dan ada juga yang palsu. Dalam dunia tanpa sempadan, peranan penapisan adalah tidak berkesan, peranan censorship adalah tidak lagi berkesan dan ketiadaan maklumat daripada satu pihak akan menyebabkan rakyat terdedah kepada maklumat yang disalurkan oleh pihak yang lain. Akhirnya rakyat akan lebih percaya dan terpengaruh dengan maklumat yang mereka dapat daripada sumber yang sememangnya bukan sumber tradisi.

Saya membangkitkan soal ini kerana isu politik semasa yang kita hadapi pada hari ini sebenarnya antara lain merupakan satu eksperimen menguji persediaan, kemampuan dan kefahaman kita apakah negara kita sudah cukup bersedia bersaing menghadapi keadaan ledakan maklumat yang akan lahir setiap kali sesuatu masalah timbul dalam negara kita atau ada pihak luar yang berniat jahat kepada negara kita. Dalam zaman teknologi maklumat rakyat haruslah disedarkan bahawa ia tidak boleh melihat dan menerima maklumat semata-mata tetapi mesti juga melihat dari mana sumber maklumat tersebut datang. Rakyat mesti sedar maklumat yang terlampau banyak sewajarnya menuntut mereka supaya lebih berhati-hati kerana bukan sahaja ada maklumat yang benar dan ada yang palsu tetapi yang datang dari sumber luar negara khususnya tentu mempunyai matlamat dan agendanya sendiri. Pihak asing menganggap apabila dunia semakin mengecil dan semua negara ibarat kampung sejagat termasuk negara kita, maka mereka juga berkepentingan dalam negara kita. Pendek kata mereka menganggap dalam dunia sejagat, hak dan kepentingan mereka tidak mempunyai sempadan dan batasan. Atas sebab itulah kita dapat lihat bagaimana mereka membuat laporan dan liputan berasaskan kepada kefahaman dan standard mereka sama ada dari segi hak asasi, moral mahupun agama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi kesan negatif daripada komputer dan media itu tidak bermakna kita mesti mengeneipkan proses kemajuan dan pemodenan yang berlaku dalam sektor ini. Yang penting ialah perkembangan pesat sektor komunikasi dan multimedia mesti diiringi dengan persediaan sektor lain supaya kesan yang lahir diberi perhatian juga agar ia tidak membawa masalah yang baru. Sektor lain mesti bergerak seiring supaya kesan negatif tidak berlaku. Kita juga perlu membuat perubahan cara kita bergerak jika tidak bukan sahaja akan lahir kesan negatif tetapi kita akan ketinggalan dan tidak akan mampu bersaing. Dalam soal pendapat dan pandangan yang terlampau banyak misalnya kita mesti mempunyai keupayaan menyaingi tetapi bukan dengan cara menghalang. Kalau dahulu mungkin penapisan mujarab sekarang ianya tidak lagi berkesan, yang penting hujah mesti dilawan dengan hujah dan kerajaan mesti mempunyai mereka yang memang tanggungjawabnya, kerjanya berada bersama komputer menjawab dan menjelaskan setiap perkara yang boleh mengelirukan sesiapa yang membaca dan mendapat maklumat daripada komputer ataupun Internet.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dinyatakan bahawa dalam zaman teknologi maklumat mereka yang bermaklumat adalah mereka yang akan menguasai kejayaan, tetapi kejayaan itu sebenarnya lahir apabila yang menguasai itu tahu maklumat mana yang benar dan mana yang palsu. Atas sebab itulah dalam kita terus membawa negara kita menuju kejayaan kita perlu menentukan rakyat kita tahu mana maklumat yang benar dan mana yang palsu. Jika mereka bertindak atas maklumat yang benar negara akan selamat dan berjaya sebaliknya jika mereka percaya kepada maklumat yang palsu negara akan hancur dan tidak ada sesiapa yang akan selamat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Pasir Mas.

2.50 ptg.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad (Pasir Mas): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk bersama-sama memberi

ucapan menyokong Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan 1 pada 23 Oktober 1998 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 16 bulan yang lalu negara kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Akibat daripada pengaruh spekulasi yang telah dipergunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, untuk menjatuhkan nilai mata wang kita dan juga nilai saham kita. Akibat daripada itu, banyak masalah yang dihadapi oleh negara kita ini termasuklah pihak-pihak swasta. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan negara kita ini, sudah tentulah kerajaan kita memainkan peranan yang amat penting untuk menyelamatkan pihak-pihak swasta ini, yang selama ini telah banyak memberi pendapatan ataupun memberi pulangan kepada pembangunan negara kita.

Dari segi pengangguran umpamanya, disebabkan oleh pihak-pihak swasta ini menghadapi masalah, banyak di kalangan rakyat kita terpaksa diberhentikan daripada pekerjaan, Jadi kerajaan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kita berharap supaya kerajaan memainkan peranan bagi membolehkan syarikat-syarikat swasta ini bergerak sama ada pertolongannya sebagaimana yang telah dilakukan, pihak kerajaan telah menurunkan faedah pinjaman bank yang telah dinaikkan baru-baru ini. Di samping itu juga bank-bank hendaklah memainkan peranan supaya syarikat-syarikat swasta ini diberi pinjaman yang sepatutnya bagi membolehkan mereka ini bergerak untuk membantu kemajuan negara kita. Tetapi pihak swasta juga hendaklah memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab, janganlah kekayaan yang mereka perolehi, keuntungan yang mereka perolehi selama ini dapat lenyap dengan sedikit sahaja masalah yang dihadapi oleh negara sekarang ini.

Umpamanya, institusi perbankan iaitu Bank Bumiputra Sdn. Bhd., sebuah bank yang ditubuhkan hasil daripada Kongres Melayu yang pertama untuk nak membina ekonomi orang-orang Melayu di dalam negara kita ini, bagi membolehkan orang-orang Melayu bergerak, bumiputera bergerak di bidang ekonomi, maka Bank

Bumiputra Malaysia Berhad telah ditubuhkan. Sebagai sebuah bank kedua terbesar di negara kita ini telah mengalami berbagai-bagai masalah.

Pertamanya, dengan masalah BMFnya.

Keduanya, dengan masalah BBMB Securitiesnya dan sekarang ini juga menghadapi masalah kekurangan modal untuk bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapat tahu bahawa Bank Bumiputra ini, untuk menyelamatkan Bank Bumiputra ini pihak pengurusannya dan pihak kerajaan telah bersetuju supaya Bank Bumiputra ini digabungkan dengan salah sebuah bank tempatan iaitu Bank of Commerce. Kita bimbang, takut bank BBMB ini, Bank Bumiputra Malaysia Bhd ini, sebuah Bank Bumiputra apabila digabungkan dengan Bank of Commerce nama 'Bumiputra' itu akan hilang. Jadi sejarah institusi kewangan negara kita ini akan hilang dan kita bimbang juga takut-takut ramai di kalangan pekerja-pekerja bank ini terpaksa dihentikan kerana akibat daripada pemberhentian kakitangan ini daripada bekerja, dapat pendapatan daripada hasil pekerjaannya makan gaji itu, mereka akan jadi penganggur dan akibat daripada pengangguran inilah amat mendukacitakan kita kerana banyak masalah sampingan yang akan dihadapi oleh mereka.

Kita memperingatkan kepada pihak pengurusan Bank Bumiputra yang telah mengalami tiga kali masalah. Masalah pertama, masalah kedua dan sekarang ini masalah ketiga, supaya pihak kerajaan meneliti kenapakah perkara ini masih berlaku lagi kepada Bank Bumiputra ini. Bimbang-bimbang, takut-takut pengurusan BBMB ini banyak menyalahgunakan kuasa di dalam keadaan negara kita ini maju, dalam keadaan negara kita ini aman, dalam keadaan negara kita ini mewah, mereka ini banyak melakukan penyelewengan demi penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Sebagai contoh, cawangan BBMB Kota Bharu, dahulunya BBMB Cawangan Kota Bharu ini menggunakan bangunannya sendiri di Jalan Maju yang dibina dan diduduki pada tahun 1974 lagi tetapi pada tahun lepas, BBMB telah membeli satu

bangunan baru di Jalan Pengkalan Chepa dengan nilainya berjumlah RM4.7 juta. Satu bangunan 3 tingkat, Bangunan Cosmopoint yang 6 tingkat dia membelinya dengan harga RM4.7 juta, 3 tingkat sahaja dan belanja ubahsuainya ialah sebanyak RM600,000. Saya nak tarik perhatian di sini Tuan Yang di-Pertua;

Pertamanya apakah rasionalnya BBMB membeli satu bangunan baru di Jalan Pengkalan Chepa itu dengan harga yang begitu mahal, sedangkan bangunannya sendiri telah ada begitu indah, strategik, 6 tingkat, masih boleh digunakan dan sekarang ini tidak digunakan, membazir begitu saja. Kalau hendak dijual pun, saya dengar hanya lebih kurang RM 2 juta sahaja. Ini jelas kepada kita menunjukkan suatu pembaziran, suatu tindakan yang tidak teliti yang menyebabkan Bank Bumiputra sekarang ini menghadapi masalah dari segi kewangan. Ini satu perkara yang patut diambil berat oleh pihak kerajaan, menyiasat kenapakah berlaku pembelian bangunan ini sedangkan bangunan sendiri telah pun ada.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh di sini ialah mengenai dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya berterima kasih kepada pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Menteri Pembangunan Luar Bandar daripada Peringat, orang Kelantan yang telah banyak meluluskan peruntukan-peruntukan untuk kepentingan rakyat luar bandar. Kalau dibandingkan umpamanya jalan luar bandar, pada tahun 1998 kita hanya mendapat peruntukan sebanyak RM135 juta tetapi pada tahun 1999 ini kita telah mendapat peruntukan sebanyak RM250 juta. Begitu juga dengan jalan-jalan kampung, pada tahun 1998 kita memperolehi peruntukan sebanyak RM185 juta tetapi tahun ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM225 juta. Maka sudah tentulah peruntukan ini bukan sahaja di negeri yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional mendapat peruntukannya malah negeri Kelantan juga, rakyat di dalam negeri Kelantan juga, insya-Allah kita mengharapkan kepada kementerian berkenaan memberi peruntukan yang sama kerana negeri Kelantan, rakyat negeri Kelantan juga masih banyak menghadapi masalah-masalah jalan-jalan kampung khususnya kerana kita tahu

sebagai sebuah kerajaan negeri, Kerajaan Negeri Kelantan yang dipimpin oleh parti pembangkang, parti PAS sudah tentu tidak mampu untuk membina jalan-jalan kampung yang masih diperlukan oleh rakyat di dalam negeri Kelantan.

Pada tahun lepas, tahun 1998 umpamanya, sebanyak RM17 juta diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membina jalan-jalan kampung dan jalan-jalan di luar bandar, kita mengucapkan ribuan terima kasih. Tetapi yang menjadi masalah, pada tahun 1998 ini ialah mengenai pelaksanaan dari segi pelaksanaannya, pada tahun ini berbeza dengan tahun-tahun yang lepas iaitu pelaksanaannya melalui Projek Payung. Projek Payung ini di mana di bawah payung ini dilantiknya anak-anak payung.

Jadi apabila payung ini, apa yang saya fahami dan saya lihat tidak ada apa pun peranan tetapi mereka mendapat keuntungan sebanyak 10%, anak payung yang dilantik inilah mendapat keuntungan selepas daripada 10% yang diperolehi oleh kontraktor payung ini, seorang sahaja. Kalau di Kelantan seorang sahaja iaitu Syarikat Ismail Kadir, syarikat berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tarik perhatian di sini anak payung melantik anak payung dan kementerian melantik konsultan. Pada kebiasaannya projek-projek luar bandar ini, projek RM50,000 ke bawah ini diberi tender, dari segi pelaksanaannya dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Daerah (JPP) sama ada melalui sebut harga, melalui pengundian, tetapi sekarang ini akibat daripada itu jalan-jalan yang telah dikenal pasti banyak terpaksa dipotong kerana konsultan yang menentukan harga ini dia telah menaikkan harga begitu tinggi. Ada berlaku dalam kawasan saya jalan 400 meter dinilai sebanyak RM84,000. Saya terkejut, apabila saya tengok sebab estimate yang dibuat oleh pihak pembangunan jajahan dan kita sendiri ialah hanya sebanyak RM20,000 sahaja. Tetapi apabila kita sedari perkara ini maka bantahan kita buat supaya dipecah-pecahkan kepada jalan-jalan lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi 1 kilometer jalan kampung yang lebarnya 6 kaki, 7 kaki ini dengan harga RM50,000 1 kilometer, ini sudah mencukupi Tuan Yang di-Pertua untuk memberi keuntungan kepada kontraktor-kontraktor kelas F tidak kurang daripada 15% dengan speck batu 6 inci tebalnya, tilesnya pula, piramidnya sebanyak 3 inci, RM50,000 satu kilometer. Ini sudah boleh memberi keuntungan tidak kurang daripada 15% kepada kontraktor-kontraktor kelas F kerana dengan ada konsep ini kontraktor-kontraktor kelas F bersungut. Kalau dahulu mereka boleh mengadu nasib dengan cabutan. Kalau ada umpamanya di Pasir Mas kita ada 20 batang jalan di kawasan kita dikenal pasti ada 30 kontraktor kelas F ini yang berdaftar dengan Pejabat Pembangunan Daerah maka Pejabat Pembangunan Daerah, panggil untuk mengundi bagi mendapatkan kerja-kerja ini dibahagikan kepada 30 kontraktor yang berjayanya daripada 30 mendapat 20 jalan, 10 lagi itu kalau ada peruntukan lagi umpamanya di bawah ICU orang yang masih belum dapat lagi 10 orang ini pula akan kita bahagikan kerja-kerja. Jadi keadilan ini patut dan dari segi penjimatan wang kerajaan ini patut kita kaji semula dan saya mencadangkan supaya kerja secara konsep payung ini tidak lagi dilaksanakan pada tahun hadapan kerana ini jelas merugikan rakyat.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga ialah mengenai dengan rumah-rumah orang miskin di bawah program PPRT. Kita telah dengar banyak kerajaan bercakap, menteri berkenaan juga bercakap mengenai dengan rumah PPRT ini tetapi dari segi pelaksanaannya sungguh mendukacitakan. Dalam kawasan saya di Parlimen Pasir Mas pada tahun 1998 tidak ada satu buah pun rumah PPRT ini dibina sedangkan peruntukan ada kerajaan telah lulus, tetapi dari segi pelaksanaannya kerana kononnya senarai-senarai yang dikemukakan oleh pihak penghulu, pihak penggawa, pihak wakil rakyat di bawah PPRT ini yang telah dikenal pasti kerana pembinaannya di kawasan Pasir Mas melalui lead agensi FELCRA. Ada tempat di bawah FELCRA agensinya, ada kawasan setengah itu FELDA tetapi di kawasan saya Parlimen Pasir Mas di bawah

FELCRA. Satu lagi orang yang akan menilai, akan tengok ialah AIM (Amanah Ikhtiar Malaysia). Ini banyak sangat kenapakah begitu banyak sekali kalau wakil rakyat hantar pun kena AIM tengok dahulu, nilai dahulu orang ini miskinlah tidak miskinlah, lepas itu FELCRA lagi pergi tengok, akhir-akhirnya bulan Oktober ini masuk bulan Disember bulan November pun masih belum dapat dilaksanakan. Sepatutnya perkara ini janganlah kita mengambil masa yang begitu banyak, sudahlah cukup dengan AIM ini kita ketepikan, sebab satu contoh di kawasan saya baru-baru ini dalam satu mesyuarat pegawai FELCRA kata daripada 70 senarai yang dikemukakan oleh AIM, kononnya AIM ini untuk memutihkan senarai ini hendak tengok betul-betul orang ini layak tetapi daripada 70 yang diputihkan oleh AIM ini FELCRA mengatakan hanya 14 buah sahaja yang layak, jadi inilah yang mendukacitakan kita. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula perkara ini supaya tidak banyak sangat kerenah tetapi dari segi pelaksanaannya tidak berkesan kepada rakyat. Orang miskin ini Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengambil suatu tindakan yang cepat, tegas supaya masalah yang dihadapi oleh mereka ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin yang boleh. Kita tidak perlu lagi banyak kerenah dari segi melaksanakan tanggungjawab ini terhadap rakyat yang miskin.

Yang keempatnya ialah mengenai dengan PPRT juga, iaitu kalau dahulu di kawasan saya di Kelantan umumnya pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi peruntukan makanan tambahan kepada kanak-kanak yang belajar di Tadika KEMAS. Makanan ini termasuklah makanan susu, kacang hijau, milo, makanan tambahan tetapi nampaknya pada tahun ini, setakat ini peruntukan ini tidak disalurkan lagi kepada pihak Tadika KEMAS yang berada di seluruh negeri Kelantan. Jadi saya berharap kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya melihat dan mengkaji semula kerana perkara ini sudah tentulah dengan peruntukan yang kita berikan kepada Tadika-tadika KEMAS di luar-luar bandar ini,

sekali gus kita dapat menolong golongan-golongan yang miskin supaya mereka mendapat makanan yang berzat dan cukup.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya ialah mengenai dengan pendidikan. Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan - kita berterima kasih kepada kerajaan, pertamanya kerana telah meluluskan peruntukan yang terbanyak kepada Kementerian Pendidikan iaitu RM10.4 bilion, 22.3% daripada peruntukan yang diluluskan dan sebanyak RM440 juta telah diluluskan untuk membeli buku teks kepada golongan-golongan yang miskin di seluruh negara kita ini. Apa yang saya hendak tarik perhatian di sini ialah mengenai dengan peraturan yang dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan iaitu bagi mereka yang mempunyai pendapatan makan gaji lebih daripada RM1,000 ke atas - RM1,000 ke atas peraturan yang dibuat, mereka ini tidak boleh diberi buku teks kepada anak-anak yang belajar di sekolah.

Apa yang saya hendak menarik perhatian di sini ialah angka RM1,000 itu tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalahnya ialah pihak kementerian kena membuat kajian semula kalaulah ibu bapa itu mempunyai pendapatan sebanyak RM1,000 tetapi dia menanggung anak yang ramai – katakan ada anak lima atau enam orang, enam orang ini pula belajar di sekolah menengahkah, universitakah, di kolej-kolej swastakah, maka sudah tentulah dengan pendapatan sebanyak RM1,000 ini, mereka ini kalau kita kenakan bayaran buku teks, kena beli sendiri, maka sudah tentulah beban yang amat berat kepada ibu bapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Akibatnya, mungkin anak mereka tidak dapat membeli buku teks, jadi kita harap kepada pihak kementerian mengkaji semula supaya mereka yang mempunyai pendapatan RM1,000 ke atas ini tetapi mempunyai tanggungan yang banyak, mereka juga akan diberi buku teks yang sama dengan mereka yang mempunyai pendapatan RM1,000 ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekadar itu sahajalah dan saya menyeru kepada semua rakyat di dalam negara kita ini supaya kita sentiasa bersatu padu menyokong apa sahaja tindakan kerajaan terutama sekali tindakan yang telah diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kita ini dan kita tahu MTEN ini bermesyuarat tiap-tiap hari – mencari jalan, memikir, mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi negara kita ini dan kita tengok hasilnya berjaya. Banyak langkah yang telah diambil oleh kerajaan itu telah menampakkan kejayaan kepada kita. Sekarang ini bukan masa untuk kita berdemonstrasi, bukan masa untuk kita menimbulkan lagi masalah-masalah yang tidak baik, yang tidak sopan bagi menggawatkan lagi masalah negara kita ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Arau.

3.13 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur kerana diberi kesempatan untuk turut serta bercakap membahaskan Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Belanjawan ini adalah Belanjawan dalam keadaan gawat. Sedangkan kita, pertama dalam agama Islam, Rasulullah memberi panduan dan wasiat dalam persoalan yang berkait dengan ekonomi ialah supaya kita sentiasa bersederhana dalam keadaan kaya, dalam keadaan senang dan bersederhana dalam keadaan gawat. Jadi, apa yang saya hendak harapkan ialah bahawa kegawatan ekonomi pada hari ini akan memberi pelajaran kepada kita semua untuk kita bersederhana di masa-masa akan datang, apabila kita dapat mengatasi kegawatan ini dan sifat sederhana itu perlu kita kekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin yang pertama sekali memasuki perbincangan saya berhubung dengan gejala sosial yang berleluasa di tanah air kita sekarang ini yang semua pihak mengaku bahawa sesungguhnya penyakit sosial ini bukan semakin

berkurangan tetapi sebenarnya ia semakin bertambah. Program-program yang diatur oleh pihak kerajaan dan pihak yang berkuasa terutama yang berkait dengan Rakan Muda nampaknya menemui kegagalan dan ini terbukti bahawa kerajaan sendiri akan merombak dan menyusun semula program-program Rakan Muda ini dan saya yakin rombakan yang dibuat seperti mana pun kalau tidak mengikut lunas-lunas yang betul terutama yang dipandu sendiri oleh Islam, ia sekali lagi akan menemui kegagalan. Oleh itu, saya harapkan supaya penyusunan semula kepada program-program Rakan Muda ini ditumpukan dengan memberi perhatian yang serius supaya kita tidak melanggar hukum-hukum Islam itu sendiri. Sebagai contoh, pakaian semasa program itu diadakan hendaklah menutup aurat. Kalau kita buat program yang mendedah aurat, buatlah seribu program pun, ia tidak akan memberi kesan untuk kita memerangi gejala sosial ini.

Yang kedua, kita kena wujudkan kawalan yang ketat di antara hubungan lelaki dengan perempuan semasa program ini diadakan. Kalau kita biar sahaja berada khemah yang berhampiran, mungkin mereka akan merangkak waktu tengah malam untuk menyeberangi ke khemah yang sebelah dan ini juga tidak akan dapat menyelesaikan masalah sosial walaupun kita cuba untuk hendak mengatasinya.

Yang ketiga, program-program yang kita laksanakan hendaklah jangan ia bertentang dengan syarak ataupun sekurang-kurangnya jangan bertentang dengan budaya kita orang Melayu dan orang Timur ini kerana apabila program-program ini dibuat yang bercanggah dengan hukum syarak dan juga bercanggah dengan program-program ataupun budaya kita orang Melayu dan orang Timur, maka itu akan meliarkan lagi belia-belia kita yang kita cuba bentukkan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri melihat bahawa gejala sosial ini telah pun merebak dengan begitu cepat di penempatan-penempatan peneroka di tanah-tanah rancangan kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain. Dahulu, saya difahamkan bahawa di rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA wujud satu unit pembangunan masyarakat dan di bawah unit pembangunan masyarakat ini terdapat pegawai-pegawai yang dikenali dengan Pembantu Pembangunan Peneroka Wanita, Pembantu Pembangunan Peneroka Agama dan diawasi mereka ini oleh penolong Pegawai Pembangunan Wanita dan Penolong Pegawai Pembangunan Agama serta mereka juga diawasi oleh pegawai yang lebih tinggi iaitu pegawai Pembangunan Peneroka Agama dan Pegawai Pembangunan Peneroka Wanita, tetapi akhir-akhir ini

unit khidmat masyarakat dalam tanah-tanah rancangan ini telah dihapuskan ataupun dikurangkan peranannya sehingga program-program yang berkait dengan pembangunan masyarakat itu sendiri telah berkurang dan akibatnya penyakit masyarakat bertambah dan makin naik.

Oleh itu, saya berharaplah bahawa pihak kerajaan memberi perhatian yang serius dalam peruntukan bagi membendung gejala sosial ini supaya memberi tambahan peruntukan bagi menghidupkan balik unit ini ataupun dinaikkan tarafnya kepada satu jabatan yang setaraf dengan bahagian-bahagian yang lain yang terdapat dalam pembangunan tanah itu supaya program-program pembangunan masyarakat ini dapat diadakan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengaitkan sedikit berhubung dengan harga padi. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masa soal jawab dahulu menyebut bahawa harga padi tidak dinaikkan, alasan yang diberikan ialah supaya jangan dinaikkan harga beras. Saya suka hendak menyebutkan di sini bahawa harga padi yang dibayar oleh kerajaan sekarang dengan harga RM550 bagi satu tan adalah merupakan satu harga yang terlalu rendah jika dibandingkan dengan harga beras yang dijual sekarang ini kerana mengikut kajian yang dibuat, setiap 100 kilo padi yang dikilangkan ia akan mengeluarkan lebih kurang antara 58 hingga 60 kilo beras. Kalau sekiranya satu kilo dijual dengan harga RM1.40 ataupun 100 kilo beras dijual dengan harga RM140, maka bererti pihak kilang yang membeli RM550 satu tan, kemudian jual balik dia akan dapat RM850 lebih kurang bagi satu tan. Bermakna setiap tan setelah tolak segala kos perbelanjaan kilang dan sebagainya, pihak kilang boleh untung sebanyak RM200 satu tan padi yang dibeli sedangkan petani-petani juga kalau menyewa tanah dia juga akan dapat RM200 satu tan keuntungan daripada usaha yang dibuat di tanah itu. Ertinya pengilang dapat RM200, petani dapat RM200 tetapi bezanya ialah pengilang dapat RM200 daripada satu tan dalam masa tidak lebih daripada satu minggu sedangkan petani terpaksa menunggu sehingga enam bulan untuk mendapatkan keuntungan RM200 daripada satu tan itu. Itu satu.

Yang kedua, alasan yang saya hendak bayangkan di sini ialah bahawasanya harga padi perlu kita naikkan disebabkan oleh kerana pihak pengilang sekali lagi mendapat untung selain daripada untung mengilang kerana walaupun kerajaan menjeniskan padi kepada Super 1,2,3 atau A,B,C, begitu juga harga standard tetapi sebenarnya apa yang berlaku di Kedah dan di Perlis ialah padi-padi atau beras-beras ini tidak ada yang standard, semuanya menjadi 'Super'. Ertinya dijual dengan harga yang lebih tinggi dan apabila semua padi dan beras ini dijual dengan harga yang lebih tinggi bererti bahawa pengilang-pengilang tidak rugi sedikitpun dan mereka bertambah lagi untung.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu pihak kilang sanggup membayar harga lebih bagi setiap tan padi yang dibawa ke kilang. Sebagai contoh, Bernas sendiri sanggup membayar RM15 tambahan kepada harga padi bagi satu tan sedangkan pengilang-

pengilang swasta sanggup membayar sehingga RM90 bagi satu tan. Di mana mereka mendapat wang ini untuk membayar kalau tidak harga padi murah dan harga beras mahal. Apa alasan Kementerian Pertanian yang tidak mahu menaikkan harga padi sedangkan harga beras boleh dinaikkan dengan sewenang-wenangnya walaupun pada akhir-akhir ini ada ura-ura daripada kementerian untuk mengehadkan harga beras 'Super' tetapi saya kira sudah terlambat dan yang menerima kerugiannya adalah berpuluh-puluh ribu petani yang mengusahakan padi di tempat masing-masing terutama di negeri Kedah, Perlis, Perak dan juga Selangor.

Jadi kerana itu alasan yang diberikan oleh kementerian untuk tidak mahu menaikkan harga padi adalah satu alasan yang boleh difikirkan semula kerana ia tidak begitu munasabah. Saya yakin apabila harga padi dinaikkan, kita katakanlah sekarang ini RM550 kemudian kita naikkannya kepada RM700, maka pada ketika itu kita masih mampu untuk mengehadkan harga beras dalam keadaan sekarang dan pihak pengilang tidak perlu lagi memberi harga tambahan kepada petani-petani. Kita bimbang juga memberi harga tambahan ini mungkin mereka tipu pula daripada sudut timbang. Oleh itu biar kerajaan yang menaikkan harga padi dan kawal dan juga kawal harga beras. Itu adalah lebih terjamin kepada petani-petani untuk mendapat faedah daripada usaha yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang hendak saya cakapkan di sini ialah berhubung dengan ramai daripada wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat menghentam para pelajar yang terlibat dengan demonstrasi yang menyokong Dato' Seri Anwar dan sekejap ini pun Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga menyebut bahawa demonstrasi bukan cara kita. Saya hendak lihat perkara ini daripada satu sudut - Ahli Yang Berhormat dari Yan tidak ada hari ini - saya pun dok tunggu dia datang tetapi dia tidak datang kerana hendak bayar hutang. Ahli Yang Berhormat dari Yan menghentam para pelajar ini seolah-olah tidak kenang budi kerajaan, kerajaan beri itu, kerajaan beri ini, mereka ini budak-budak 'kanyiar' kata dia, guna bahasa Kedah dan saya masih ingat lagi dan macam-macam lagi. Apa yang saya lihat para pelajar yang kita terima masuk ke universiti ini adalah para pelajar yang cerdik kerana yang bodoh itu kita tidak ambil mereka untuk belajar di universiti. Kalau sekiranya para pelajar yang cerdik ini melakukan sesuatu seperti demonstrasi misalnya, kenapa kita tidak boleh cuba seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita selesaikan melalui 'akal lawan akal', 'cerdik lawan cerdik'. Ertinya, kalau para pelajar ini berdemonstrasi dan kita selesaikannya melalui kekerasan, dia tidak membawa kepada keadaan yang lebih baik dan bagi saya dia akan memburukkan lagi keadaan apabila kita cuba menyelesaikan sesuatu kepada orang cerdik ini dengan kekerasan.

Bukankah ada jalan lain yang boleh kita cari misalnya menyelesaikan masalah mereka keluar berdemonstrasi itu melalui cara-cara yang lebih terpelajar iaitu dengan kita berhujah dengan mereka untuk kita buktikan bahawa kita dalam kebenaran. Tetapi

biasanya dalam berhujah ini ada yang menang dan ada yang kalah. Mungkin kita akan kalah apabila berhadapan dengan mereka disebabkan oleh kerana perkara-perkara yang telah lalu yang telah kita lakukan sehingga mereka sanggup untuk keluar ke hadapan.

Jadi, saya berharaplah kita sekarang ini orang Melayu memang tidak suka kepada perkara yang berbentuk kekerasan tetapi apabila orang Melayu keluar ke medan, itu bermakna ada sesuatu yang tidak betul. Oleh itu saya ingin juga hendak menyebutkan di sini mungkin dasar pendidikan kita itu perlu dikaji semula. Dasar Pendidikan kita melahirkan para pelajar yang suka demonstrasi, ataupun dasar pendidikan kita melahirkan pelajar-pelajar yang liar, yang tidak menghormati undang-undang. Maka kalau itulah sebenarnya, kita perlu mengkaji semula dasar pendidikan kita. Saya sendiri pun melihat Dasar Pendidikan Kebangsaan sekarang ini perlu dikaji semula iaitu tumpuan hendaklah kita berikan kepada pelajaran-pelajaran yang berkaitan dengan agama dan moral sama tinggi, sama tarafnya dengan pendidikan ataupun pelajaran-pelajaran yang berkaitan dengan akademik.

Dalam masalah ini, kita dapati sekarang ini terutama orang Melayu, penerimaan mereka kepada pendidikan agama itu begitu tinggi. Contohnya, setiap awal tahun apabila sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama membuka permohonan-permohonan masuk, kita dapati 20 ataupun 30 kali ganda daripada yang akan diterima itu dipohon oleh mereka yang ingin memasukkan anak-anak mereka ke sekolah agama.

Sebagai contoh, Sekolah Maahad Mahmud di Kedah yang hanya hendak terima 120 orang, tetapi yang memohonnya 2,000 hingga 3,000. Maahad Mahadi di Kelantan, Alwiyah di Perlis dan lain-lain sekolah menengah agama ini, ibu bapa hendak hantar anak, sedangkan sekolah menerima peratus yang terlalu kecil, iaitu 10% sahaja yang mereka boleh terima daripada permintaan yang sebenar yang diminta. Apakah kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan tidak melihat dan sedar tentang kemahuan ibu bapa ini. Apakah kementerian tidak mempunyai kemampuan untuk mengatasi masalah ini.

Saya kira begini, oleh kerana ibu bapa suka untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama, kenapa tidak boleh diubah, kalau kita tidak ada peruntukan dalam keadaan kegawatan sekarang untuk membina sekolah agama yang baru, kenapa sekolah-sekolah menengah biasa sekarang ini tidak boleh ditukar kepada sekolah menengah agama kerana boleh dikatakan setiap kawasan pilihan raya itu banyak sekolah menengah biasa, kenapa tidak ditukarkannya kepada sekolah menengah agama. Mungkin kerana kekurangan guru tetapi kita boleh pelankan untuk mendapatkan guru-guru yang sesuai untuk mengajar di sekolah tersebut. Hanya guru-guru agama sahaja dan bahasa Arab yang perlu ditambah sedangkan guru-guru yang lain kita boleh pakai guru-guru yang sedia ada. Jadi, kalau kita perlukan guru agama dan bahasa Arab sebagai tambahan, maka kerajaan seharusnya membuat persediaan untuk menghantar guru-guru ini ataupun mereka yang bakal menjadi guru ini melanjutkan pelajaran dan melayakkan diri mereka untuk menjadi guru.

Saya minta supaya setiap daerah kalau boleh kita tukarkan sekolah biasa kepada sekolah menengah agama untuk menampung keperluan dan kehendak daripada ibu bapa itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Jasin: Sudah hendak minta gulung? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memperingatkan saya.

Perkara yang berikutnya saya tidak hendak gulung, saya hendak sentuh satu perkara lagi, iaitu hendak merayu kepada Kementerian Dalam Negeri mengenai minta sedikit kelonggaran kepada orang-orang UMNO yang hendak beli surat khabar *Harakah*. Saya kasihan mereka ini teringin hendak baca, tetapi kerana peraturan yang diletakkan bahawa hanya orang PAS sahaja boleh beli *Harakah*, saya mintalah kalau ada orang UMNO hendak beli, tolonglah jangan tangkap mereka, jangan anggapkan mereka salah dan jangan anggapkan pula yang menjual itu melakukan kesalahan dan diambil tindakan kepada mereka. Kerana saya cukup kasihan, ada Ahli Yang Berhormat di sini pun sekali dia kata orang beri, sekali dia kata dia beli. Kalau dia beli, makna dia beli secara haram sebab dia bukan ahli. Jadi, kalau hendak masuk jadi ahli dia kena berubah tempatlah. Maka dengan sebab itu, saya minta Kementerian Dalam Negeri berilah sedikit kelonggaran, kerana sekarang ini peluang untuk PAS menambah ahli begitu ramai, kerana dia bukan suka sangat kepada PAS, tetapi kerana suka hendak baca *Harakah*, dia terpaksa untuk masuk menjadi ahli PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Hashim bin Jasin: Terima kasih. Saya ikut peraturan, saya tidak macam Yan.

Tuan Yang di-Pertua: Selangau.

3.34 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]: Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama pada 23 Oktober, Jumaat yang lalu. Saya anggap Belanjawan kita kali ini ialah Belanjawan untuk survival atau Belanjawan bagi memulihkan kegawatan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang melanda negara kita dan juga negara-negara serantau Asia ini telah menjangkau lebih daripada setahun. Krisis ini telah menjadikan tahun 1998 satu tahun yang amat sukar dan mencabar bagi semua

rakyat kita sama ada mereka ahli politik, ahli korporat pegawai kerajaan dan rakyat biasa yang tinggal di bandar atau di luar bandar atau yang tinggal di kampung atau di rumah panjang di seluruh negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, kerajaan terpaksa mengambil beberapa tindakan yang lebih tegas untuk memulihkan ekonomi negara kita untuk melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang bertujuan menstabilkan Ringgit bagi memulihkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan dan mengukuhkan asas ekonomi. Pelan ini juga telah diberi tumpuan kepada usaha mencergaskan semula sektor-sektor ekonomi yang terjejas serta meneruskan agenda sosio-ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan ini adalah untuk kepentingan rakyat dan negara. Maka oleh yang demikian, sokongan padu dari semua lapisan masyarakat amatlah diperlukan supaya pembangunan ekonomi selama empat dekad yang lepas dapat dipertahankan semula. Saya Wakil Rakyat dari Sarawak, dari kawasan luar bandar Selangau, sekali lagi merakamkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerana dapat meneruskan agenda pembangunan kerajaan bagi memajukan kawasan pembangunan luar bandar. Walaupun kita sekarang menghadapi masalah kegawatan ekonomi, saya yakin dan percaya kawasan luar bandar di Sarawak tidak akan ketinggalan dalam semua kemajuan dan pengagihan Belanjawan tahun 1999.

Jika boleh, saya harap peruntukan bagi kawasan luar bandar negeri Sarawak lebih ditambahkan, kerana kawasan negeri Sarawak adalah lebih besar dari negeri-negeri di Semenanjung. Kita semua tahu bahawa peruntukan Belanjawan pada tahun 1999 ini hanya RM65.9 bilion, dan jumlah ini berkurangan 9.3% jika dibanding dengan peruntukan Belanjawan bagi tahun 1998. Sebanyak RM47 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus, dan RM18.53 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada RM18.53 bilion ini, RM4 bilion bagi pembinaan projek-projek prasarana

yang meliputi jalan raya, jambatan dan lapangan terbang awam. Daripada peruntukan ini hanya RM382 juta sahaja disalurkan bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada peruntukan ini termasuk untuk membina Jambatan Sungai Durin, Batang Rajang, Sibu dan untuk membina lapangan terbang baru di Bintulu dan juga untuk membaikpulih jalan-jalan Highway Pan-Borneo di Sarawak, termasuk dari jalan Highway Bukit Kayu Malam, Saratok ke Betong, Sarawak kerana jalan raya itu paling teruk dan jalan raya yang in curve dan banyak selekoh yang sangat merbahaya kepada semua kenderaan yang menggunakan jalan raya itu. Saya harap pembinaan Jambatan Durin, lapangan terbang baru Bintulu dan juga pembinaan long bridge di Sibu patut dibuat pada dua tahun yang lalu. Kami wakil rakyat dari negeri Sarawak mengharapkan projek ini dapat dibuat pada tahun yang akan datang supaya tidak jadi isu pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan desa atau pembangunan luar bandar termasuk meneruskan program meningkatkan produktiviti hasil pertanian, pembinaan jalan-jalan desa, menyediakan bekalan air dan api elektrik, pembangunan semula kampung tradisional serta pusat-pusat pertumbuhan desa, sejumlah RM1.2 bilion diagihkan dan daripada peruntukan ini RM151 juta daripadanya diberi kepada negeri Sarawak. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan kerana mengagihkan RM151 juta bagi negeri Sarawak untuk pembangunan tersebut. Tetapi apa yang saya katakan tadi oleh kerana negeri Sarawak yang luas dan besar, saya minta bahawa peruntukan ini ditambah pula oleh kerana lebih kurang 5,000 buah kampung dan rumah panjang di mana penduduknya telah tinggal bertaburan di seluruh negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kawasan negeri Sarawak yang sangat luas, penduduknya yang berbilang kaum, peruntukan sebanyak RM150 juta memang tidak cukup dan saya ingin hendak bertanya kepada kementerian yang berkenaan, setakat ini berapa peratuskah bekalan elektrik, jalan-jalan kampung, telefon awam yang telah dilaksanakan termasuk di kawasan saya Selangau.

Saya difahamkan tidak kurang daripada 300 simpang jalan-jalan raya menghubungkan kampung-kampung dan rumah panjang di Sarawak belum lagi dinaikkan taraf, masih menggunakan jalan tanah merah, tambah pula musim tengkujuh yang

dikatakan La-Nina hujan lebat di Sarawak, kebanyakan jalan-jalan ini tidak dapat digunakan kerana licin dan berlubang dan juga saya harap kerajaan dapat menimbangkan iaitu sebatang jalan yang begitu lama rakyat menunggu iaitu sebatang jalan dari Kanowit-Song ke Kapit di mana jalan-jalan raya itu telah dijanjikan semasa pilihan raya yang dahulu tetapi saya harap pada kali ini jalan raya ini dapat ditunaikan. Saya ini bagi pihak orang Kapit juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanian luar bandar, saya minta kerajaan dan Kementerian Pertanian menggubal dasar supaya tanah yang besar dan luas di negeri Sarawak milik bumiputera yang dikatakan NCR/NCL dapat dimajukan dengan tanaman besar-besaran seperti ladang kelapa sawit, ladang jagung, tebu dan tanaman yang lain dapat diwujudkan dengan secara komersial supaya kita tidak mengimport banyak makanan dari luar negara.

Saya tahu kerana banyak tanah yang di luar bandar itu kepunyaan bumiputera yang baik untuk tanaman ini dan juga saya berterima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana telah membekalkan subsidi baja padi dan saya minta atau memohon di sini bahawa baja atau subsidi untuk menanam kelapa sawit secara smallholders patut digalakkan oleh sebab saya telah difahamkan bahawa harga kelapa sawit pada hari ini sangat merangsangkan atau menggalakkan. Kalau boleh kerajaan membekal kepada para petani atau pekebun kecil untuk memberi subsidi kepada penanam kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak lupa dan akan terus memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Maka dengan ini, Kementerian Pendidikan telah menggubal falsafah pendidikan negara supaya melahirkan anak-anak bangsa Malaysia yang mempunyai ilmu bertaraf dunia, bermoral tinggi tahan berdaya saing antara satu sama lain dan berjiwa untuk bangsa, agama dan negaranya.

Maka oleh yang demikian, kerajaan membekalkan RM13 bilion disediakan bagi meningkatkan sokongan pembangunan kurikulum sekolah. Daripada jumlah ini RM8 bilion untuk pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah, sebanyak 183

buah sekolah rendah dan menengah baru akan dibina dan 1,217 buah lagi sedang dan akan dibina pada masa yang akan datang.

Maka dengan peruntukan ini, kami di Sarawak harapkan sekolah rendah terutamanya sekolah rendah di luar bandar dapat dibina dan dibaikpulihkan semula kerana saya tahu keadaan kebanyakan sekolah-sekolah termasuk rumah guru, dewan makan, asrama, bilik sumber memang tidak cukup dan kebanyakan yang jauh di luar bandar telah usang keadaannya, misalnya saya beri contoh di sini sebuah sekolah menengah di Sungai Tepus yang blok bagi pelajar perempuan yang tidak dibina tempoh hari walaupun ada dalam pelannya tetapi tidak dibuat boleh jadi ia ada masalah kewangan atau financial constraint dan juga sebuah sekolah SRK Sungai Dijih di mana tanahnya dekat 15 tahun belum diambil oleh pihak kerajaan dan saya minta Kementerian Pendidikan merujuk kepada perkara ini supaya tanah itu diambil oleh kerajaan daripada tuan punya tanah. Sebagai hak milik kerajaan iaitu hak milik Jabatan Pendidikan, dan membayar pampasan kepada tuan punya tanah.

Saya minta juga Kementerian Pendidikan memberikan alat-alat kemudahan seperti api elektrik yang tidak dibekalkan, komputer, buku teks yang tidak cukup, air paip yang bersih dapat disalurkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, seramai 24,600 orang pelajar dijangka akan menerima manfaat daripada tabung dan dengan peruntukan RM320 juta. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan dari jumlah pelajar seramai 24,600 orang itu berapa orang pelajar dari negeri Sarawak yang dapat pertolongan dari Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini terutamanya pelajar-pelajar dalam golongan yang miskin di mana ibu bapa mereka tidak dapat membayar kos persekolahan mereka kepada pengajian yang tinggi sama ada tempatan atau luar negara.

Saya ingin juga mengemukakan masalah tentang pinjaman buku teks di mana rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi telah menyatakan iaitu rungutan dari ibu bapa untuk pinjaman buku teks pada sesi 1999 yang pegawai kalau gajinya melebihi dari RM1,500 tidak dibenarkan untuk pinjaman buku teks, tetapi saya rasa

saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Arau di mana kita mengambil pertimbangan kalau anaknya lebih dari enam orang, ini dapat dipertimbangkan oleh kerajaan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM4.5 bilion disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan supaya rakyat dapat terus menikmati taraf perkhidmatan yang baik dan selesa. Dengan peruntukan ini beberapa juta ringgit akan diberi kepada negeri Sarawak untuk membina klinik terutamanya klinik desa di kawasan luar bandar. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan berapa buah klinik di kawasan saya Selangau yang telah dijanjikan oleh kerajaan pada penghujung tahun 1995 untuk dibina dan saya telah bertanya beberapa kali di Dewan yang mulia ini, mengenai dengan dua buah klinik iaitu sebuah klinik di kawasan saya di Penyarai, Ulu Kakus di daerah Tatau dan sebuah klinik desa di Sungai Tepus di daerah Mukah bahawa klinik ini telah patut dibina dalam tahun 1995 tetapi sekarang belum dapat dan saya harap sekali lagi tidak jadi isu pilihan raya yang akan datang dan kerajaan dapat mengambil tindakan dengan serius untuk membinanya dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan klinik, saya juga ada pertanyaan dengan Kementerian Kesihatan sebab saya tahu ada dua buah klinik di kawasan saya telah ditutup, sebuah klinik di Ili Siong di daerah Sibu dan sebuah di Kuala Lemai di kawasan Balingian, Mukah, saya difahamkan ia ditutup sebab tidak digunakan lagi oleh penduduk tetapi saya ada kompelin atau rungutan daripada penduduk di tempat itu bahawa ramai penduduk di kawasan tersebut masih memerlukan pusat kesihatan itu kerana mereka tinggal jauh dari pusat kesihatan dan perubatan memandangkan tempat itu jauh di luar bandar.

Saya ingin juga menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri mengenai dengan Jabatan Pendaftaran Negara tentang surat kelahiran, kematian dan anak angkat serta juga kad pengenalan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, dunia pada hari ini telah berubah, negara kita Malaysia telah maju ke alaf baru, zaman purba sudah ditukar kepada zaman digital, di mana kita bercakap tentang dunia global, realiti baru dan bangsa Malaysia sudah dianggap jadi masyarakat madani pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya masih ramai bangsa Malaysia yang tinggal di negeri Sarawak terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar belum ada surat beranak dan kad pengenalan. Mereka ini dianggap sebagai stateless atau jadi orang asing di negaranya sendiri. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kerajaan lebih-lebih lagi kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan dan mengadakan program-program lawatan khas ke kampung-kampung, rumah-rumah panjang atau sekolah-sekolah yang jauh di hulu sungai atau di luar bandar supaya mereka ini dapat didaftarkan sebagai rakyat negara Malaysia yang sah, yang mempunyai surat kelahiran dan kad pengenalan.

Ramai Ahli Yang Berhormat atau Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak telah membangkitkan perkara ini, kalau saya tidak silap daripada saya mula berkhidmat sebagai wakil rakyat pada tahun 1990, wakil dari Batang Lupar, Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu dan Ahli Yang Berhormat dari Kapit juga tetapi perkara ini masih berterusan dan kali ini saya harap sebelum pilihan raya kalau dapat program khas yang saya katakan tadi dapat dibuat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai perumahan kos rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun negara kita sedang menghadapi masalah kegawatan ekonomi, kerajaan telah menubuhkan banyak tabung misalnya tabung perumahan untuk rakyat termiskin. Tabung ini menyediakan lebih kurang 27,500 unit rumah kos rendah akan disiapkan dalam tempoh 1998 dan 1999. Saya harap dan yakin ramai lagi rakyat yang termiskin dapat membeli rumah kos rendah ini. Saya ingin bertanya setakat ini, berapakah rumah kos rendah telah dibina di Sarawak, misalnya di bandar Sibu, Bintulu, Miri, Kuching dan Kapit. Dan adakah kos rumah rendah ini dibina di pekan-pekan kecil seperti di Kanowit, Julau, Selangau dan sebagainya? Dan berapakah kosnya yang dikatakan rumah rendah di Sarawak? Kerana saya difahamkan rumah yang paling rendah di Sarawak tidak kurang dari RM40,000 atau 60,000 di mana di Semenanjung di sini hanya lebih kurang antara RM25,000 ke atas.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh tanya tak?

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Boleh, boleh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh tanya.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Eh, jangan lama sangat, cepat sikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya cakap. Soalan rumah kos rendah ini memang satu masalah yang banyak dibangkitkan di Sarawak. Yang menjadi satu masalahnya, tadi Yang Berhormat dari Selangau berkata, rumah kos rendah ini kebanyakannya dibina di tempat pusat bandar besar tetapi di kawasan luar bandar, di kampung-kampung di luar bandar pun ada mengalami masalah rumah. Jadi soalnya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kerajaan membuatkan satu pakej tiap-tiap pekan dan kampung itu boleh diadakan juga skim rumah kos rendah dan satu skim yang boleh dibuat macam mana kita menyelenggarakan projek-projek lain yang mana kontraktor dilantik untuk membuatkan rumah-rumah kos rendah di luar bandar? Dan kos rumah ini mungkin jauh lebih rendah daripada rumah yang di pekan, oleh kerana tanahnya murah, kos pengangkutannya semua murah. Adakah bersetuju? Terima kasih.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Saya memang seratus peratus setuju. Tempoh hari saya tanya menteri atau Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adakah kerajaan bercadang untuk membuat pelan atau rancangan untuk membina rumah kos rendah di kampung-kampung, di peringkat pekan tetapi dia cakap, setakat ini belum ada, hanya dia dapat memberi loan kepada rumah-rumah panjang atau kampung RM5,000.00 tapi saya katakan RM5,000.00 ini apa yang dapat kita buat atau dapat beli. Jadi saya haraplah kerajaan tempatan atau kementerian dapat membuat satu pelan untuk membekalkan atau membuat rumah kos rendah sama ada di kampung-kampung atau di peringkat rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, juga saya minta kementerian itu membekalkan alat-alat pemadam api atau

water pump atau engine pemancut air bagi rumah-rumah atau kampung-kampung di pedalaman Sarawak. Kerana tiap-tiap tahun, sering berlaku kebakaran yang berlaku di negeri Sarawak dan saya juga minta kementerian itu untuk melatih orang dari kampung atau rumah panjang untuk menjadi pasukan sukarela bomba.

Saya tidak ingin bercakap dengan panjang lebar walaupun diberi 20 minit supaya banyak rakan-rakan Yang Berhormat lain hendak bercakap supaya memberi peluang kepada mereka di Dewan yang mulia ini. Saya harap kerajaan akan lebih memberi perhatian kepada kemajuan pembangunan luar bandar kerana luar bandar masih ketinggalan dalam semua bidang kemajuan supaya kemajuan luar bandar di Sarawak atau di Sabah atau di Semenanjung Malaysia, rakyat yang tinggal di luar bandar tidak ketinggalan dalam semua segi kemajuan kalau dibandingkan dengan mereka yang tinggal di bandar. Sebab saya tahu ramai daripada pengundi-pengundi kita atau penyokong Barisan Nasional kita adalah Ahli-ahli Yang Berhormat dari luar bandar dan kita jangan lupa tanggungjawab kita menentukan supaya negara Malaysia adalah negara yang maju dalam konteks Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kangar.

3.55 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kangar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Belanjawan tahun 1999 adalah merupakan satu pendedahan tanggungjawab berat kerajaan dalam menangani masalah ekonomi dan juga dalam masalah menjaga kebajikan rakyat negara ini. Dengan langkah-langkah berani dan tegas, dengan penumpuan diberikan kepada Pelan Pemulihan Ekonomi Negara bagi menggalakkan dan menggerakkan ekonomi negara, tanggungjawab dan maksudnya didapati meliputi mempasti, menstabilkan nilai Ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan di pasaran kewangan, memperkukuhkan asas-asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosial ekonomi, juga memulihkan semula sektor-sektor yang terjejas teruk.

Banyak telah disentuh tentang maksud yang berkaitan dengan kewangan dan ekonomi. Namun begitu suka lah disentuh sedikit tentang agenda sosial ekonomi dengan penumpuan bagi meredakan kesulitan akibat kemiskinan. Adalah dijangkakan kadar kemiskinan di negara ini meningkat daripada 6.7 dijangka meningkat daripada 2.7% pada tahun 1997 kepada 6.4% pada tahun ini. Fenomena ini dijangka berterusan sekiranya langkah-langkah awal dengan tegas tidak diambil dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk luar bandar yang termaklum miskin akan terus dalam kemiskinan sekiranya tanpa komitmen yang bersungguh-sungguh berterusan daripada pihak kerajaan. Penduduk-penduduk yang termiskin mengharapkan program PPRT akan diteruskan dengan langkah-langkah yang berkesan dan pada kadar segera diambil tindakan. Di luar bandar, rata-rata penduduknya petani, berusaha secara tradisi ataupun mencari rezeki di laut. Inilah keadaan yang didapati bagaimana rakyat kita di luar bandar mencari rezeki termasuklah kebanyakan penduduk-penduduk dalam kawasan Parlimen Kangar, dalam kawasan Arau, baik pun dalam kawasan Parlimen Padang Besar di negeri Perlis kerana negeri Perlis merupakan negeri yang mempunyai hanya satu bandar iaitu bandar Kangar. Selainnya tidak merupakan bandar, ia merupakan pekan-pekan sahaja termasuk pekan Kuala Perlis dalam kawasan Parlimen Kangar, pekan Arau dalam kawasan Parlimen Arau, pekan Pauh dalam kawasan Parlimen Arau dan pekan Padang Besar mahupun Kaki Bukit dalam kawasan Padang Besar. Jadi sebab itulah saya cuba sentuh sedikit tentang latar belakang kemiskinan yang dihadapi kebanyakan penduduk negeri Perlis. Sebagai makluman, penduduk negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah kaya dan tidak miskin. Namun begitu, ada juga termasuk dalam golongan yang termiskin.

Keluaran hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan tidak mendapat harga yang berpatutan dari sudut pengeluar, dari sudut petani. Hasil-hasilnya terpaksa dipasar segar dan pada kadar yang segera. Kalau tidak, mutunya menjadi rendah dan harganya menjadi sangat-sangat murah ataupun tiada harga langsung. Justeru itu, perkembangan pertumbuhan industri hiliran berasaskan hasil-

hasil pertanian perlu digalakkan dan dimajukan oleh pihak-pihak yang berkenaan di bawah Kementerian Pertanian mahupun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Peranan ahli-ahli teknologi makanan atau dengan izinnya, 'food technologist' perlulah diserlahkan dalam masa kini, manakala rangkaian pemasaran perlu dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, barangan hasil pertanian seperti beras, kelapa, belimbing, betik dan sebagainya baik di Perlis, di Selangor, Kedah mahupun di Kelantan adalah sama sahaja rasanya. Tetapi pertanian yang berjenama kalau diberi jenama membawa perbezaan. Mempelam harum manis yang dikenali sebagai Mangoes, dengan izin, berbanding dengan mempelam harum manis dari lain-lain tempat tanpa jenama ada perbezaan, rasa, yang menghasilkan juga perbezaan harga. Petani-petani perlulah dididik dan digalakkan untuk memberi jenama kepada produk-produk mereka sebagai pendekatan mengkomersialkan produk-produk berkenaan. Didapati juga dalam pasaran sekarang beras pun diberi nama. Beras Jasmine kadang-kadang nampak rasanya berbeza dengan beras biasa yang tanpa nama yang kita beli di kilang-kilang. Jadi dari segi psikologinya kita dapati jenama itu menunjukkan mutu dan juga pengenalan produk. Jadi inilah saya minta supaya pihak kementerian berkenaan dapat menumpukan perkara ini supaya dapat kita mempertingkatkan pendapatan petani-petani.

Orang-orang luar bandar umumnya rajin. Mereka menjalankan pelbagai kebolehan untuk memajukan perniagaan sekalipun secara tradisi dan kecil-kecilan. Kalau di Pekan Rabu di Alor Star, berbagai-bagai kueh-kueh dipasarkan misalnya dodol, karas, bahu, dan sebagainya banyak didapati. Dodol di Pekan Rabu sedapnya adalah sama dengan dodol yang dikeluarkan di Kangar, tetapi dodol yang berjenama akan membawa erti perbezaan mutu, identiti produk dan harga. Kalau ada jenama, identiti produk perlu dijaga dan diperbaiki dari masa kesemasa. Pembungkusan perlu diperbaiki. Kementerian Pembangunan Luar bandar berkewajipan mendidik rakyat luar bandar dalam hal ini. Langkah ini adalah pendekatan terbaik kerana kita yakin

bahawa kalau produk kita sekalipun terbaik, kita boleh perbaiki dari masa ke semasa kerana kita yakin, dengan izin, *even the best can be improved*. Dalam lain-lain perkataan kualiti perlu diberi keutamaan. Langkah ini adalah bertujuan untuk tambah nilai kepada hasil-hasil usaha penduduk luar bandar, baik keluaran industri kecil mahupun hasil-hasil pertanian Umumnya, peniaga-peniaga tradisi ini tidak banyak tahu tentang undang-undang, justeru itu khidmat guaman percuma kepada golongan ini perlu disediakan. Hal ini tidak mustahil bagi memajukan penduduk luar bandar kerana kementerian berkenaan mempunyai tanggungjawab untuk memajukan masyarakat luar bandar. Tidak ketinggalan juga bagi masyarakat nelayan yang ribuan jumlahnya di tanah air kita yang mahu juga dimajukan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, CPI nampaknya boleh mengancam pengguna. Justeru itu, kerajaan harus mengambil langkah-langkah berkesan bagi mengawal kenaikan harga barang-barang perlu dan juga langkah-langkah berkesan menyorok barang-barang perlu dan juga langkah-langkah membanteras penyeludupan barang-barang pengguna. Rakyat negara ini memahami keadaan ekonomi negara sekarang, Namun begitu apa yang perlu bagi mereka ialah pastikan bekalan barang keperluan harian mencukupi dan harganya sentiasa dijamin patut.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan, pada belanjawan kali ini mendapat peruntukan paling tinggi iaitu yang terbanyak sekali. Keselesaan murid-murid kita belajar perlu diberi keutamaan, kerana merekalah bakal pengganti kita. Guru-guru, kelengkapan dan peralatan mesti dipastikan cukup seperti mana perlu. Pastikan anak-anak kita di IPT yang tidak mempunyai kemampuan kewangan mendapat bantuan daripada Dana Pendidikan Tinggi supaya mereka dapat terus belajar seperti mana yang diharapkan oleh ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang pekerjaan perlu ditambah dari masa ke semasa. Dalam keadaan sekarang Kementerian Sumber Manusia, perlu mempunyai idea-idea baru ke arah perkembangan semasa bagi mendidik dan membimbing golongan muda dalam pelbagai bidang kerjaya dan latihan. Galakan organisasi-

organisasi perniagaan, menganjurkan program-program latihan kerjaya sendiri bagi memenuhi tuntutan mendapat pekerjaan seperti mana yang pernah dianjurkan oleh konsortium hotel-hotel Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, siswazah-siswazah kita perlu digalakkan bagi mengikuti bidang pengajian yang mencabar bagi mengharungi perubahan-perubahan yang akan datang. Bidang-bidang yang pantas bersaing di peringkat antarabangsa, misalnya kalau kita ada pakar-pakar kewangan dan pakar-pakar kewangan strategik pada peringkat antarabangsa kita yakin, keadaan ekonomi kita yang kita hadapi sekarang akan dapat pulih pada kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja asing tanpa izin perlu diambil tindakan tegas untuk tinggalkan negara ini sekalipun tarikh pengampunan tamat pada 31 Oktober 1998, namun kelonggarannya dilanjutkan sehingga 15 haribulan ini. Namun kerajaan perlu membuat dasar yang konkrit tentang bakal kemasukan pekerja asing pada masa muka. Sungguhpun peluang untuk pulang ke negara masing-masing diberikan tanpa dosa, pihak berkuasa janganlah lalai kemungkinan kemasukan haram mungkin masih berlaku dan terus akan berlaku ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Belanjawan 1999 akan membawa kesan positif pada ekonomi keseluruhannya. Adalah dijangkakan perniagaan akan berkembang maju sekalipun pada kadar yang perlahan. Justeru itu kita semua yakin, kesusahan kita akan 'nyah' sedikit demi sedikit, pegawai-pegawai kerajaan pun yakin begitu dan mereka terus yakin bahawa perangsang untuk mereka akan dipertimbangkan oleh Kerajaan pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekian sokongan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat

4.06 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Bismillahi Rahmanir Rahim. Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Kakitangan kerajaan adalah asset penting negara. Pengorbanan mereka dan kesungguhan mereka

membantu negara tidak boleh dipertikaikan lagi. Bonus untuk kakitangan sektor awam tidak dapat tidak mesti diberikan. Kerajaan mesti mengambil berat hasrat yang diminta oleh Cuepacs. Kerajaan mesti ingat bahawa pembangunan dan kemajuan yang dinikmati sekarang adalah hasil komitmen kakitangan sektor awam. Impian Perdana Menteri tidak akan berhasil jika beliau seorang sahaja yang berusaha, ia banyak dijayakan oleh kakitangan Kerajaan.

Jika kerajaan boleh memberi insentif dan berbagai kemudahan kepada pelabur-pelabur asing, mengapa kerajaan tidak dapat membantu kakitangan kerajaan. Jika kerajaan boleh memberikan peluang untuk sektor swasta maju dengan suntikan Danamodal berbilion ringgit, mengapa tidak kepada kakitangan kerajaan. Tambahan pula hujung tahun nanti sekolah akan bermula dan serentak dengan itu kita akan menyambut Aidilfitri. Sudah tentu keadaan ini memerlukan kita berbelanja lebih untuk kemudahan anak-anak kakitangan kerajaan supaya mereka boleh bersekolah dengan tenang, berpakaian cukup, buku cukup dan segala keperluan mencukupi.

Zaman kita dan ayah kita dahulu memang berbeza. Kita biasa bersekolah berjalan kaki, berbatu-batu, kita biasa tidak berkasut dan berpakaian juga ala kadarnya. Apakah di era moden ini dengan keadaan ekonomi yang terhimpit ini anak-anak kakitangan kerajaan terpaksa dengan pakaian lama, kasut lusuh dan sebagainya. Cubalah Tuan Yang di-Pertua, bayangkan perkara ini terjadi kepada anak-anak kita, sudah tentu ia amat menyayat hati. Oleh itu saya harap supaya kerajaan tetap memberikan bonus kepada kakitangannya, bukan mereka hendak membazir bahkan mereka amat memerlukan. Tolong jangan kita dera perasaan anak-anak yang mahukan ksempurnaan untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha negara untuk meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju dalam era teknologi informasi memang tidak dinafikan pentingnya, dalam usaha mengejar kemajuan industri teknologi, kerajaan seolah-olah lupa dengan nilai keislaman dan ketimuran, lupa kepada pertimbangan akal dan budaya. Berapa banyakkah kelab-kelab Cyber muncul menawarkan perkhidmatan

penggunaan Internet dengan bayaran semurah RM3.00 sahaja. Kesannya ramai murid sekolah berhimpun di Cybercafe untuk menggunakan Internet tanpa sebarang sekatan dan pengawalan. Apakah tujuan murid-murid kebanyakannya di bawah 17 tahun menggunakan Internet, adakah mereka diarahkan untuk berbuat kajian atau thesis. Adakah mereka wajib mengetahui Internet untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan.

Tujuannya tidak lain selain untuk berhibur dengan Internet. Banyak unsur buruk dalam Internet yang tidak tertapis. Kalau dulu mereka lepak di shopping complex, sekarang mereka lepak di cybercafe. Bergaul lelaki dan perempuan tanpa batasan. Hasil tinjauan kami bukan sahaja budak-budak lelaki yang lepak sambil hisap rokok, budak-budak perempuan pun sama rosak akhlaknya. Kesan sosial terhadap percambahan cybercafe di merata negara amat serius sekarang ini. Kalau tidak mahu anak-anak rosak, ibu bapa harus memastikan bahawa anak-anak mereka tidak menjadi penghuni cybercafe.

Berhubung dengan perkara itu, jika kerajaan tidak mampu untuk melakukan pengawalan yang serius maka kita mendesak supaya cybercafe ini diharamkan dengan seberapa segera. Kita sedar bahawa jika kemajuan teknologi ditapis, ia akan menjejaskan hasrat menjadikan negara Pusat Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC). Tetapi kita merasakan pendekatan untuk menangani permasalahan sosial masih tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, soal keadilan dalam negara ini sudah banyak dipertikaikan. Kerajaan Barisan Nasional tidak wajar menyalahkan rakyat dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mempersoalkan tentang keadilan. Keadilan dalam negara sangat diragui oleh rakyat kerana kesilapan kerajaan dan kepimpinan sendiri. Campur tangan kerajaan dalam soal perundangan sudah tidak mampu dilindungi lagi. Walaupun Perdana Menteri menafikan tetapi rakyat tahu semenjak pemecatan Tun Salleh Abbas sepuluh tahun yang lalu, institusi kehakiman tidak lagi bebas. Hukuman yang dijatuhkan oleh orang-orang politik yang

memerintah sekarang ini lebih ditakuti daripada hukuman mahkamah. Sebabnya hukuman mahkamah mungkin terpaksa dibuat dengan pertimbangan yang wajar setelah mendengar hujah kedua belah pihak, paling tidak ia boleh dirayu semula, tetapi hukuman yang dijatuhkan oleh pemimpin UMNO khususnya lebih dahsyat dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Lihatlah apa yang telah dan sedang berlaku kepada hakim, pengarah-pengarah akhbar, gabenor bank, pemimpin-pemimpin majalah, pemimpin-pemimpin UMNO sendiri yang tidak disukai atau berlainan pendapat tanpa mengambil kira apa-apa pandangan dipecat, disuruh berhenti dan disingkirkan daripada memegang jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah media massa negara benar-benar bebas dan terjamin kebebasannya? Adakah media cetak, media elektronik yang menguasai 'main stream' sekarang ini benar-benar bebas? Adakah media milik PAS seperti *Harakah* benar-benar bebas mengikut amalan demokrasi. Persoalan kebebasan media ini sering dibangkitkan sejak dulu lagi malah Perdana Menteri sering mengkritik media asing yang disifatkan berbuat laporan sebelah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, jika media negara ini membuat laporan tentang skandal seks Bill Clinton seperti di Amerika Syarikat dan membuat laporan tentang skandal seks warga Diraja England, sudah tentu media yang ada sekarang ini sudah pasti diharamkan malah media sekarang tidak berani menyuarakan pendapat sebenar, tidak berani melaporkan yang benar kerana kedudukan ketua pengarangnya terancam. Bila-bila masa mereka boleh ditukar sebagaimana yang berlaku kepada bekas Pengarang Utusan dan juga bekas Pengarang Berita Harian, apakah pula penderaannya? Jika kerajaan mahu dikenali sebagai adil, Tuan Yang di-Pertua, demokrasi dan demokratik, *Harakah* tidak seharusnya dibataskan kepada ahli-ahli PAS sahaja. Kita meminta supaya kerajaan membenarkan *Harakah* diedar kepada rakyat sebagaimana diedarkan akhbar-akhbar lain. Berilah peluang kepada rakyat untuk menilai yang mana kebenaran dan yang mana kepalsuan.

Tuan Yang di-Pertua, UMNO dan Barisan Nasional dapat liputan yang meluas dalam media massa negara, pendapat pemimpin mereka sering ke udara. Pendapat-pendapat pemimpin mereka sering ke udara tetapi PAS dan pembangkang dihadkan. Sebab itulah rakyat makin tidak percaya dengan media massa yang ada. Oleh kerana

media yang ada masih terkongkong maka rakyat terpaksa mencari berita-berita lain di media asing, tambahan pula sekarang melalui Internet sudah tentu kerajaan tidak boleh mengawal penyebaran berita-berita ini. Saya yakin rakyat tidak meletakkan sepenuh kepercayaan kepada media-media asing tetapi mereka mencari maklumat alternatif sebagai perbandingan. Sekali lagi saya menyeru supaya kerajaan jangan salahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya semakin hampir. Kita mahu pilihan raya dijalankan dengan adil dan bebas. Kita yakin kerajaan pun mahu pilihan raya dilihat sebagai adil dan bebas. Tetapi kerajaan mestilah menghapuskan beberapa keraguan yang masih menjadi tandatanya. SPR sebagai badan yang menjalankan pilihan raya hendaklah diberi kebebasan sepenuhnya menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu sistem undi pos dimansuhkan. Sekarang ini tidak ada ancaman keselamatan seperti komunis dan sebagainya. Tidak ada salahnya jika pihak tentera mengundi seperti rakyat biasa. Apa istimewanya tentera? Warga tentera juga tidak perlu mengundi di kem mereka kerana mereka adalah rakyat biasa yang tidak terkecuali untuk menjalankan kewajipan. Sejak dahulu lagi SPR pun tidak ada kuasa untuk melihat proses pengundian di kem tentera, apatah lagi pembangkang. Walaupun wakil juga tidak ada dalam kem tetapi semua orang mahu, semua orang tahu bahawa undi-undi daripada kem tentera yang paling banyak menyelamatkan mereka terutama di Kelantan. Undi tentera juga telah menyelamatkan Yang Berhormat dari Jeli dan juga Yang Berhormat dari Peringat. Jika tidak, mereka tidak ada peluang dalam Dewan ini dan sudah pasti tidak ada peluang untuk jadi menteri.

Tuan Yang di-Pertua, jika SPR selaku badan yang menyelia pilihan raya pun tidak boleh mengetahui apa yang berlaku dalam kem tentera bagaimana hendak kita kata SPR adalah sebagai badan bebas. SPR hanyalah bebas dalam bidang tertentu sahaja, ini tidak boleh kita nafikan, dalam undi pos ia disekat. Inilah keraguan yang mesti dihapuskan. Sekali lagi kita mendesak kepada kerajaan supaya undi pos dimansuhkan, sudah sampai sekarang ini sesuai dengan Perdana Menteri yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seolah-olah tidak yakin dengan keupayaan anggota kabinetnya dalam menjalankan tugas sebagai Menteri Kewangan sehingga beliau sendiri terpaksa memegang jawatan sebagai

Menteri Kewangan I, tidak adakah pemimpin UMNO lain yang layak? Perdana Menteri juga adalah Menteri Dalam Negeri. Kita bimbang dengan memegang terlalu banyak jawatan penting beliau tidak akan menjalankan tugas dengan cekap dan efficient. Tambahan pula faktor umur beliau yang semakin dimamah usia berbeza dengan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua semakin lama semakin berisi. *[Ketawa]* Kalau dahulu memang kebanyakan rakyat menyanjungi beliau sebagai Perdana Menteri yang hebat tetapi sekarang pandangan rakyat sudah beralih, mereka tidak lagi yakin dengan perjuangan Barisan Nasional atau UMNO di bawah kepimpinan yang ada sekarang, kalau tidak percaya buat pilihan raya sekarang, kita tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan seorang itu ada hadnya. Allah telah menentukan kebolehan seseorang itu dalam bidang yang tertentu, sebab itu agak mustahil bagi Perdana Menteri untuk menguasai semua perkara. Rakyat melihat fenomena ini sebagai unsur-unsur tidak percaya terhadap menteri, terhadap anggota-anggotanya sendiri. Walaupun kerajaan pada zahirnya kelihatan kukuh tetapi jika apa-apa terjadi kepada Perdana Menteri keadaan politik negara pasti terumbang-ambing. Ini adalah penting dan amat mustahak. Sekali lagi saya ulangi- jika terjadi apa-apa kepada Perdana Menteri, keadaan politik negara pasti terumbang-ambing. Sekarang ini berlaku penghijrahan beramai-ramai ahli-ahli UMNO dan juga rakyat tidak berparti menyertai PAS. Jika ditanya kepada mereka mengapa mereka menyertai PAS, nescaya mereka akan katakan mereka semakin tidak yakin dengan kepimpinan yang ada sekarang ini. Jika perkara ini berterusan kita yakin umur kerajaan sekarang ditampuk pemerintahan sudah tidak ada harapan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak lagi boleh berbangga dengan perbelanjaan defisit 1999 yang dibentangkan pada minggu yang lepas sebanyak RM16.635 bilion kerana apa yang akan digunakan, dibiayai ataupun dibelanjakan adalah dipinjam daripada apa yang akan diperolehi pada tahun hadapan. Belanjawan tahun 1999 ini adalah jelas semata-mata untuk survival kerajaan melalui tindakan menyelamatkan dan

meraih sokongan golongan kroni korporat untuk menghadapi pilihan raya yang begitu hampir sebagaimana saya sebutkan tadi. Belanjawan defisit ini juga bermakna kerajaan terpaksa memperjudikan masa depan rakyat dan negara kerana kerajaan terpaksa berhutang untuk menampung pembiayaan projek-projek tahun semasa sedangkan hakikatnya walau dengan apa jua sekalipun hutang itu terpaksa dibayar semula, justeru itu bermakna projek dan juga segala sumber tahun berikutnya sudah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang penguncupan pertumbuhan 1% yang dijangkakan itu sudah pasti akan membebankan rakyat untuk membayar hutang dalam jangka masa yang lebih panjang di samping kerajaan terpaksa mengorbankan sebahagian besar pembiayaan perkhidmatan dan juga pembangunan. Jika kita meninjau sejenak sejarah menjangkau satu dekad yang lalu kerajaan selama ini begitu berbangga dengan pertumbuhan ekonomi 8%.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita lupa untuk mencapai kejayaan pertumbuhan 8% kerajaan telah bertindak menghalalkan Ops Lalang, Ops Kenari dan sebagainya di mana ramai mangsa yang tidak berdosa teraniaya. Jangan kita lupa juga bahawa sehingga hari ini tuntutan mangsa-mangsa korban Memali atau tragedi Memali masih belum mendapat keadilan yang sewajarnya melalui perbicaraan di mahkamah, malah jangan kita lupa bahawa sehingga sekarang pasukan polis dengan beberapa agensi kerajaan telah diperalat, telah dipergunakan untuk menindas demo secara aman yang menuntut pelbagai kezaliman mestilah dihapuskan dan keadilan mestilah ditegakkan di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Labuan.

4.27 ptg.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini pada hemat saya amat bererti kepada rakyat dan negara yang sedang menghadapi kegawatan ekonomi yang payah. Tempias

kejatuhan sistem kewangan global yang hampir 16 bulan dirasai oleh kita dan dalam keadaan yang serba meredum ini. Kita begitu berterima kasih kepada kerajaan kerana memiliki daya dan kekuatan yang padu untuk terus berusaha memulihkan keadaan ini demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini merupakan langkah lanjut positif untuk terus memulihkan dan mengukuhkan ekonomi negara sebelum ini dan langkah-langkah bijak kerajaan menangani kegawatan ekonomi seperti mengawal Ringgit, penubuhan Danaharta Nasional dan Danamodal Nasional serta penubuhan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) harus diberi pujian kerana ianya adalah komitmen kerajaan demi membantu institusi kewangan dan korporat tunggal ekonomi sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengenakan kawalan tukaran mata wang adalah tindakan kecemasan yang tidak boleh dielakkan dalam menghadapi krisis kewangan. Langkah yang bertujuan membendung spekulasi mata wang bukanlah satu kesilapan malahan merupakan kawalan jangka pendek - saya nyatakan - kawalan jangka pendek bagi negara yang membangun seperti negara kita ini.

Pada masa yang sama kerajaan menetapkan Ringgit pada kadar RM3.80 berbanding US\$1.00 telah mula menampakkan kesannya. Secara khusus langkah ini menghalang spekulasi mata wang Ringgit luar pesisir dan aliran modal jangka pendek yang jelas menjadi penyumbang kepada kejatuhan 65% pasaran saham sejak krisis bermula. Ini adalah langkah berkesan lagi berani untuk memastikan Ringgit tidak diperdagangkan sewenang-wenangnya di pasaran mata wang dan pada hemat saya langkah ini adalah langkah jangka pendek yang berkesan dalam usaha memulihkan ekonomi negara yang gawat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah penutupan Central Limit Order Book (CLOB) International di Singapura wajar disambut baik kerana langkah ini dapat membantu mengurangkan aliran keluar Ringgit dari Malaysia sebelum ini. Sejumlah RM18 bilion diuruskan dalam pasaran saham yang tidak diiktiraf itu mengakibatkan

pengaliran keluar Ringgit secara besar-besaran. Justeru itu, tindakan mengambil semula Ringgit ke dalam negara dijangka dapat merealisasikan usaha pemulihan drastik lantaran melonjakkan semula kedudukan ekonomi negara pada tahap yang wajar.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima kritikan demi kritikan di atas tindakan mengawal mata wang, saya kira tindakan ini adalah langkah terbaik berdasarkan keperluan Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang melanda negara ini menjejaskan institusi kewangan yang merupakan penyumbang utama kepada perbendaharaan negara. Jesteru itu tindakan menyelamatkan bank-bank yang dilancarkan menerusi Danaharta Nasional dan Danamodal Nasional adalah wajar dan memberi manfaat kepada usaha penyelesaian krisis ekonomi yang melanda.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia yang berdaya maju daripada menjadi muflis, kesan daripada krisis ekonomi ini haruslah disokong tanpa sebarang keraguan dan penubuhan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi krisis bertepatan dan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi secara keseluruhannya. Bagaimanapun, pihak kerajaan memerlukan perincian untuk mengenal pasti institusi kewangan mahupun syarikat-syarikat yang memohon bantuan supaya pulangan daripada bantuan yang dihulurkan tidak mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon satu penjelasan terperinci tentang cadangan penstukturan semula beberapa syarikat-syarikat gergasi di negara kita ini supaya tidak timbul suara-suara sumbang daripada kalangan ahli-ahli pembangkang khususnya, yang memutarbelitkan fakta dan menyebutkannya sebagai bela syarikat-syarikat kronis sahaja.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan perlu juga menumpukan perhatian kepada sektor-sektor yang lain, yang melibatkan rakyat jelata iaitu soal pendidikan, soal perumahan dan juga pembangunan infrastruktur luar bandar. Inilah sektor-sektor

yang terhambat secara langsung atau secara serius khususnya soal perumahan, penyediaan perumahan kos rendah melalui sistem penswastaaan yang kita jangka merupakan suatu program yang telah menempuh jalan kegagalan pada ketika ini. Kerajaan harus menimbang dan juga kalau boleh mengagihkan peruntukan yang telah diperuntukkan bagi membina dua lebuh raya dan juga program ataupun projek-projek besar di negara kita yang telah ditangguhkan baru-baru ini supaya dapat disalurkan kepada sektor yang saya sebutkan di atas, yang memerlukan bantuan dan juga yang terhambat oleh kegawatan ekonomi yang melanda negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, harus ada justifikasi yang seimbang di antara membantu syarikat-syarikat korporat dan juga usaha untuk membantu rakyat jelata ini dan kita cukup yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa Belanjawan 1999 ini akan berjaya dan kita yakin ianya akan dapat menepati sasaran belanjawan itu sendiri. Kita cuma ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan bahawa apakah defisit 1999 ini akan berterusan pada tahun 2000 dan seterusnya selepas tahun 2000 dan bagaimana pula kerajaan untuk menangani masalah defisit ini. Kita difahamkan bahawa defisit 1999 ini akan ditampung melalui sumber dalaman. Apakah kekuatan sumber dalaman kita ini, sekiranya defisit ini berterusan selepas tahun 2000 nanti. Jadi kita ingin penjelasan apakah kerajaan yakin bahawa defisit ini sama ada akan meningkat atau akan menurun daripada tahap yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya juga ingin menyentuh tentang kejayaan Sukom '98. Kejayaan negara mengendalikan Sukan Komanwel Ke XVI ini amat mengagumkan saya dan kejayaan ini lantas mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang mampu mengendalikan temasya sukan besar dunia ini. Justeru kecemerlangan menganjurkan temasya ini, Malaysia sudah boleh meletakkan diri dalam senarai negara tuan rumah bagi sukan temasya dunia seperti Sukan Asia mahupun Sukan Olimpik, insya-Allah. Sokongan dan sambutan padu daripada rakyat negara ini juga membanggakan. Selain menggambarkan sokongan terhadap projek besar negara, ini adalah petunjuk bahawa minat terhadap sukan sudah

mula berputik di hati sanubari rakyat negara ini. Sudah sekian lama masyarakat negara ini hambar dari segi minat terhadap sukan, namun Kuala Lumpur '98 benar-benar mengubah persepsi ini. Kemajuan para atlet juga membanggakan dan di luar dugaan, 10 Mac sudah cukup mengejutkan peminat sukan negara dan saya rasa kedudukan di tempat ke-4 di Sukan Komanwel XVI ini adalah kedudukan paling selesa dalam sejarah sukan negara ini. Syabas, saya ucapkan kepada semua atlet yang ternyata bersungguh-sungguh untuk meraih kejayaan, kecemerlangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kuala Lumpur '98 bagaimanapun, umpama rumah siap, pahat berbunyi, dalam cantik masih banyak pincang dan celanya. Saya berkata demikian kerana walaupun Sukan Komanwel berjalan lancar, para sukarelawan atau gelarannya 'Nadi' terpinggir dan terbiar seakan tidak berhak dihargai penglibatan mereka dalam projek besar ini. Ramai di kalangan mereka yang mempersoalkan pengabaian kebajikan dan terasa dianaktirikan oleh Sukom Ninety Eight Berhad. Sudahlah terpaksa menanggung kos makanan dan pengangkutan ke Kompleks Sukan Negara, seragam mereka juga dikurangkan jumlahnya atas alasan gawat. Pemberian wang ternyata jauh dari mencukupi berdasarkan harga makanan dan tambang LRT yang tinggi dan pemberian elaun yang diberikan itu juga menyusahkan mereka yang menerima kerana ianya diberikan dalam bentuk cek. Mengapa tidak diwujudkan pas percuma ketika itu kepada sukarelawan untuk menaiki LRT, untuk melaksanakan tugas mereka? Rungutan yang ditimbulkan oleh penganjur bahawa ramai sukarelawan menarik diri atau cabut lari daripada menjalankan tugas perlu dijawab sendiri oleh penganjur. Adakah mereka betul-betul menghargai pengorbanan sukarelawan dalam menjaga kebajikan mereka secara sempurna? Banyak yang mereka korbakan, cuti tanpa gaji, kos untuk sampai ke Kuala Lumpur yang ditanggung sendiri sebagai sukarelawan yang terdiri dari luar Kuala Lumpur yang bukan sahaja sewaktu temasya malahan untuk menghadiri sesi taklimat, kursus, ahli keluarga dan sebagainya. Inilah kesilapan ketara yang dilakukan oleh Sukom Ninety Eight Berhad yang tidak

sepatutnya berlaku. Mereka inilah yang akan menjadi serik untuk berkhidmat secara sukarela apabila negara menganjurkan temasya sukan lain di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh harapan dan ingin meminta kerajaan untuk menimbang semula sama ada untuk mengkorporatkan atau menswastakan projek besar sukan seumpama Sukan Komanwel di masa yang akan datang. Banyak kelemahan dan kepincangan sepanjang pengalaman penganjuran berlangsungnya Kuala Lumpur '98 ini. Melantik sebuah syarikat swasta mengendalikan Kuala Lumpur '98 seakan menolak ke tepi kemampuan Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara. Apakah gunanya kita mempunyai sebuah kementerian sukan yang kuat dan majlis sukan yang kukuh sekiranya tidak dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan sukan kedua terbesar di dunia ini. Apakah orang-orang di kementerian dan majlis sukan tidak layak atau tidak cukup terlatih untuk melaksanakan tugas ini? Mengapa perlu ada badan untuk menguruskannya, yang jelas mengundang percanggahan pendapat, idea dan cara dan sekali gus mengetepikan semangat kesukarelaan dalam pengajuran temasya sukan seperti ini.

Pada masa yang lalu negara kita pernah menganjurkan sukan-sukan yang tidaklah setinggi prestijnya seperti Sukan Komanwel ini tetapi negara dengan semangat kesukarelaan dapat berjaya menganjurkan sukan sedemikian. Secara jelas apa yang berlaku, Sukom '98, Sukom Ninety Eight Berhad tidak mengambil kira semangat kenegaraan anggota Nadi sehingga sanggup mengetepikan kebajikan dan hak mereka. Badan itu juga gagal melaksanakan tugas secara sempurna dan tidak profesional dalam urusan promosi dan kendalian kewangannya. Banyak pembaziran di luar saluran yang sewajarnya.

Sememangnya misi untuk menjayakan Kuala Lumpur 1998, percanggahan dan perselisihan pendapat dilihat dengan jelas dan sehingga kini SUKOM Berhad menyatakan mereka akan hanya mengumumkan keuntungan atau kerugian Sukan Komanwel selepas 6 bulan temasya itu berlangsung dan enam bulan adalah jangka

masa yang terlalu lama untuk menilai kejayaan atau kelemahan kewajarannya pengumuman keuntungan dibuat ketika demam temasya itu masih lagi berbahang.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya Sukom Ninety Eight Berhad mempercepatkan pengumuman keuntungan atau kerugian Sukan Komanwel kerana bedah siasat sesuatu projek itu harus dilakukan segera untuk menilai kesilapan ataupun kelemahan kita dan kita tidak perlu tunggu sehingga masyarakat sudah mula melupai temasya sukan itu untuk mengisytiharkan laporan bedah siasatnya.

Sehubungan dengan itu juga saya berharap agar tidak wujud lagi sebuah badan swasta seumpama Sukom Ninety Eight Berhad untuk mengendalikan projek seperti Kuala Lumpur 98 dan saya juga berharap pihak kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan program penghargaan bagi sukarelawan dan juga orang-orang yang terlibat di setiap negeri sebagai menghargainya pengorbanan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh Belanjawan 1999 yang telah juga mengumumkan peruntukan sejumlah RM2.85 bilion untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur universiti-universiti bagi tujuan menampung pertambahan pengambilan pelajar daripada 77,600 kepada 84,000 tahun hadapan. Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan ialah pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah di Teluk Sepangar, Kota Kinabalu termasuk kampus cawangannya di Labuan dan usaha mewujudkan kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah di Labuan adalah menarik perhatian saya dan projek yang sudah siap itu sungguh membanggakan penduduk Labuan sendiri kerana akhirnya tercapai juga hasrat untuk melihat berdirinya sebuah institusi pengajian tinggi di pulau itu. Terima kasih kepada kerajaan kerana bersetuju untuk melepaskan kompleks pejabat-pejabat kerajaan dan kompleks perumahan kerajaan untuk dijadikan kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah. Kampus cawangan yang bakal beroperasi tidak lama lagi ini dibina dengan

segala kelengkapan dan sesuai untuk pembelajaran termasuklah bangunan yang mampu menampung sehingga lebih 5,000 pelajar sekaligus.

Selaras dengan hasrat untuk menjadikan Universiti Malaysia Sabah sebuah kampus yang unik dan tercantik maka kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah di Labuan bakal memikul tanggungjawab yang serupa dan oleh yang demikian saya begitu berharap agar sesi sulung Universiti Malaysia Sabah kampus cawangan disertai oleh 2,000 hingga 5,000 pelajar dari seluruh negara termasuklah pelajar-pelajar dari Negara Brunei Darussalam dan juga Indonesia dan bukannya hanya menerima sebanyak 500 pelajar seperti yang telah dicadangkan oleh Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan agar kampus cawangan Labuan ini supaya dapat menawarkan program-program yang ada kaitan atau yang mempunyai kekuatan asas sedia ada di Wilayah Persekutuan Labuan. Di antara program yang ingin saya cadangkan ialah program maritime ataupun maritime engineering, banking dan juga kewangan khususnya dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang ada hubung kait dengan perkhidmatan perniagaan, perdagangan, kewangan, perkhidmatan luar pesisir dan juga pengajian sains samudera serta pelancongan dan juga sukan laut.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun pengambilan baru bagi sesi pertama untuk kampus cawangannya di Labuan ini memerlukan jumlah pelajar yang ramai kerana jumlah pelajar yang besar ini perlu untuk mengimbangi dengan kos pengendalian kampus yang besar ini. Pengambilan pelajar yang sedikit sudah pasti tidak dapat mengimbangi kos pengendalian kampus dan juga universiti dan mungkin akan menanggung kerugian yang banyak dan tidak viable. Sehubungan dengan itu saya memohon kepada pihak kerajaan untuk melobi dan juga mempromosikan lebih banyak pelajar dalam pengambilan pertama ini dan pengambilan pelajar juga perlu diperluaskan kepada negara-negara jiran yang terdekat seperti Brunei, Indonesia dan mungkin Filipina di samping anak tempatan Sabah, Sarawak dan harus juga dibuat

berlandaskan faktor jarak dan kos untuk mengundang lebih ramai pelajar dari Semenanjung dan selain mengimbangi kos pelajar yang ramai akan mewujudkan populasi segera 'instant population', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang ramai dan bakal memeriahkan lagi suasana hidup di Labuan. Populasi ini akan mencergaskan lagi aktiviti perniagaan, mewujudkan praktikal MAS di Labuan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan, menjalin pertumbuhan ekonomi yang sustainable dan sokongan yang padu dari semua pihak perlu kerana ini adalah jalan terbaik bagi menentukan kejayaan sesebuah universiti. Walaupun Universiti Malaysia Sabah berkembang secara positif, masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk menyempurnakan Universiti Malaysia Sabah sebagai sebuah universiti yang berprestij.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh soal kerendah perkhidmatan awam. Sejak negara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua, sejak negara mengalami kemerosotan ekonomi yang teruk pihak kerajaan menganjurkan kempen berjimat cermat dan sebagai permulaannya badan-badan dan kakitangan kerajaan digesa untuk melaksanakan sebagai model kepada masyarakat lainnya. Usaha ini amat baik dan sewajarnya disambut untuk kakitangan perkhidmatan awam di semua peringkat bukan hanya di peringkat menengah dan juga bawahan sahaja. Saya berkata demikian kerana secara jelas masih ada pembaziran yang meluas dan berlaku di kalangan kakitangan awam dan masih ramai di kalangan mereka yang ingin bermewah dengan kedudukan mereka dengan menyertai kursus di luar negara sedangkan kursus seperti ini boleh didapati dalam negara.

Saya juga yakin ada di kalangan mereka yang menggunakan kedudukan untuk mengelilingi dunia atas alasan meninjau cara kerja negara yang mereka lawati tetapi

sebaliknya apabila pulang sedikit pun mereka tidak mengaplikasikan pengalaman yang mereka kutip dan ini adalah di antara banyak lagi perkara-perkara tentang kelemahan atau ada kepincangan di dalam saranan kerajaan supaya pihak awam dapat mengurangkan perbelanjaan dan berjimat cermat ini. Jadi saya mengharap supaya kerajaan dapat melihat secara terperinci perkara ini dan dapat membantu kerajaan dalam keadaan kegawatan ini. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Gaya.

4.50 ptg.

Datuk Philip Yong Chew Lip [Gaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan ini kepada saya untuk menyertai perbahasan Belanjawan 1999 dalam sidang Parlimen kali ini.

Adalah diperhatikan bahawa Belanjawan Negara 1999 sangat menggalakkan bahawa ianya beraksi dengan tujuan yang luas demi untuk memulihkan kegawatan ekonomi dan juga sebagai satu plan strategy di peringkat negeri Sabah. Saya merasa bangga bahawa Belanjawan Negara ini adalah merupakan satu catalyst yang boleh membantu negeri dalam segi memperkuatkan eksport daripada sektor pelancongan, perusahaan dan juga pertanian supaya mengawal inflasi melalui pengeluaran tempatan dan meningkatkan kecekapan tenaga manusia.

Peruntukan yang dikhaskan bagi Sabah untuk pembangunan infrastruktur di luar bandar dan juga bagi menyiapkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bukan sahaja untuk mencapai kemajuan tetapi memberi juga kepercayaan kepada rakyat di negeri Sabah. Saya dengan sukacitanya memperhatikan juga bahawa kerajaan seterusnya memberi perhatian terhadap keperluan rakyat yang berpendapatan rendah sungguhpun ekonomi kita dalam keadaan kegawatan. Pelbagai peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk membina rumah-rumah kos rendah adalah satu langkah yang dialu-alukan dan ini akan membantu program-program perumahan di negeri Sabah.

Insentif yang diberikan untuk mempromosi pelancongan khususnya pelancongan tempatan yang berpotensi di mana mempunyai tempat-tempat yang

menarik di dalam negeri. Pelancongan tempatan adalah didapati bahawa ianya satu juga peluang bagi kita kerana ramai orang Malaysia dari luar Sabah mengunjungi Sabah dan ini merupakan satu peratus daripada jumlah penduduk di negeri-negeri yang lain.

Pusat perdagangan Sabah yang dilengkapi dengan pameran barang-barangan antarabangsa dan juga hotel-hotel bertaraf antarabangsa di negeri Sabah akan juga turut mendapat faedah atau insentif yang diberikan dalam Belanjawan negara ini. Adalah juga didapati kemudahan di kompleks sukan di negeri Sabah yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk mengadakan sukan peringkat antarabangsa. Baru-baru ini permainan pingpong (table tennis) peringkat dunia telah pun diadakan di Kompleks Sukan Kota Kinabalu. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa insentif yang diberikan kepada Stadium Negara di Bukit Jalil dapat juga diberikan kepada Stadium di Sabah demi untuk menarik lebih banyak lagi pelancong tempatan atau luar negeri.

Satu lagi punca yang berpotensi ialah maritim industri di negeri Sabah ini. Sebenarnya satu Maritime Strategy Development Framework telah pun disediakan bagi membangunkan industri ini. Ini adalah disebabkan juga bahawa negeri Sabah mempunyai lokasi yang boleh dijadikan satu tempat sama sebagai Caribbean of the East, dengan izin, dan juga pusat untuk BIMP-EAGA.

Oleh itu saya mencadangkan bahawa insentif yang diberikan kepada Langkawi boleh juga diberikan atau diperuntukkan kepada Sabah. Dengan insentif yang diberikan itu adalah pasti bahawa pembangunan industri ini akan dapat juga berkembang lebih pesat lagi di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Sukan Komanwel negara kerana telah berjaya mengadakan Sukan Komanwel kali ke-XVI pada bulan September yang lalu. Kejayaan yang dicapai oleh peserta negara juga menandakan bahawa Malaysia benar-benar boleh kepada mata dunia. Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya merasa bangga dan megah terhadap kejayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan Barisan Nasional menerajui tampuk pemerintahan pada tahun 1994, Perdana Menteri pernah mengarahkan agar Audit Negara menyiasat kelesapan wang sebanyak RM4 bilion kepunyaan Yayasan Sabah semenjak tahun 1985. Baru-baru ini isu kelesapan RM4 bilion telah diperhangat oleh parti pembangkang bersekutu di negeri ini. Pemimpin parti ini telah menuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak berusaha menyelesaikan masalah kelesapan wang tersebut. Tuduhan juga merangkumi Yayasan Sabah tidak pernah mengumumkan perangkaan jumlah kayu balak di antara tahun 1986 hingga 1989. Pemimpin parti berkenaan juga mendapat sekurang-kurangnya sebanyak 4,500 juta meter batu kayu balak telah dijual dalam tempoh tersebut. Ini bermakna sebanyak US\$2.4 bilion atau RM6.5 bilion telah lesap dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya selaku wakil rakyat dan juga sebagai rakyat Sabah telah membuat laporan polis di Balai Polis Karamuning pada 17 Ogos 1998 supaya meminta pihak polis menyiasat lebih lanjut mengenai pemegang Amanah Yayasan Sabah pada tempoh tersebut bahawa Pengerusi Pemegang Amanah Yayasan Sabah dan Pengarah Yayasan Sabah pada tempoh tersebut seharusnya bertanggungjawab ke atas kelesapan wang tersebut. Dalam laporan polis tersebut saya meminta agar pihak polis menyiasat lebih lanjut mengenai:

- (i) adakah wang sebanyak RM4 bilion Yayasan Sabah disalah gunakan atau dilesapkan;
- (ii) adakah wang sebanyak RM4 bilion Yayasan Sabah dipindahkan;
adakah sesiapa yang terlibat di dalam pecah amanah terhadap RM4 bilion;
- (iii) adakah kelesapan RM4 bilion ini akan menjejaskan kepenggunaan dalam pendidikan dan pembangunan insan di Sabah;
- (iv) adakah Pengerusi Pemegang Amanah Yayasan Sabah dan Pengarah Yayasan Sabah pada tempoh tersebut telah mengkhianati rakyat Sabah.

Tujuan saya membuat laporan polis mengenai kes ini adalah meminta pihak polis menyiasat kebenaran sama ada kelesapan RM4 bilion benar atau tidak. Saya juga

berharap laporan mengenai hasil siasatan diumumkan kepada orang ramai supaya rakyat Sabah mengetahui ke mana pergi RM4 bilion tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menaikkan levi pekerja asing secara mendadak iaitu daripada RM840 dan RM720 dinaikkan kepada RM1,500 setiap pekerja asing. Kenaikan levi ini telah membawa masalah utama kepada sektor yang menggaji pekerja asing di negeri ini khususnya dalam keadaan ekonomi yang berada di dalam kegawatan ini. Berikutan dengan pelaksanaan dasar baru ini, levi pekerja asing utama di Sabah dalam sektor pembinaan, pembalakan dan pekilangan telah dinaikkan daripada RM840 kepada RM1,500 dan sektor perkhidmatan pula dinaikkan daripada RM720 kepada RM1,500. Walau bagaimanapun, levi untuk pekerja asing dalam sektor pertanian dikekalkan iaitu RM360 sahaja. Kadar kenaikan levi ini telah mengakibatkan pengusaha tidak berkemampuan untuk menggaji pekerja asing lagi khususnya dalam keadaan ekonomi yang berada di dalam keadaan kegawatan. Ini adalah disebabkan menggaji seorang pekerja asing memerlukan bayaran sebanyak RM2,000. Sekiranya sesebuah syarikat menggaji 100 orang pekerja asing mempunyai RM200,000 untuk membayar levi dan bayaran pemeriksaan keselamatan.

Saya yakin tindakan mengkaji semula kadar kenaikan levi pekerja asing adalah merupakan satu agenda yang perlu diberikan perhatian supaya pelaksanaan ini tidak membawa kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi di Sabah. Selain daripada itu semasa negara kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi, bilangan kes jenayah juga turut meningkat atau bertambah. Sungguhpun ini tidak dapat dielakkan khususnya yang melibatkan nyawa orang tetapi perlu kita mengambil tindakan yang berkesan terhadap perkara ini. Umpamanya di negeri Sabah beberapa kes pembunuhan atau rompakan telah berlaku yang melibatkan pemandu teksi. Sebenarnya pihak polis telah pun mencuba sedaya upaya membuat penyiasatan ke atas kes-kes tersebut tetapi kes seperti ini masih berlaku. Oleh itu saya mencadangkan supaya ramai lagi pegawai polis dapat dihantar ke negeri Sabah demi menjaga keselamatan dengan lebih ketat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pada masa kini langkah utama negara kita ini adalah mengatasi masalah kegawatan ekonomi supaya ianya dipulihkan secepat mungkin dan bukannya seperti mana yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab yang tunjuk perasaan atau membuat rusuhan di tepi-tepi jalan raya. Ini memang bukan budaya politik kita. Kerajaan kita adalah kerajaan yang ditubuhkan oleh rakyat melalui pilihan raya dan bukannya seperti di Indonesia yang mana kerajaan itu dijatuhkan dengan cara tunjuk perasaan atau rusuhan. Keadaan seperti ini langsung tidak boleh diterima oleh kita rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

5.03 ptg.

Tuan Radin Malleh [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Belanjawan Negara 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan I pada 23 Oktober 1998.

Pada dasarnya kita memang menyokong apa juga langkah-langkah positif kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara ini. Sehubungan dengan itu kita berdoa

dan berharap agar Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang digubalkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara akan berhasil melaksanakan langkah-langkah pemulihan ekonomi negara. Kalau tidak, peruntukan bagi Belanjawan Negara 1999 yang menjangkau ke angka RM65.095 bilion mungkin tidak tercapai dan ini akan menjejaskan perbelanjaan mengurus dan pembangunan pada keseluruhannya di tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya negeri Sabah pada kali ini telah diberi peruntukan sungguhpun tidak begitu banyak untuk membiayai pelaksanaan infrastruktur dan lain-lain aspek pembangunan. Misalnya, projek-projek prasarana yang meliputi jalan raya dan jambatan, negeri Sabah telah diberi peruntukan sejumlah RM390 juta. Bagi pembangunan desa pula melalui program meningkatkan produktiviti hasil pertanian seperti pembinaan prasarana pertanian, pengenalan serta penggunaan teknologi baru dan latihan, pembinaan jalan desa, penyediaan bekalan air dan elektrik dan pembangunan semula kampung tradisional serta pusat-pusat pertumbuhan desa di negeri Sabah telah diperuntukkan sejumlah RM138 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya peruntukan yang akan disalurkan ke negeri Sabah seperti biasa tahun demi tahun memanglah sedikit bukannya banyak. Namun apa yang ingin saya tekankan di sini ialah pelaksanaan projek-projek prasarana dan pembangunan di negeri itu. Semenjak tahun 1991 saya telah menyarankan agar suatu badan bertanggungjawab mengawasi dan mengawal selia kesemua pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai dan dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan patut diwujudkan supaya pelaksanaan projek-projek itu bukan sahaja dijalankan mengikut keutamaan ataupun priority tetapi juga ianya betul-betul dilaksanakan mengikut perancangan dan spesifikasinya dan sampai ke kumpulan sasar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan ini kita berharap wang yang diperuntukkan untuk jalan raya dan jambatan itu akan digunakan untuk mengaspal jalan raya seperti Keningau-Nabawan, Telupid-Beluran, Beaufort-Sipitang dan juga Beaufort-Menumbok. Ini disebabkan semasa pilihan raya negeri pada tahun 1994

Barisan Nasional telah berjanji untuk mengtarkan ataupun mengaspalkan jalan-jalan raya ini. Namun hingga ke saat ini jalan-jalan raya berkenaan masih di dalam keadaan seperti pada tahun 1994, malah ada yang di dalam keadaan yang lebih teruk. Begitu juga pembinaan jalan desa, saya difahamkan di kawasan pilihan raya P.158 Tenom terdapat pertindihan yang mana ada jalan-jalan desa yang telah dibina oleh pihak berkuasa tempatan kemudian pihak JPPS telah kononnya membinanya semula dengan sedikit sebanyak membuat pengubahsuaian ataupun improvement, dengan izin, terhadap jalan desa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pentingnya pihak kerajaan untuk menubuhkan satu badan untuk mengawasi dan mengawal selia pelaksanaan semua projek prasarana dan juga pembangunan di semua peringkat sehinggalah ke tahap selesainya sesuatu projek pembangunan itu. Dengan adanya badan ini maka pihak kerajaan bukan sahaja dapat melaksanakan projek pembangunan mengikut keutamaan tetapi juga dapat monitor, dengan izin, kemajuannya malah dapat mengelakkan sebarang penyelewengan. Oleh itu, kali yang kelapan tahun ini sekali lagi saya menggesa kerajaan supaya dapat mewujudkan badan yang dimaksudkan itu supaya pelaksanaan terhadap projek-projek pembangunan di seluruh negara termasuk Sabah dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi di samping tidak merugikan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak juga banyak peruntukan telah diperuntukkan di sektor lain seperti pembangunan sumber manusia telah diberi peruntukan RM13.5 bilion, sejumlah RM4.51 bilion telah diperuntukkan bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Begitu juga sebanyak RM8.73 bilion telah disediakan untuk keperluan keselamatan dan pertahanan negara. Kita berharap peruntukan yang besar ini akan juga diagihkan ke negeri Sabah memandangkan negeri itu sangat memerlukan peruntukan untuk memperbaiki keadaan dan suasana di ketiga-tiga bidang tersebut.

Di dalam hubungan ini selaku Ahli Parlimen Tenom bagi pihak rakyat di kawasan itu, sukalah saya menyampaikan permohonan mereka supaya dibina satu sekolah menengah berasrama penuh, hospital kecil dan juga pondok polis kampung di

satu kawasan iaitu di Kampung Senagang. Kawasan ini adalah terletak di tengah-tengah pekan daerah Tenom dan juga Keningau. Kesesuaian untuk mengadakan prasarana dan kemudahan asas ini bukan sahaja kerana kedudukan ataupun tempat letaknya tetapi juga disebabkan oleh kepadatan kependudukan sekitarnya. Tambahan pula ianya jauh sama ada dari Pekan Tenom mahupun dari Pekan Keningau.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin hendak sampaikan kepada kerajaan ialah pengeluaran kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin. Banyak bukti-bukti beratus ribu pendatang asing tanpa izin telah dibekalkan dengan kad pengenalan. Pada mulanya mereka telah dibekalkan dengan kad pengenalan biru, kemudian sesudah itu mereka telah dibekalkan dengan kad pengenalan bermutu tinggi ataupun KPT. Ada pula di antara mereka belum pun mendapat kad pengenalan biru mereka tetapi nama-nama dan nombor-nombor kad pengenalan mereka sudah tercatat dalam Daftar Pemilih Senarai A. Saya telah membuat laporan polis pada 18 Januari 1996, apabila saya menerima sepuluh keping kad pengenalan biru melalui pos yang disyaki palsu untuk pendatang asing tanpa izin dan apabila disemak nama dan nombor kad pengenalan mereka sudah pun tercatat di dalam daftar pemilih.

Ini bermakna, ada di antara pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Suruhanjaya Pilihanraya yang tidak bertanggungjawab telah sanggup mengadai keselamatan negara ini. Sesungguhnya, perbuatan ini suatu pengkhianatan kepada keselamatan negara iaitu, "treason of the highest order". Kita mempunyai undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan untuk dihormati dan dipatuhi. Perkara 14 sehinggalah Perkara 31, Bahagian III berkaitan dengan Kewarganegaraan Perlembagaan Persekutuan, jelas menerangkan bagaimana seseorang itu didaftarkan sebagai warganegara Malaysia. Tetapi ramai, kalau tidak semua, pendatang asing tanpa izin di Sabah yang dibekalkan dengan kad pengenalan tidak mengikut peruntukan-peruntukan seperti yang disediakan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Saya beri bukti di sini, saya dan bapa saya tergolong kepada dua generasi, we belong to two generations. Namun demikian di dalam kad pengenalan biru kepunyaan bapa saya tercatat di ruangan Lain-lain Hal iaitu kad pengenalan lamanya yang bernombor 198103 dan begitu juga dengan kad pengenalan biru kepunyaan saya sendiri di mana di ruangan Lain-lain Hal nombor kad pengenalan lama saya adalah tercatat iaitu 188636 dan saya bawa di sini, Tuan Yang di-Pertua, [*Menunjukkan dua salinan kad pengenalan*] bukti bahawa saya dan bapa saya mempunyai kad pengenalan yang lama sebelum yang biru. Sebelum ini kita mempunyai kad pengenalan yang berwarna oren kekuning-kuningan sebelum yang biru.

Tetapi bagi pendatang asing tanpa izin mereka memberi kenyataan lahir di Sabah seperti yang tercatat di dalam ruangan Butir Kelahiran. Namun dalam ruangan Lain-lain Hal kalau bukan ianya kosong ataupun ditulis 'sijil akuan'. Nyata sekali mereka bukan warganegara Malaysia dan mereka mendapat kad pengenalan sama ada biru ataupun KPT bukan secara sah.

Di dalam hubungan ini, saya menggesa kerajaan demi keselamatan negara dan kepentingan rakyat Malaysia di Sabah supaya menyemak dan memeriksa semula butir-butir permohonan kepada kad-kad pengenalan berikut dan melucutkan kewarganegaraan mereka jika didapati tidak mengikut peruntukan-peruntukan mengenai pendaftaran kewarganegaraan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Nombor-nombor kad pengenalan berkenaan adalah seperti berikut:-

Daripada		Hingga
H0540001	-	H0547114
H0547115	-	H0549999
H0550001	-	H0553999

H0539801 - H0539999
H0492001 - H0494500
H0288001 - H0384000
H0480001 - H0576000
H0609601 - H0610000
H0658001 - H0658200
H0658401 - H0659000
H0666001 - H0666400
H0352035 - H0509999
H0510000 - H0529996
H0530000 - H0563998.

Sekali lagi saya memohon supaya kerajaan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk memeriksa dan menyemak semua pernyataan ataupun kenyataan ke atas permohonan kepada semua kad pengenalan yang saya sebutkan tadi dan mengambil tindakan yang perlu mengikut undang-undang dan juga Perlembagaan Persekutuan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, di Sabah kini pilihan raya negeri sudah menjelang tiba. Kita minta jasa baik pemimpin-pemimpin Barisan Nasional supaya membebaskan pihak Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan proses pilihan raya dengan adil, bersih, bebas dan saksama. Begitu juga kita memohon kepada Tuhan yang Maha Kuasa supaya tiada lagi rampasan kuasa selepas pilihan raya. Tiada guna kita melaungkan keadilan dan prinsip demokrasi yang percayakan kerajaan dan pemimpin yang dipilih oleh rakyat kepada orang lain, tetapi kita sendiri tidak mengamalkannya. Inilah ada yang menyatakan cakap tidak serupa bikin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bukit Bintang.

5.15 ptg.

Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana

Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan adalah satu budget yang sederhana dan tidak akan memberi kesan yang negatif kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan beberapa isu yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkuasa atau kementerian yang terlibat.

Yang pertama, industri pelancongan di negara kita. Pada masa kini apabila negara kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi yang paling serius sejak kemerdekaan tahun 1957 sebenarnya kita perlulah mempromosikan industri pelancongan di luar negeri untuk menarik lebih pelancong asing melawat negara kita. Industri pelancongan adalah salah satu top revenue earner, dengan izin, untuk Malaysia sebelum ekonomi negara kita merosot. Negara kita mengadakan Sukan Komanwel yang begitu cemerlang pada bulan September 1998 dan telah berjaya menarik ramai atlet dan penyokong Sukan Komanwel ke Malaysia. Untuk menyokong kerajaan menjayakan sukan ini, pihak swasta pun telah membina lebih pusat membeli-belah dan hotel-hotel yang berbintang daripada satu sampai enam. Kita lihat beberapa hotel baru yang begitu mewah pun telah disiapkan di Kuala Lumpur untuk Sukan Komanwel dan industri pelancongan sampai abad ke-21. Pada masa Sukan Komanwel lebih kurang tiga minggu sahaja occupancy rate, dengan izin, atau kadar pendaftaran pelanggan adalah melebihi 85%. Tetapi selepas Sukan Komanwel dan pada masa kini occupancy ratenya hanya 30% sampai 40% sahaja. Ini menunjukkan bahawa kerugian untuk hotel-hotel sahaja paling tinggi.

Saya tahu bahawa adalah hotel budget di kawasan saya hanya mendapat booking bilik sampai 10% sahaja. Oleh sebab ini, saya memandangkan situasi ini dengan sikap yang serius dan langkah-langkah positif perlulah diambil oleh pihak kerajaan.

Selain daripada hotel-hotel, keadaan perniagaan termasuk restoran-restoran peniaga kecil dan lain-lain yang ada berkaitan dengan industri pelancongan seperti pusat membeli-belah, perkhidmatan taksi dan lain-lain pun menghadapi masalah. Mereka mengadukan kepada saya bahawa inilah disebabkan oleh situasi keselamatan negara kita dan ramai kumpulan pelancong pun telah batalkan program mereka untuk

melawat negara kita. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa ada tiga kumpulan pelancong daripada negeri asing melawat Singapura tetapi elakkan lawatan ke Malaysia. Jikalau kita benarkan trend ini diteruskan dan tidak ambil langkah-langkah pembetulan, akhirnya industri pelancongan kita akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Pada masa kini kita nampak keadaan lalu lintas di Kuala Lumpur adalah lebih baik berbanding dengan dahulu. Ini disebabkan oleh kekurangan kenderaan memasuki Pusat Bandaraya kerana kegawatan ekonomi. Tetapi pada hari Jumaat atau hari Sabtu atau hari hujan banyak jalan di Kuala Lumpur pun sesak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sistem LRT dan komuter pun telah disiapkan tetapi orang ramai tidak menggunakan sistem yang canggih ini oleh kerana tambangnya lebih mahal, perkhidmatan bas-bas dan bas mini pun tidak memuaskan. Saya ingin mencadangkan bahawa kelemahan di dalam sistem jenis pengangkutan di Kuala Lumpur perlulah dikenalpastikan dan perubahan mestilah dilaksanakan.

Dengan ini saya sekali lagi ingin mencadangkan bahawa tempat-tempat letak kereta perlulah ditambahkan. Pusat bandaraya kita sebagai pusat perniagaan untuk tempatan dan antarabangsa mestilah membenarkan peniaga-peniaga membawa kenderaan mereka ke destinasi di Kuala Lumpur untuk membuat perniagaan. Di kawasan perniagaan, tempat letak kereta perlulah dikenal pasti dan dipertingkatkan lagi.

Saya ingin mencadangkan bahawa projek-projek pembangunan sebelum diluluskan perlulah disyaratkan dengan tempat letak kereta bertingkat-tingkat untuk menyelesaikan masalah letak kereta di pusat bandaraya kita.

Saya difahamkan bahawa pihak DBKL akan menswastakan perkhidmatan menarik kereta pada akhir tahun ini. Sebagai salah seorang Ahli Parlimen di kawasan Kuala Lumpur, saya telah dinasihatkan oleh pengundi-pengundi saya bahawa projek penswastaaan ini tidaklah diterima sepenuhnya kerana pihak DBKL telah gagal memperuntukkan tempat-tempat untuk orang ramai meletak kereta.

Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak DBKL supaya menimbangkan sekali lagi cadangan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur dan tangguhkanlah projek penswastaaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, projek-projek perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Di Kuala Lumpur, saya difahamkan bahawa mengikut laporan DBKL 68% unit rumah termasuk rumah kos rendah dan sederhana akan dibina melalui beberapa projek yang akan diadakan sebelum tahun 2005. Syabaslah kepada agensi-agensi kerajaan yang terbabit di dalam projek-projek ini, tetapi saya harap projek-projek ini akan dijalankan mengikut jadual.

Baru-baru ini saya juga difahamkan bahawa projek-projek berkenaan pun telah ditangguh kerana kegawatan ekonomi. Saya harap Kerajaan Pusat akan menolong untuk meneruskan projek-projek ini dan saya harap pada tahun 2005, lebih kurang 30,400 unit rumah setinggan akan dihapuskan dan penduduk-penduduknya akan ditawarkan dengan rumah pangsa yang akan disewa atau dijual kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat, isu penjajaan di Kuala Lumpur. Oleh kerana kita kini menghadapi masalah kegawatan ekonomi, ramai pekerja tidak dapat kerja dan mereka menjadi penjaja di Kuala Lumpur tanpa lesen. Akibatnya penjaja-penjaja tanpa lesen di Kuala Lumpur pun telah dinaikkan sampai melebihi 15,000 orang. Angka ini tidak dinafikan oleh pihak DBKL walaupun di Kuala Lumpur pada masa kini ada lebih kurang 50,000 penjaja yang berlesen. Dengan tambahan penjaja yang begitu banyak masalah berkenaan dengan kekurangan premis-premis perniagaan untuk perniagaan kecil pun timbul. Rancangan untuk membina 14 pusat penjaja di tahun 1997 hingga sekarang oleh pihak DBKL pun telah ditangguhkan oleh kerana kemerosotan ekonomi.

Saya harap sebelum keadaan ekonomi berubah atau berkembang lagi, tempat-tempat perniagaan perlulah dikenalpastikan dan lesen penjaja mestilah diberikan buat sementara, secara temporary pun tidak mengapa. Pada masa kini penjaja tanpa lesen akan diberikan saman dan setiap sekeping saman akan didenda dengan RM300

sekeping. Saya rasa denda ini paling tinggi kerana setiap penjaja untuk setiap hari mereka hanya boleh mendapat keuntungan RM40 hingga RM50 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak berkuasa iaitu DBKL bolehlah menimbangkan sekali lagi tentang lesen penjaja sementara dan kurangkan denda saman apabila kita semua menghadapi masalah ekonomi. Bukanlah senang untuk seseorang penjaja itu mendapat keuntungan sebanyak RM300 sehari pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima masalah tentang pendapatan pemandu teksi di Wilayah Persekutuan. Pada masa kini apabila kita semua menghadapi kegawatan ekonomi dan industri pelancongan terjejas oleh keadaan isu keselamatan masyarakat kita termasuk ekonomi di Asia Tenggara telah pun terjejas, akibatnya para pemandu teksi pun bermasalah.

Saya difahamkan bahawa pendapatan bersih seorang pemandu teksi sehari hanya RM20 sahaja, walaupun mereka bekerja selama sepuluh jam sehari. Mengikut keadaan kini pemandu teksi akan mengutip lebih kurang RM100 sehari sahaja tetapi perbelanjaannya ialah:

- (i) sewa kereta sehari sebanyak RM43;
- (ii) minyak atau petrol dan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM40.

Selain daripada perbelanjaan seharian di atas, dia akan merizabkan RM300 untuk kos servis kereta sahaja tanpa bayaran road tax dan tayar. Jadi, jikalau kutipan sehari hanya RM100, ia tidak akan mendapat keuntungan. Jadi, ini akan menjadi satu masalah yang serius. Oleh sebab itu, perkhidmatan teksi telah menjadi satu isu kerana kadar kutipan teksi atau tambang teksi di Malaysia adalah paling murah berbanding dengan semua negara di Asia termasuk negara China.

Saya harap Kementerian Pembangunan Usahawan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menolong para pemandu teksi untuk memperbaiki imej perniagaan mengatasi keuntungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, sewa bulanan premis-premis perniagaan di Wilayah Persekutuan. Pada masa kini apabila kita menghadapi masalah kegawatan

ekonomi dan sektor perniagaan pun telah terjejas. Di Wilayah Persekutuan caj sewa bulanan premis perniagaan iaitu office rental space, dengan izin, perlulah dikurangkan.

Saya telah menerima beberapa aduan tentang isu ini, walaupun ada beberapa pusat membeli belah telah mengurangkan kadarnya tetapi saya tahu bahawa di Jalan Duta, Kuala Lumpur, kadar sewa bulanan di Taman Tunku pun dinaikkan walaupun peniaga-peniaga bermasalah iaitu Syarikat Selangor Property Berhad yang terlibat ingin menaikkan kadarnya selepas satu tahun.

Saya harap kementerian boleh menyiasat kes ini dan menasihatkan syarikat berkenaan walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berkuasa untuk campur tangan tetapi ini akan menolong para peniaga untuk mendapat kadar yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, isu yang paling serius di Kuala Lumpur. Isu berkenaan dengan projek pembangunan Le Chateau Condominium fasa satu dan dua oleh Tetuan Zamrud Property Sendirian Berhad di tanah-tanah GM 1334 Lot 10 dan GM 1335 Lot 11 Seksyen 94B Mukim Kuala Lumpur dan GM 1775 Lot 38, GM 1819 Lot 37 dan GM 2090 Lot 12 Seksyen 94 Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan daripada Jawatankuasa Protem penduduk-penduduk di projek ini, tanah-tanah yang tersebut di atas perlulah ditukarkan syarat tanah daripada maksud pertanian kepada bangunan kediaman sebelum projek ini dimulai.

Walaupun permohonan ini telah dibuat dan diluluskan pada 19 Julai 1991 tetapi pemohon

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat walaupun hari sudah suntuk tetapi

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat boleh lanjutkan ucapan Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Dr. Lee Chong Meng: Ya, okay, lima minit sahaja, okay. Tetapi pemohon iaitu pemilik tanah telah gagal menjelaskan premium tambahan yang dikenakan. Kegagalan ini telah menyebabkan kelulusan yang diberikan itu luput menurut perbekalan undang-undang Kanun Tanah Negara. Surat hak milik bagi tanah-tanah yang dimasukkan pada masa ini sedang mempunyai syarat nyata, dengan izin, native of cultivation fruit tree and pineapple sahaja.

Walau bagaimanapun, projek satu dan dua pun telah disiapkan tanpa Development Order (DO), Tuan Yang di-Pertua. Fasa satu telah diberikan kepada pembeli-pembeli dengan temporary CF sampai 14 kali oleh pihak DBKL. CF sementara ini pun telah tamat pada bulan November 1997. Ini bermakna bahawa kondominium ini adalah bangunan yang haram tetapi pembeli-pembeli masih duduk di situ tanpa insurans dan lain-lain kemudahan-kemudahan yang telah dijanjikan oleh pihak pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, untuk fasa dua, kondo-kondo ini pun telah disiapkan 80% tetapi semua kerja pun telah diberhentikan sejak tahun 1994. Pembeli-pembeli kondominium ini pun telah dapat pinjaman bank dan bayaran ansuran pun telah diteruskan. Jumlah unit-unit di fasa satu dan dua adalah lebih kurang 400 unit.

Tuan Yang di-Pertua, tiada permohonan hak milik strata yang telah pun dibuat oleh pihak pemaju sehingga hari ini, mengikut undang-undang adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah untuk menyelesaikan land matter yang berkaitan dengan tanah-tanah di mana bangunan Le Chateau Condominium itu didirikan.

Oleh sebab itu, saya harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh menyasat kes ini dan membetulkan semua masalah secepat mungkin. Saya pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun sedar tentang kes ini tetapi beliau pun tidak boleh

menyelesaikan kes ini kerana bermasalah yang serius. Oleh kerana pembeli-pembeli kondo-kondo projek Le Chateau telah menunggu selama lapan tahun dan tidak dapat jaminan, bilakah unit ini akan disiapkan. Mereka pun telah membuat satu police report masing-masing pada 31 Oktober tahun ini di Bahagian Jenayah Perdagangan di Bukit Aman.

Saya sebagai Ahli Parlimen untuk kawasan ini berharap bahawa pihak berkenaan akan mengemukakan satu siasatan yang lengkap dan keadilan perlulah dikekalkan. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.